


Jilid IV
Bil. 6



Hari Selasa
18hb Mac, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 833]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 893]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 894]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Kesihatan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

- Yang Berhormat Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Menteri Buruh, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).

- Yang Berhormat TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADDOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- .. TUAN LING SIE MING (Sibu).
- .. TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- .. DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- .. DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- .. TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- .. DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- .. DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- .. TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- .. DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- .. TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- .. TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- .. TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

- Yang Berhormat DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P.
(Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir
Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S.,
K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 18hb Mac, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
perkerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

RTM DI ALOR SETAR—
ODITORIUM

1. **Tuan Haji Seroji bin Haron** minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah Oditorium dan Pejabat RTM di Alor Setar akan didirikan.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Ng Cheng Kuai): Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanyaan Yang Berhormat tentang Oditorium dan Pejabat RTM di Alor Setar, adalah dimaklumkan iaitu kerja-kerja piling, dengan izin, sedang dilaksanakan sekarang dan dijadualkan siap pada akhir bulan April, 1986. Kerja pembinaan bangunan pula dijangka bermula pada bulan Jun, 1986 selepas segala urusan tender diselesaikan. Jika segala kerja berjalan mengikut jadual, Oditorium dan Pejabat RTM ini akan dapat digunakan pada pertengahan tahun 1988.

Tuan Haji Seroji bin Haron: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan iaitu kenapakah projek ini begitu lewat didirikan walhal batu asas telah diletakkan enam tahun dahulu.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, memang benar ada beberapa sebab yang mengakibatkan kelewatan dalam pembinaan projek Oditorium RTM Alor Setar. Pertamanya, skop bagi projek ini diubah selepas Jemaah Menteri pada 3hb Disember, 1980 membuat keputusan supaya Pusat Pengeluaran Wilayah bagi kawasan utara diadakan di Alor Setar. Berpandukan kepada keputusan ini, maka Oditorium akan diperbesarkan lagi supaya memuatkan seramai 500 orang penonton, sedangkan projek ini asalnya telah diwujudkan semasa kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketiga pada tahun 1978. Oleh kerana perubahan ini, kos projek telah dinaikkan dari \$5,560,000 ke \$9,196,007 pada 9hb Mac, 1982 oleh Unit Perancang Ekonomi.

Sebab kedua, semasa kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Keempat, peruntukan tambahan sebanyak \$6,100,000 telah diminta untuk melaksana pembinaan studio dan Oditorium pada tahun 1984/85. Oleh kerana keadaan ekonomi, peruntukan ini tidak diluluskan dan projek ini ditangguhkan sehingga Rancangan Malaysia Kelima.

HUTAN-HUTAN DI
MALAYSIA

2. **Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Perusahaan Utama untuk menyatakan sama ada beliau sedar bahawa hutan-hutan Malaysia telah dipertimbangkan oleh "World Resource Institute" sebagai di bawah paras yang genting (critical zone), oleh

kerana penanaman semula hutan masih belum selaras langkah (kept pace) dengan pembalakan dan pembasmian hutan dan jika ya.

- (a) apakah langkah yang Kementeriannya telah ambil untuk mengatasi masalah ini; dan
- (b) apakah rancangan perhutanan yang Kementerian telah adakan untuk menggantikan kawasan perhutanan yang begitu luas yang telah atau akan dibanjiri bagi tujuan mengeluarkan kuasa haidro-elektrik.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Utama sedar bahawa World Resource Institute, dengan izin, telah melaporkan hutan di Malaysia menghadapi keadaan yang kritikal oleh sebab kadar penebangan dan pelepasan hutan tidak seimbang dengan kadar perhutanan semula. Walau bagaimanapun, dalam laporan yang sama, World Resource Institute mengatakan keadaan di Malaysia tidak begitu serius dibandingkan dengan negara-negara lain. Bahkan Malaysia telah disebut sebagai satu-satunya negara yang mengamalkan sistem pengurusan hutan asli yang baik, berjaya menggalakkan penggunaan jenis-jenis kayu yang kurang terkenal dan melaksanakan sistem pemeliharaan dan pembangunan hutan yang teratur.

Bagi menentukan sumber hutan di Malaysia dapat dikawal dengan teratur, Kerajaan telah, sedang dan akan terus melaksanakan langkah-langkah yang berikut:

- (1) menubuhkan 12 juta hektar hutan simpan kekal;
- (2) mengurangkan kadar catuan tebang hutan tahunan sejajar dengan bekalan yang berterusan;

- (3) meningkatkan kadar pemulihan hutan simpan kekal supaya seimbang dengan kadar tebangannya;
- (4) menubuhkan ladang hutan;
- (5) mengharamkan eksport balak dari Semenanjung Malaysia yang berkuatkuasa sejak 1-1-85;
- (6) menggalakkan memprosesan kayu balak kurang terkenal dan kalau boleh seperti kayu getah;
- (7) meningkatkan kecekapan penghasilan hutan dan pemerosesan kayu untuk mengurangkan pembaziran; dan
- (8) menghadkan ukuran pokok hutan yang boleh ditebang.

Di bawah Akta Perhutanan Negara 1985, tertakluk kepada penerimaan negeri-negeri terhadap Akta ini, pihak berkuasa negeri harus menyediakan kawasan gantian terhadap sesuatu kawasan hutan simpan kekal yang dikeluarkan bagi sesuatu projek pembangunan atau projek ampangan. Di samping adanya peraturan undang-undang yang sedemikian, Kerajaan juga mengambil langkah untuk menggantikan hutan-hutan yang terhapus oleh projek-projek ampangan dengan cara:

- (1) memulihkan tanah-tanah usang yang terbiar dengan menanam pokok-pokok yang sesuai sebagaimana yang dijalankan di kawasan Bangkok, Sabah dan juga menghidupkan kawasan-kawasan bekas lombong di Semenanjung Malaysia yang mana sedang dikaji pada masa ini.
- (2) menjalankan Program Perhutanan Bandar di mana pokok-pokok digalakkan ditanam di tepi-tepi jalan dan taman-taman;

- (3) menjalankan Program Perhutanan Desa di mana penduduk-penduduk kampung digalakkan menanam pokok-pokok kayu bernilai tinggi dan juga pokok buah-buahan yang boleh juga menghasilkan balak.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, setakat ini berapa luaskah hutan-hutan ini yang ditanam semula dengan pokok-pokok gantian yang telah dijalankan oleh Jabatan yang berkenaan. Apakah jenis pokok-pokok yang ditanam ini, adakah pokok-pokok yang ditanam ini daripada jenis yang boleh dijadikan balak semula ataupun untuk dijadikan kayu semula ataupun hanya untuk menumbuh balik hutan yang telah ditebang itu?

Yang ketiga, adakah Jabatan Perhutanan berupaya untuk menjaga 12 juta ekar hutan simpanan yang telah dikekalkan itu kerana benda itu jauh di pedalaman, sedar-sedar hutan itu tidak ada kayu yang berguna kerana telah dicuri oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini seluas 7,000 hektar hutan pine telah ditubuh pada tahun 1973 dan 8,000 hektar lagi akan ditubuhkan. Kira-kira 50,000 hektar ladang hutan daripada jenis pokok yang cepat membesar dan menghasilkan kayu utiliti am telah tertubuh pada masa ini dan 300,000 hektar lagi akan ditubuhkan sehingga dekad pertama tahun 2000, iaitu 140,000 hektar di Semenanjung Malaysia dan 160,000 di Sabah.

Berkenaan dengan penjagaan hutan yang begitu luas yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat itu, Parlimen baru-baru ini telah meluluskan FRI sebagai Badan Berkanun dan dengan adanya

mengemaskinikan FRI ini, insya Allah, segala apa yang dikhuatirkan oleh Yang Berhormat itu dapat kita peliharakan melalui Jabatan Hutan dan FRI.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai angkanya di sini, berapakah baki hutan dara yang masih ada di negara kita sekarang dan apakah rancangan terhadap hutan dara yang masih berbaki itu?

Yang kedua, bagaimanakah keberkesanan terhadap Sistem Tebangan memilih (Selective Management System) yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Yang Berhormat?

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, mengikut angka yang ada pada saya, di Semenanjung Malaysia hutan dara yang tinggal dianggarkan 6 juta hektar, di Sarawak pula 9 juta hektar dan di Sabah ialah 4 juta hektar. Kalau kita tebang tanpa tanaman semula, dalam masa 30 tahun bogellah Malaysia ini.

Tentang masalah teknikal yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat itu, saya pohon menjawab secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau bogel Malaysia, apa jadi?

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, setakat ini berapa peratuskah daripada jumlah hutan keseluruhannya itu telah ditebang kerana maksud bogel tadi adalah satu perkara yang bahaya kepada negara.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya sudah tahu pun apa soalan yang hendak bangkitkan.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Adakah benar, Tuan Yang di-Pertua, penebangan hutan-hutan di dalam negara kita ini telah menyebabkan banjir melanda dengan begitu hebat di negara kita? Jadi adakah satu langkah yang kemaskini supaya mengelakkan banjir ini tidak berlaku dengan sebab kawalan tebanan hutan di dalam negara kita?

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kepada Yang Berhormat dari Bagan Datok kerana saya tidak dapat memberi peratusan yang telah ditebang dan berapa peratuskah yang tinggal. Bagaimanapun, angka yang tinggal telah pun saya beri.

Tentang kesedaran kita masalah pertukaran cuaca, kehidupan manusia dan binatang, sememang menjadi perkara utama yang telah ditimbang oleh Kementerian ini. Itulah sebabnya telah digariskan 8 perkara tadi untuk perhatian Yang Berhormat sendiri, untuk kita mengatasi masalah-masalah yang akan timbul.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, selain daripada mendapat hasil dari pembalakan iaitu kayu balak menjadi kayu-kayan untuk pembinaan, adakah pihak Kementerian atau FRI membuat penyelidikan supaya hasil yang lain boleh didapati daripada hutan-hutan negara kita dan kalau ada penyelidikan yang telah dibuat oleh FRI, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebutkan secara ringkas apakah hasil dari penyelidikan yang dibuat pada masa sekarang?

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, mengikut kehendak Pelan Induk industri negara, memang dimasukkan bahawa

hasil-hasil hutan ini mestilah kita kaji, kita teliti agar ia bukan hanya menghasilkan balak tetapi menghasilkan barang-barang pembuatan yang siap, iaitu "manufactured products", dengan izin. Dengan sebab itu, Kementerian Perusahaan Utama di bawah sayapnya yang dipanggil MTIB atau Malaysian Timber Industrial Board, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, telah melipatgandakan kajian agar hasil daripada kayu-kayan kita ini dapat kita menghasilkan "finished products", dengan izin, untuk mendapatkan keuntungan yang lebih, bukan sahaja untuk pasaran tempatan tetapi juga pasaran luar negeri.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Soalan tambahan. Apakah jenis-jenis kayu yang bermutu tinggi yang dicadangkan untuk ditanam di ladang hutan ini dan adakah Kementerian telah kenalpasti jenis kayu-kayu balak yang bernilai untuk ditanam di ladang-ladang ini untuk memberi hasil yang banyak kepada negara kita semasa harga kayu ini akan naik tidak berapa lama lagi, agak saya.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf dan akan saya jawab secara bertulis.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang untuk membekukan semua hutan-hutan dara daripada dibalakkan?

Yang kedua, dengan mengimportkan pokok-pokok yang cepat membesar itu, adakah ini akan menjejaskan ecology Malaysia?

Yang ketiga, adakah Kerajaan bercadang untuk memperbaiki perhubungan penyelarasan dengan negeri-negeri kerana misalnya di Endau-Rompin, walaupun ada kawasan itu menjadi satu simpanan

tetapi saya khuatir akan ada orang lagi untuk membalakkan kawasan yang begitu penting.

Satu soalan lagi ialah mengenai penguatkuasaan. Adakah penguatkuasaan ini akan dipertingkatkan dan akhir sekali berapa besarkah hutan-hutan composite tree yang dirancang oleh Kementeriaannya?

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita tidak ada cadangan untuk membasmi terus tebang hutan. Sepertimana yang saya katakan tadi, kita akan hanya mengurangkan kadar catuan tebang hutan tahunan sejajar dengan bekalan yang berterusan. Jadi tidak ada cadangan untuk membasmikan.

Tentang masalah ada juga orang-orang yang menebang hutan-hutan yang telah pun kita tentukan bahawa penebangan tidak boleh dijalankan, ini akan saya ambil perhatian.

Tentang peningkatan penguasaan hutan ini, dari semasa ke semasa Kementerian di bawah Jabatan Hutan dan FRI akan menjalankan penguasaan sebaik-baik yang boleh.

EKSPORT BUAH-BUAHAN TEMPATAN

3. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada buah-buahan tempatan seperti pisang, mangga dan betik sedang diekspor dan dipasarkan ke luar negeri seperti negara Jepun, Eropah dan Amerika dan jika ya, nyatakan jumlah tan yang diekspor dan amaun wang pertukaran asing yang diperolehi.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, ya, Malaysia mengeksport buah-buahan tropika ke luar negeri terutamanya ke pasaran Singapura, di samping ke pasaran-pasaran lain

seperti Hong Kong, Jepun, Brunei, Australia, United Kingdom, Sweden dan Filipina. Eksport bagi pisang, mempelam, betik, nenas, manggis, rambutan, durian dan tembikai dari bulan Januari hingga Oktober 1985 ialah sebanyak 82,000 tan dan amaun pertukaran wang asing ialah sebanyak \$45.2 juta.

Tuan Omar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ingin saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian caranya petani-petani di kampung-kampung dapat menyertai peluang ini dan apakah agensi di bawah Kementerian Pertanian yang dapat membantu khususnya dalam kaedah pembungkusan, pemasaran dan lain-lain aspek teknikal?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, petani-petani dan pekebun-pekebun kecil kebanyakannya telah menyertai Persatuan Peladang dan melalui Persatuan Peladang mereka dapat menyertai rancangan eksport ini.

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan Timbalan Menteri tadi buah-buahan yang diekspor itu tidak termasuk buah nangka. Buah nangka ini sejenis buah yang sedap dimakan dan boleh dapat sepanjang tahun. Adakah Kementerian Pertanian sedia mengadakan projek menanam buah nangka ini secara besar-besaran untuk keperluan tempatan dan juga proses untuk diekspor?

Soalan kedua ialah berapa jenis buah-buahan tempatan telah diproses dan diekspor?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bukan sahaja nangka yang sedap. Jenis-jenis buah-buahan lain pun sedap sangat, tetapi setakat ini nampaknya kumpulan-kumpulan yang besar seperti syarikat-syarikat besar tidak begitu berminat

menanam buah-buahan secara perladangan kerana sekiranya hendak dieksport secara besar-besaran ke Hong Kong, Jepun dan sebagainya, tanaman perlulah diadakan secara perladangan dan kualiti dapat dijamin, pengendalian bermutu tinggi dan kualiti buah-buahan yang sampai ke pihak pengguna di Jepun dan Hong Kong baik sekali. Jadi, Kementerian memang menggalakkan usahawan-usahawan Malaysia supaya mengeksploitasikan potensi pasaran yang berada di Hong Kong, Jepun dan sebagainya dan kemudian menanam buah-buahan tropika secara perladangan. Kementerian Pertanian akan memberi segala perkhidmatan dan sokongan.

Berkenaan dengan jenis-jenis buah-buahan yang diproses dan dieksport, bilangannya besar, tetapi saya tidak dapat memberi satu angka yang tepat.

Puan Hajjah Wan Zainab binti M. A. Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, adakah benar iaitu tambang kapal untuk mengeksport buah-buahan kita ini mahal dan saya suka tahu apakah caranya dapat kita mengurangkan harga tambang kapal ini supaya petani-petani kita dapat keuntungan yang lebih baik?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, kos tambang kapal terbang memang merupakan suatu faktor yang besar dan Kementerian telah mengambil inisiatif untuk merunding dengan MAS supaya kadar yang istimewa dapat diberi kepada pengeksport-pengeksport buah-buahan tropika.

Dr Chen Man Hin: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata, jumlah eksport luar negeri untuk buah-buahan ialah \$42 juta, tetapi saya rasa tak berapa puas hati sebab beliau tak beri breakdown untuk figure itu. Adakah

beliau setuju \$42 juta ini ialah termasuk durian yang banyak dieksport ke Singapura. Tetapi saya rasa kurang pisang, papaya atau lain-lain buah-buahan ada dieksport ke negara-negara yang membangun. Setuju atau tidak setuju?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, angka sebenarnya ialah \$45.2 juta dan ini termasuk nilai eksport ke Singapura. Sebenarnya kebanyakan buah-buahan tropika dipasarkan di Singapura. Walau bagaimanapun, pengguna-pengguna Hong Kong, Jepun dan sebagainya sekarang berminat sangat tentang buah-buahan tropika seperti manggis, pisang emas dan sebagainya dan potensi di situ sangat-sangat menggalakkan.

SISTEM IMPERIAL KE SISTEM METRIK

4. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa pertukaran daging kati kepada kilo sekarang menyebabkan banyak penipuan yang telah berlaku; di bandar dapat dikawal, tetapi di luar bandar tidak ada kawalan yang boleh membawa si penipu untuk didakwa ke Mahkamah, kalau sedar, apakah tindakan akan dijalankan untuk mengatasi masalah itu.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa proses pertukaran Sistem Imperial ke Sistem Metrik ini telah menyebabkan penyelewengan dilakukan oleh para peniaga, khasnya di luar bandar. Akan tetapi, untuk makluman Ahli-ahli Dewan sekalian, ingin saya memaklumkan bahawa pegawai-pegawai Kementerian saya sentiasa mengawasi perlaksanaan sistem ini untuk menentukan pengguna-pengguna tidak terpedaya.

Pengawasan yang dijalankan adalah untuk mencegah penyelewengan seperti:

- (1) Menggunakan dalam urusan niaga alat-alat timbang dan sukat yang bukan dari jenis metrik atau yang tidak disahkan oleh Kementerian saya;
- (2) Menggunakan dalam urusan niaga alat-alat timbang dan sukat yang tidak tepat timbangan atau sukatannya;
- (3) Memberikan kurang timbangan kepada kuantiti barang-barang yang dijual termasuk barang-barang tersedia bungkus.

Sejak Sistem Metrik ini dikuatkuasakan di seluruh negara mulai 1-1-1982 ramai para peniaga yang tidak mematuhi Akta Timbang dan Sukat 1972 telah pun diambil tindakan. Data-data mengenainya adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah kes</i>
1984	553
1985	561
1986 (hingga Februari)	70

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, adakah pernah dibuat operasi memeriksa alat-alat timbang dan adakah pernah diberi masa kepada pekedai-pekedainya tentang alat-alat timbang yang dipakainya itu mesti dihantar untuk pemeriksaan dalam masa tempoh-tempoh yang tertentu, takut-takut ada yang rosak. Apakah ini pernah dilaksanakan operasinya ataupun perintahnya tentang tengok atau periksa alat-alat timbang ini?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, memang kita mengambil langkah sentiasa untuk menjalankan operasi

pemeriksaan di seluruh negara menerusi pejabat-pejabat penguatkuasa yang telah pun ditubuhkan di bandar-bandar yang besar dan juga di pekan-pekan kecil kita menjalankan operasi mengikut jadual-jadual tertentu terutama di kawasan-kawasan di mana banyak terdapat aduan.

Keduanya, memang mengikut peraturan yang ada sekarang ini pihak pemilik-pemilik alat-alat timbang dan sukat diwajibkan untuk membawa alat-alat timbang dan sukat mereka ke Pejabat Penguatkuasa Timbang dan Sukat di bawah Kementerian saya untuk diperiksa sekurang-kurangnya setahun sekali. Ini memang ada peraturan dan kalau sekiranya mereka tidak menghantar boleh diambil tindakan di bawah Akta Timbang dan Sukat.

SEKOLAH-SEKOLAH LUAR BANDAR—KEMUDAHAN ASAS

5. Tuan Haji Ahmed Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah masih begitu banyak sekolah-sekolah rendah terutama di luar bandar yang terus ketinggalan dengan kemudahan-kemudahan asas, seperti tiada bekalan telefon, tiada Kerani, tiada mencukupi bekalan buruh. Juga sekolah-sekolah tersebut tiada dibekalkan peralatan bantu seperti mesin pendua, mesin taip, mesin rumput dan sebagainya. Memandangkan keperluan-keperluan tersebut sangat penting untuk kesempurnaan dan membantu tanggungjawab Guru Besar, kakitangan yang lain untuk kepentingan murid-murid dan kalau Kementerian menyedari masalah ini, bilakah kekurangan-kekurangan ini dapat disempurnakan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar

dan sentiasa mengambil berat tentang masalah kemudahan fizikal dan kakitangan yang dihadapi oleh Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah di luar bandar. Oleh sebab inilah Kementerian Pelajaran telah memperuntukkan lebih 80% daripada peruntukan pembangunan Sekolah Rendah disalurkan kepada program pembangunan Sekolah Rendah di kawasan luar bandar dalam Rancangan Malaysia Kedua, Rancangan Malaysia Ketiga dan Rancangan Malaysia Keempat.

Dalam peruntukan bagi pelajaran menengah pula, secara purata dua pertiga daripada peruntukan tersebut telah disalurkan kepada kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun, disebabkan masalah kekurangan peruntukan pada masa ini segala kemudahan yang diperlukan itu tidak dapat dipenuhi dalam masa yang singkat. Masalah-masalah ini akan diatasi peringkat demi peringkat mengikut kemampuan kewangan Kerajaan, insya Allah.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyatakan bahawa Kementerian menghadapi masalah kekurangan peruntukan untuk memperengkapkan sesebuah sekolah itu dengan alat-alat ataupun kemudahan fizikalnya. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengapakah Kementerian ini tidak membekalkan sekali kemudahan-kemudahan fizikal tersebut kepada sekolah-sekolah yang akan dibina semasa Kementerian merancang untuk mendirikan sesebuah sekolah rendah ataupun sekolah menengah.

Dan keduanya, adakah Kementerian ini sedar bahawa kebanyakan sekolah-sekolah menengah rendah terutama yang dibina di kawasan-kawasan penempatan yang baru di kawasan

FELDA memang kekurangan bekalan elektrik yang menjadi bahan keperluan bagi murid-murid terutamanya murid-murid yang mengambil mata pelajaran Sains Paduan, Urusan Rumahtangga, Seni Perusahaan dan sebagainya. Jika murid-murid Tingkatan Tiga ini yang mengambil mata pelajaran tersebut di sekolah tersebut tidak dibekalkan dengan bekalan air, bekalan api elektrik dan sebagainya, bagaimana murid-murid dapat mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan SRP mereka.

Jika sedar tentang berlaku wujudnya tentang masalah ini apakah rancangan-rancangan masa hadapan Kerajaan untuk memperengkapkan bekalan-bekalan tersebut kepada sekolah-sekolah menengah rendah di kawasan-kawasan yang saya sebutkan itu tadi. Terima kasih.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang pertama saya sendiri pun kurang faham atas memberi kemudahan fizikal terus menerus semasa diperbaiki, namun demikian kita apabila membuat sekolah memanglah kita sediakan kemudahan fizikal termasuklah yang perlu untuk matapelajaran-matapelajaran yang tertentu dan sebagainya kerana kalau kita hanya membuat bangunan sekolah tanpa kemudahan fizikal, maka ianya sudah tentu tidak memberi erti dan setakat ini tidak ada laporan yang khusus mengenai adanya sekolah-sekolah yang kita buat tanpa diberi kemudahan-kemudahan fizikal dan kita mendapati setakat ini semuanya di dalam keadaan yang baik.

Walaupun bagaimanapun, apa yang dilaporkan oleh Ahli Yang Berhormat, insya Allah kita akan teliti dan selidiki, kalau ada, kita akan ambil tindakan segera.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama, bahagian lain dari segi peruntukan kakitangan, kita selama ini telah memperuntukkan untuk sekolah-sekolah yang baharu seumpama yang telah diberitahu oleh Ahli Yang Berhormat iaitu sekolah rendah kita tentukan supaya mendapat Pegawai Kerani, satu jawatan, Jaga—1, Pekerja Am—2 jawatan. Dan bagi sekolah menengah kita beri seorang Pegawai Kerani, seorang Pembantu Makmal Rendah, seorang Jaga dan dua orang Pekerja Am untuk sekolah itu. Ini ialah apa yang kita buat sekarang. Namun demikian kita mempunyai perancangan yang hendak kita laksanakan tetapi oleh kerana keadaan ekonomi yang tidak mengizinkan, maka kita belum dapat melaksanakan perancangan yang kita sediakan.

Mengenai sekolah menengah rendah yang dikatakan tidak mempunyai kemudahan-kemudahan untuk matapelajaran-matapelajaran tertentu terutama sekali bekalan elektrik, bekalan air untuk menjalankan beberapa jenis mata pelajaran tertentu, saya rasa setakat ini kita rasa keadaannya sungguh memuaskan dan saya kata tadi walau bagaimanapun apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat, kita akan selidiki dan ambil tindakan sekiranya ini benar-benar keadaannya rumit.

Tuan Yew Foo Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan sejumlah peruntukan yang terbesar sebanyak 80% untuk memberi kemudahan fizikal kepada sekolah-sekolah luar bandar. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sama ada beliau menyedari ada sekolah, bukan hanya kekurangan kemudahan fizikal sahaja, mereka adalah tidak ada tandas (toilet). Dalam kawasan

saya juga ada sekolah yang tidak ada toilet dan murid-murid terpaksa menggunakan longkang sahaja. Itu adalah benar.

Saya ingin tahu adakah kejadian ini akan berterusan dan adakah pihak Kerajaan membuat satu kajian atas kejadian yang begitu buruk dan adakah sekolah yang bangunan mereka telah terlalu buruk akan diperbaiki selain daripada memberi kemudahan fizikal sahaja.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, memanglah tandas, sepertimana juga kemudahan-kemudahan lain, memang ada tempat-tempatnya di mana susah untuk kita memperolehi kemudahan yang memuaskan.

Saya sendiri pun pernah melawat sekolah-sekolah terutama sekali di Sabah dan Sarawak yang terpencil tanpa mempunyai tandas yang baik dan kemudahan-kemudahan lain. Namun demikian ini ada hubung-kait dengan kemudahan air juga. Kadang-kadang kita menyediakan tandas yang dikatakan, dengan izin, oleh orang Sarawak "jamban tarik". Jadi, kalau kita sediakan yang moden seperti ini sedangkan air tidak ada, jadi budak-budak terpaksa mengotorkan kemudahan ini kerana air tidak ada untuk, dengan izin, mem"flush"kan. Bahasa Inggeris di Bahasa Malaysiakan, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*). Jadi, ini sudah tentu semata-mata mengotorkan tandas dan jamban. Apa yang dilakukan oleh sekolah-sekolah terpencil seperti ini di mana bekalan air tidak ada, mereka kadangkala menggunakan sungai supaya najis disalurkan terus ke sungai, dan tidak adalah tandas moden. Kemudahan-kemudahan yang digunakan di tempat-tempat yang boleh dirasakan baik dan memuaskan dan dari segi kesihatan memang sudah pasti memuaskan juga.

Kita memang sentiasa berusaha memberi kemudahan-kemudahan yang diperlukan. Misal kata tahun 1986 ini kita diperuntukkan lebih kurang \$5,000 juta keseluruhannya dan lebih kurang \$1.2 ribu juta untuk membangunkan aspek-aspek fizikal sekolah-sekolah di luar-luar bandar. Namun demikian, kita masih lagi mendapati bahawa ini tidak mencukupi dan berusaha untuk membahagi-bahagi kepada begitu banyak sekolah supaya dapatlah kemudahan-kemudahan ini diperolehi oleh sekolah-sekolah tertentu.

PAKAIAN SERAGAM JURURAWAT

6. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa terdapat satu arahan Kementerian bagi menegah jururawat-jururawat Islam dari memakai baju berlungan panjang serta menutup aurat semasa menjalankan tugas, adakah pakaian seperti ini menjejaskan tugas-tugas seorang jururawat; adakah Kerajaan bercadang untuk menarik balik arahan ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan tidak bertujuan menukar bentuk pakaian seragam jururawat-jururawat yang ada sekarang kerana bentuk yang ada sekarang adalah dianggap sesuai dengan tugas-tugas yang dijalankan oleh jururawat-jururawat. Baju yang berlungan panjang adalah tidak praktikal untuk mereka. Seumpamanya jururawat-jururawat perlulah membasuh tangan dan lengan sebelum dan selepas menjalankan satu-satu prosedur. Selain dari itu, lengan panjang juga tidak dibenarkan kerana ia boleh dijangkiti kuman-kuman apabila mengendalikan pesakit-pesakit dan dengan itu

membawa kuman-kuman dari satu pesakit ke satu pesakit yang lain ataupun ke orang-orang yang lain.

Jururawat-jururawat juga tidak dibenarkan menutup telinga atau muka kerana amalan ini akan mengganggu tugas-tugas mereka.

Pada masa ini jururawat-jururawat diberi pilihan sama ada hendak memakai gown atau seluar dengan baju blouse, mengikut peraturan pakaian seragam untuk jururawat yang sedia ada.

Tuan Alias bin Md. Ali: Soalan tambahan. Uniform atau pakaian merupakan ciri-ciri yang kecil. Tetapi dari segi hukum Islam perkara ini adalah satu perkara yang besar oleh kerana ia melibatkan aurat. Kalau kita bercakap tentang penerapan nilai-nilai Islam maka kita tidak dapat lari daripada hakikat bahawa menutup aurat di kalangan pegawai-pegawai atau kakitangan Kerajaan adalah mustahak. Oleh itu, adakah pihak Kementerian bermaksud untuk mengkaji semula keputusan yang tidak mahu mengubah uniform untuk jururawat ini sekurang-kurangnya untuk jururawat yang beragama Islam. Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, alasan yang diberikan itu mungkin munasabah tetapi keperluan untuk memenuhi syarat-syarat dan hukum-hukum Islam lebih penting daripada lain-lain keperluan.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, kami telah mengkaji perkara ini beberapa kali dan berpendapat bahawa pakaian yang digunakan sekarang ini tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam.

Tuan Othman bin Abdul: Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa adalah tidak praktikal bagi jururawat-jururawat ini yang memakai baju berlungan panjang dan menutup kepala. Adakah Yang

Berhormat sedar bahawa doktor-doktor wanita juga ramai yang memakai baju berlengan panjang dan menutup kepala. Adakah mereka juga akan dikenakan tatacara yang sama dalam perkara ini?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak ada pakaian seragam untuk doktor-doktor, tetapi kami di Kementerian tidak menggalakkan doktor-doktor menggunakan pakaian seperti yang disebutkan itu.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa Jawatankuasa ini telah membuat kajian berhubung dengan masalah uniform kepada pekerja-pekerja yang beragama Islam. Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah Jawatankuasa ini terdiri juga daripada orang-orang yang benar-benar memahami masalah hukum-hukum dalam Islam. Apa yang kita takut kemungkinan Jawatankuasa ini tidak menyedari, tidak memahami apakah itu yang dikatakan Islam.

Dato' K. Pathmanaban: Susah sekarang ini hendak mencari yang benar-benar tahu apa hukum Islam itu kerana ada juga orang yang menonjolkan beberapa nilai yang tidak diterima oleh orang lain. Jadi, saya tidak tahulah siapa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Matang untuk diserapkan dalam Jawatankuasa. Setahunya kita telah secara jujur dan ikhlas mengkaji perkara ini dan beberapa pendapat yang telah dikemukakan diambil kira dalam membuat keputusan yang saya umumkan tadi.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebenarnya jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidak benar dari segi Islam. Dalam Islam kalau lengan pendek tidak menutup aurat itu bukan Islam. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu siapakah ahli-ahli Jawatankuasa yang menduduki dalam kajian masalah pakaian ini?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sebut adanya Jawatankuasa dalam jawapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Munasabah soalan-soalan tersebut sukar dijawab sebab inilah dilemma di hadapan kita semua.

POST MORTEM ATAS MAYAT ORANG ISLAM

7. **Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud** minta Perdana Menteri menyatakan apakah hukumnya dari segi Agama Islam "post mortem" yang dilakukan terhadap mayat-mayat orang Islam. Apakah garis panduan yang sesuai boleh digunakan apabila "post mortem" terpaksa dijalankan mengikut undang-undang yang dipakai sekarang.

Setiasaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Awang bin Jabar): Tuan Yang di-Pertua, dari segi pandangan Islam "post mortem" ke atas mayat-mayat orang Islam adalah harus jika memenuhi syarat-syaratnya iaitu dengan tujuan pembedahan adalah untuk memelihara dan mengawal muslihat umum apabila berlaku satu-satu kematian yang menimbulkan syak dan subahat. Ini adalah dalam keadaan di mana sesuatu kematian itu ada kaitannya dengan orang lain atau disyaki sebagai ekoran dari perbuatan jenayah.

Garis panduan secara terperinci bagi maksud pelaksanaan “post mortem” kini sedang disusun. Garis panduan yang dipakai pada masa ini secara am adalah seperti berikut:

- (a) tujuan pembedahan hendaklah untuk mencari sebab sebenar berlakunya kematian itu;
- (b) pembedahan hendaklah dilakukan oleh pakar pembedahan;
- (c) pembedahan hendaklah dilakukan pada tempat atau bahagian tubuh badan si mati yang ada kaitan dengan sebab-sebab kematian sahaja; dan
- (d) pembedahan hendaklah dilakukan dengan segera supaya urusan mengendalikan mayat dapat dilakukan mengikut hukum syarak.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tadi Yang Berhormat mengatakan hukum dalam Islam harus “post mortem” orang-orang mati. Adakah telah dibuat penyiasatan ini dengan teliti betul-betul dalam hukum Hadis ataupun Ijmak Ulama dan sebagainya, sebab saya sendiri ada tengok dalam satu Hadis sahih mengatakan haram hukumnya. Oleh yang demikian, adakah bagi pihak yang berkenaan sudah benar-benar berpuas hati kerana Hadis yang saya sebutkan tadi adalah dalam Muslim. Pertanyaan saya adakah dirujuk kepada Hadis sahih ini atau hanya pendapat-pendapat sahaja.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, segala-galanya ini telah diambil kira tetapi keputusan yang dibuat adalah memandangkan dari segi muslihat umum yang perlu dilaksanakan bagi kepentingan masyarakat Islam di negara kita.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang saya buat ini adalah kali yang kedua dalam Dewan ini, yang pertama saya rasa lepas pilihanraya 1982. Soalan tambahan saya ialah apa yang diperlukan oleh garis panduan ini terdapat banyak kali seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi bahawa perlu disegerakan. Yang saya hendak timbulkan, oleh kerana sudah lama tak perlu disegerakan. Umpamanya kalau mayat itu sampai dekat waktu Magrib oleh kerana kawasan saya jauh hendak sampai ke hospital satu jam lamanya. Kita kena tunggu sampai pagi esok oleh kerana katanya mengikut undang-undang mesti cahaya matahari keluar daripada pukul 6.00 pagi hingga pukul 6.00 petang. Jadi, dengan alasan bahawa apabila api kurang terang dan sebagainya tidak wajarlah kepada mereka ini hendak membuat “post mortem” pada waktu malam. Dan kita bertanya mengapakah sekurang-kurangnya garis panduan secara temporary—sementara diberikan kepada mereka ini oleh kerana terdapat banyak daripada pegawai-pegawai perubatan yang ada di daerah-daerah itu bukan daripada agama Islam.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tersebut menyentuh Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Dato Jamaluddin bin Haji Suhaimi.

(Soalan No. 8 Yang Berhormat Dato Jamaluddin bin Haji Suhaimi tidak hadir).

PEMBANGUNAN INDUSTRI

9. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi kelemahan-kelemahan struktur yang telah menyekat pembangunan industri

di negara kita, seperti yang telah dicamkan oleh Pelan Induk Industri. Bagaimanakah Kerajaan bercadang untuk melonggarkan dasar-dasar dan undang-undang yang tertentu yang bersifat membatasi (restrictive) supaya merangsangkan lagi usaha-usaha sektor swasta dalam pembangunan industri.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar akan beberapa kelemahan struktur (structural weaknesses) yang terdapat di dalam industri di negara ini seperti tahap teknologi yang rendah, kilang-kilang yang kecil dan tidak cekap, kurangnya industri sampingan (lack of linkages) dan pengeluaran yang sebahagian besarnya berasaskan kepada operasi pemasangan (assembly operations) yang mana nilai "value added" adalah rendah. Pelan Induk Perindustrian telah mencadangkan beberapa langkah untuk mengatasi kelemahan-kelemahan di atas dan tindakan-tindakan yang sewajarnya sedang diambil oleh Kementerian ini. Langkah-langkah itu termasuklah memberi penekanan terhadap latihan teknikal yang boleh meninggikan kepakaran pekerja-pekerja, memberi galakan kepada industri-industri yang berasaskan sumber asli Malaysia (resource based industries) dan penubuhan industri berat secara "selective" yang dapat memberi sokongan kepada industri-industri yang lain.

Kerajaan akan juga menggalakkan perkembangan industri yang berorientasikan eksport supaya dapat membesarkan asas eksport negara yang pada masa ini hanya tertumpu kepada sebilangan kecil industri seperti barang-barang elektrik dan tekstil. Untuk ini, satu sistem galakan baru akan dibentangkan di sidang Parlimen sekarang untuk menggantikan Akta Galakan

Pelaburan 1968. Galakan ini juga akan menambahkan lagi industri memproses barang-barang mentah Malaysia kepada barang-barang siap yang mempunyai "value added" yang lebih tinggi.

Untuk mencapai tujuan di atas, Kerajaan juga sedang mengkaji beberapa kemudahan dan galakan tambahan yang telah disyorkan oleh Pelan Induk Perindustrian untuk mewujudkan industri yang lebih cekap dan berorientasikan eksport dan di samping itu meningkatkan prestasi industri-industri yang kurang memuaskan.

Kerajaan juga sedang giat mempertimbangkan syor-syor lain untuk memperkukuhkan kegiatan penyelidikan dan pembangunan (research and development), terutamanya dalam bidang pemindahan teknologi dan penekanan terhadap usaha-usaha R & D dalam sektor pembuatan. Kerajaan juga akan terus mengambil perhatian khusus bagi menambah bilangan pekerja-pekerja mahir dan terlatih di bidang perindustrian, dan kini mengambil pendekatan yang menyeluruh dalam bidang latihan teknikal dan vokesyenal dan dalam hubungan ini masalah meninggikan produktiviti akan dititikberatkan.

Berhubung dengan peraturan-peraturan dan dasar-dasar yang dikatakan "restrictive", ingin saya memaklumkan di sini bahawa Kerajaan telah pun bertindak untuk melonggarkan dasar-dasar dan peraturan-peraturan yang berhubung dengan pelaburan. Pindaan telah pun dibuat kepada peraturan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA) di mana syarikat-syarikat kecil yang mempunyai modal kurang daripada \$1 juta ataupun bilangan pekerja kurang daripada 50 orang telah dikecualikan daripada pelesenan di bawah Akta tersebut. Kerajaan juga telah melonggarkan syarat

berhubung dengan pembesaran keupayaan di mana semua syarikat-syarikat yang berorientasikan eksport dibenarkan membesarkan keupayaan mereka tanpa memerlukan kelulusan daripada Kerajaan. Bagi projek-projek yang berorientasikan pasaran dalam negeri, proses untuk membesarkan keupayaan juga telah dipermudahkan.

Kerajaan juga telah melonggarkan syarat berhubung dengan ekuiti di mana syarat ekuiti tidak akan diubah apabila sesebuah syarikat itu menjalankan pembesaran. Kelonggaran ini adalah bertujuan untuk memudahkan pihak swasta membuat keputusan berhubung dengan operasi mereka.

Adalah diharapkan supaya pihak swasta akan mengambil peluang daripada kelonggaran ini untuk menambahkan pelaburan mereka dan seterusnya mempercepatkan lagi pembangunan perindustrian negara.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Mulia Menteri sama ada terdapat apa-apa tanda yang positif yang menunjukkan bahawa pihak swasta telah menyambut baik perlonggaran-perlonggaran syarat-syarat di bawah ICA dan juga peraturan-peraturan yang lain. Itu yang pertama.

Yang keduanya, sama ada Kementerian beliau telah mengkaji dengan secara mendalam projek-projek industri berat yang sedang ada dan akan dilaksanakan itu adakah berpatutan mengikut prinsip-prinsip dan juga garis panduan-garis panduan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Mulia tadi.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, kita telah menerima banyak permohonan untuk mendirikan kilang dan juga permohonan untuk membesarkan

keupayaan kilang-kilang yang sudah pun didirikan dan mengeluarkan barang-barangan di tanahair kita. Ini adalah oleh kerana saya fikir pindaan yang dibuat terhadap syarat-syarat yang dikenakan di bawah Akta Penyelarasan Pelaburan dan mungkin lebih banyak lagi akan dilakukan sekiranya difikir menguntungkan mereka berbuat demikian.

Mengenai industri berat, memang kajian berjalan secara terus-menerus. Industri-industri berat yang telah pun didirikan sehingga hari ini memang mendapat kajian bukan sahaja daripada Kementerian saya, tetapi juga Kementerian-kementerian lain untuk melihat bagaimana perkembangan yang telah berlaku sejak industri-industri berat ini ditubuhkan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Mulia Menteri bercadang untuk mengemukakan Pelan Induk Industri di Dewan yang mulia ini. Kalau tidak, mengapa?

Yang kedua, tentang perindustrian kecil dan pertengahan. Tadi Yang Berhormat Mulia tidak menyebutkan bagaimana kedua-dua sektor ini akan digalakkan dan dibantu untuk membolehkan satu pemindahan teknologi yang benar-benar berlaku. Setakat ini kerana terlalu berat sebelah ke industri berat, maka tidak ada pemindahan teknologi yang cukup, yang memuaskan dan tidak ada "linkages" yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Mulia tadi.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekiranya perakuan bagi menjawab soalan kedua akan terdapat dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kelima, tidak perlu Yang Berhormat Mulia jawab sekarang soalan kedua itu.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, memang sudah pun ada perakuan dalam Rancangan Malaysia Kelima mengenai rancangan Kerajaan hendak memperhebatkan pembangunan industri kecil sebagai sampingan kepada penubuhan industri-industri berat.

Mengenai soalan pertama, iaitu sama ada akan dibentang rancangan Pelan Induk Perindustrian dalam Dewan ini, saya pohon maaf, tidak ada cadangan oleh kerana pelan induk yang dirangka itu adalah semata-mata guna untuk membolehkan pihak perancang dan Kerajaan mengatur langkah-langkah sesuai untuk memperhebatkan pembangunan industri di Malaysia.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Mulia Menteri Perdagangan dan Perindustrian sebagaimana yang kita tahu bahawa lapangan industri ini merupakan lapangan baru kepada bumiputera. Jadi, apakah rancangan dan pelaksanaan yang telah dilakukan di dalam Pelan Induk Perindustrian itu untuk melibatkan bumiputera supaya ianya dapat menikmati dalam lapangan ini dan juga dapat bertanding dengan mereka yang telah pun mempunyai monopoli dalam lapangan industri ini.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diketahui umum apa jua rancangan ekonomi yang disusun oleh Kerajaan adalah bersandar kepada dasar Ekonomi Baru dan setiap yang disusun dan diatur adalah bertujuan untuk menambahkan penglibatan dan penyertaan bumiputera dalam lapangan ekonomi moden ini. Maka dalam Pelan Induk Perindustrian pun tidak ketinggalanlah bahagian yang menekan kepada betapa pentingnya penyertaan bumiputera dalam lapangan baru ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ismail bin Arshad.

(Soalan No. 10 Yang Berhormat Tuan Ismail bin Arshad tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Yahya bin Haji Zakaria.

(Soalan No. 11 Yang Berhormat Tuan Yahya bin Haji Zakaria tidak hadir).

MARA—BUMIPUTERA DALAM INDUSTRI PEMBUATAN/ PENGILANGAN

12. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) perancangan MARA untuk menggalakkan penglibatan Bumiputera dalam industri pembuatan dan pengilangan;
- (b) memandangkan masalah utama ialah masalah pemasaran adakah MARA akan menumpukan kepada barang yang banyak digunakan oleh pihak Kerajaan khususnya barangan yang terdapat dalam kontrak pusat Perbendaharaan; dan
- (c) apakah bentuk bantuan yang akan diberikan kepada peserta-peserta skim industri kecil MARA ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, pendekatan perancangan MARA di dalam usaha-usaha untuk menggalakkan penglibatan bumiputera dalam industri pembuatan dan pengilangan adalah seperti berikut:

- (a) (1) Mengenalpasti projek-projek yang berdaya maju

dari segi jenis perusahaan, hasil keluaran, pemasaran, pelaburan dan lain-lain berkaitan viability untuk diusahakan oleh usahawan bumiputera.

- (2) Menyediakan pusat industri yang dikenali dengan kawasan industri kecil untuk usahawan bumiputera menjalankan perusahaan yang telah dikenalpasti.
 - (3) Latihan kemahiran kepada pemuda-pemudi bumiputera dalam Instituti Kemahiran MARA.
- (b) Dalam bidang pemasaran MARA melibatkan diri dalam kontrak pusat Kerajaan melalui anak-anak syarikat khususnya dalam membekalkan barang-barang yang banyak digunakan oleh Kerajaan. Daripada jumlah 12 buah syarikat yang berasaskan perkilangan dan perindustrian 7 daripadanya adalah terlibat dalam kontrak pusat Kerajaan. Di akhir-akhir ini disebabkan keadaan ekonomi yang tidak stabil, pesanan yang diterima dari Kerajaan hanya 50% dari nilai kontrak sebenarnya. Kerana itulah MARA sedang merangka strategi-strategi untuk tidak terlalu bergantung kepada pasaran kontrak Kerajaan semata-mata dengan menumpukan aktiviti keluaran kepada pasaran terbuka.
- (c) Kemudahan-kemudahan yang dicadangkan disediakan kepada peserta-peserta skim industri kecil MARA adalah seperti berikut:
- (i) Ruang niaga dan infrastruktur.
 - (ii) Pusat kemudahan bersama ataupun pusat gunasama, misalnya menyediakan

mesin-mesin tertentu untuk kegunaan ramai kerana tidak ekonomik untuk dibeli secara individu.

- (iii) Bimbingan dan khidmat nasihat meliputi bidang pengeluaran, pemasaran, rekabentuk, pengurusan, perolehan bahan-bahan mentah dan pemasaran.
- (iv) Bantuan kewangan sama ada melalui Skim Pinjaman MARA atau lain-lain institusi kewangan.
- (v) Bantuan luar yang diperlukan bagi projek-projek yang berkaitan.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengemukakan soalan tambahan, iaitu bagaimanakah pihak MARA memilih peserta-peserta untuk menyertai projek-projek ini. Terima kasih.

Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, bagi projek-projek yang dimajukan oleh Bahagian Kemajuan Projek MARA, peserta-peserta akan ditemuduga dan mereka yang mempunyai kemampuan dan keupayaan untuk menjayakan projek-projek berkenaan akan dipilih dan mereka ini akan dihantar untuk kursus-kursus yang berkenaan dan selepas itu projek-projek ini akan diserahkan kepada bumiputera berkenaan untuk dikendalikan.

Tuan Omar bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat, bilakah agaknya skim industri kecil ini akan dimulakan dan adakah MARA bercadang untuk mengadakan kawasan industri kecil ini di tiap-tiap negeri di Malaysia ini.

Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, skim industri kecil ini telah pun lama

dilaksanakan oleh MARA, sekadarkan kawasan-kawasan perindustrian kecil belum lagi dapat dimajukan oleh MARA secara berkelompok. Bagaimanapun, satu projek kawasan industri kecil akan dimajukan di kawasan Batu di Kuala Lumpur yang mana ini akan dapat menempatkan mereka yang berminat dalam usahawan perabot, kayu dan juga logam, dan mereka yang berminat bolehlah membuat permohonan kepada MARA. Bagi kawasan-kawasan lain sedang juga dirancangan oleh MARA, misalnya di negeri Perak dan juga satu lagi kawasan di negeri Kedah.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8, 10, 11, 13 hingga 32 adalah diberi di bawah ini).

PENGELUARAN KOKO

8. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pertanian menyatakan bahawa koko adalah tanaman selingan bagi kelapa. Tetapi koko di Sabak Bernam hanya 2 kali musim (2 bulan) sahaja yang berbuah agak lumayan dalam setahun, pada lain-lain bulan buahnya sangat berkurangan. Apakah sebabnya, adakah kerana tanah di Sabak Bernam tiada sesuai dengan koko ataukah kerana rakyat tidak memahami penjagaan koko kerana kurang bimbingan dari MARDI.

Dr Goh Cheng Teik: Keupayaan pengeluaran koko di Sabak Bernam pada umumnya adalah dikesani oleh beberapa faktor seperti:

- (a) Iklim—Iklim mempunyai kesan yang besar terhadap pembungaan dan pemuahan. Dua kemuncak musim penuaian koko iaitu Jun-Julai dan Januari-Februari adalah hasil dari cetusan bunga berikutan dengan masa pokok mengalami

kemarau. Hujan yang lebat yang mengakibatkan banjir boleh menjejaskan hasil terutama di kawasan-kawasan yang sistem perparitan kurang.

- (b) Jenis tanah—Jenis tanah “marine alluvium” (tanah liat) yang banyak didapati di Sabak Bernam kecuali tanah asid sulfat (tanah masam) dan gambut adalah sesuai untuk tanaman koko.
- (c) Baka—Varieti yang ditanam awal-awal dahulu adalah terdiri dari biji benih “Sabah hybrid” pada keseluruhannya mempunyai daya pengeluaran yang kurang. Klon-klon baru yang lebih bermutu dapat digunakan untuk memulih dan menanam semula kawasan koko lama.
- (d) Pengurusan—Koko seperti tanaman-tanaman yang lain jika tidak diberi penyelenggaraan yang sempurna seperti pembajaan, cantasan dan semburan racun-racun serangga tidak akan memberi hasil yang tinggi.

Kemajuan dan kejayaan yang dicapai setakat ini dalam pengeluaran koko oleh negara boleh dibanggakan. Kejayaan-kejayaan ini adalah hasil dari sumbangan agensi seperti MARDI yang mengeluarkan teknologi, Jabatan Pertanian yang menjalankan kerja-kerja pengembangan, FAMA dan LPP dalam pemerosesan dan pemasaran. Kemajuan yang begitu pesat telah meletak negara kita sebagai negara pengeluar koko yang kelima pentingnya di dunia.

Kementerian akan terus berusaha memajukan perusahaan koko bukan sahaja di Sabak Bernam tetapi juga di seluruh negara dengan secara bersepadu yang melibatkan semua jabatan berkenaan. Pembangunan ini akan diusahakan secara berkelompok

dan pekebun kecil yang terlibat akan diberi bimbingan dalam semua aspek yang meliputi penanam, penyelenggaraan, pemerosesan dan pengurusan.

PERUSAHAAN KECIL

10. Tuan Ismail bin Arshad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah perancangan khas Kerajaan khasnya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di dalam meningkatkan lagi perkembangan perusahaan kecil di seluruh negara terutamanya di Kawasan Luar Bandar.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Dalam usaha membangunkan dan memajukan perusahaan kecil di seluruh negara, Kementerian saya dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain telah menyediakan beberapa program bagi menggalak pertumbuhan dan kemajuannya. Program-program yang sedang dilaksanakan, antara lain ialah:

(i) *Kemudahan Kewangan—*

Satu skim pinjaman untuk membangunkan perusahaan kecil telah dilaksanakan melalui pembiayaan Kerajaan dan pinjaman daripada Bank Dunia yang berjumlah sebanyak \$230 juta yang dikhaskan untuk Bumiputera. Selain dari itu pinjaman-pinjaman kepada perusahaan kecil juga disediakan oleh institusi-institusi kewangan Kerajaan seperti Bank Pembangunan Malaysia Bhd., MIDF., MARA dan Bank Pertanian Malaysia. Sementara itu melalui arahan Bank Negara pula Bank-bank Perdagangan adalah dikehendaki menyediakan sebanyak 12.0% dari jumlah peruntukan pinjamannya khusus untuk perusahaan kecil

dengan mengenakan kadar bunga yang lebih rendah kepada pengusaha-pengusaha kecil yang dibuat melalui Perbadanan Jaminan Kredit atau CGC.

(ii) *Kemudahan Infrastruktur—*

Dari segi infrastruktur, iaitu pembangunan kawasan-kawasan perindustrian kecil, Kementerian saya telah mengadakan dua program atau skim pembinaan kilang-kilang iaitu skim Kilang Bimbingan dan kilang yang sama ada untuk dijual atau disewakan kepada pengusaha-pengusaha di atas kadar yang lebih rendah dari kadar biasa.

Sehingga sekarang, Skim Kilang Bimbingan ini telah pun dilaksanakan di Kelantan dan di Jengka dan Kuantan, Pahang adalah di dalam peringkat pembinaan. Sementara beberapa buah lagi adalah di peringkat perancangan, di antaranya ialah di Terengganu, Kedah, Johor dan Sarawak.

Bagi agensi-agensi lain pula perundingan adalah sedang dijalankan dengan Kerajaan-kerajaan negeri bagi mendapatkan tanah yang sesuai untuk pelaksanaan program ini.

(iii) *Kemudahan Teknikal dan Teknologi dan Pengurusan—*

Dari segi teknikal dan teknologi pula, pengusaha-pengusaha kecil boleh mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan dari agensi-agensi teknikal seperti MARDI, SIRIM, FRI dan sebagainya yang diperlukan. Sementara itu sebagai langkah untuk mendedahkan usahawan-usahawan kecil di bidang

teknologi yang sesuai dan moden, Kementerian saya telah pun menubuhkan Pusat Pamiran dan Rujukan Teknologi untuk membantu perusahaan kecil mendapatkan maklumat berhubung dengan teknikal yang kemaskini khasnya mengenai projek yang boleh diceburi dan berpotensi. Sementara itu bantuan-bantuan latihan di bidang pengurusan pula adalah disediakan oleh agensi-agensi seperti Pusat Daya Pengeluaran Negara dan Pusat Pembangunan Usahawan (MEDEC) di ITM, dengan bertujuan untuk mempertingkatkan kecekapan mereka dari segi pengurusan.

Menyentuh tentang kawasan luar bandar, walaupun usaha pembangunan perusahaan kecil ini meliputi seluruh pelusuk negara, namun penekanan adalah diberi kepada kawasan luar bandar dan juga kawasan maju. Contohnya, Pusat Industri Perakayuan KEDA di Tanah Merah, Jitra, Kedah dan skim-skim Kilang Bimbingan sepertimana yang telah dinyatakan di awal tadi. Sementara itu kalau dikaji kedudukan perusahaan kecil di seluruh negara dan khususnya di kalangan kaum Bumiputera, ternyata sekali bahawa kebanyakannya terdapat di kawasan luar bandar ataupun di kawasan kurang maju. Di dalam konteks untuk membangunkan perusahaan kecil di negara kita ini, mereka ini adalah diberi segala bantuan dan bimbingan melalui pendekatan bersepadu di mana segala "input" dari agensi-agensi Kerajaan adalah disalurkan.

SISTEM PERPARITAN

11. Tuan Yahya bin Haji Zakaria minta Menteri Pertanian menerangkan adakah beliau menyedari tentang sistem perparitan yang dilaksanakan di kawasan Bagan Datoh tidak sesuai dengan jenis pertanian yang ada.

Dr Goh Cheng Teik: Sistem perparitan yang sedang dilaksanakan di Kawasan Bagan Datoh memang telah dirancang dan direkabentuk sesuai untuk tanaman kelapa dan koko di kawasan itu. Walau bagaimanapun, oleh sebab projek belum siap lagi, maka kesannya belum dinikmati seratus peratus oleh seluruh kawasan saliran tersebut seluas 24,290 hektar (60,000 ekar).

KAD PENGENALAN PALSU

13. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kes kad-kad pengenalan palsu yang dikesan setakat ini dan betapa seriuskah perkara ini menjejaskan negara kita; nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mencegah kad-kad pengenalan palsu dan sama ada kakitangan Kerajaan terbabit dalam perkara ini dan apakah tindakan yang diambil terhadap mereka.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Jumlah kes kad pengenalan palsu yang dikesan setakat ini adalah kecil dan tidak membimbangkan. Jabatan Pendaftaran Negara dengan kerjasama Polis Di Raja Malaysia sedang menyiasat kes-kes pemalsuan ini dan tindakan tegas mengikut Undang-undang akan diambil ke atas orang-orang yang terlibat.

Pada masa ini, pegawai dan kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara tidak terlibat dalam kegiatan memalsukan kad pengenalan.

BUMIPUTERA KE UNIVERSITI TEMPATAN—KAJIAN DASAR

14. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan mengkaji dasar kuota Bumiputera bagi pengambilan pelajar-pelajar ke dalam universiti-universiti tempatan kerana ianya adalah salah satu penyebab utama yang menyebabkan ketidakperpaduan negara dan polarisasi kaum di negara ini.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa dasar kuota pengambilan pelajar ke universiti-universiti tempatan sebagai penyebab utama ketidakperpaduan negara dan polarisasi kaum adalah tidak benar sama sekali. Oleh itu Kementerian Pelajaran belum lagi bercadang untuk mengkaji semula dasar kuota tersebut.

TAMAN ASUHAN KANAK- KANAK—KAWALAN

15. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan benarkah ada pihak-pihak tertentu di negara ini cuba menanamkan sikap bencikan Kerajaan di kalangan kanak-kanak di taman-taman asuhan kanak-kanak. Jika benar apakah langkah-langkah positif yang telah sedang dan akan diambil oleh pihak Kementerian agar kanak-kanak yang diasuh di Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) dan Taman Asuhan Kanak-kanak Islam (TASKI) tidak dipergunakan untuk tujuan politik atau golongan yang tertentu.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah benar.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini sedia maklum, Akta Taman Asuhan Kanak-kanak telah diluluskan oleh Parlimen

dalam tahun 1984. Mengikut Akta ini, semua Taman Asuhan Kanak-kanak atau TASKA hendaklah didaftarkan dengan Kementerian saya dan mematuhi segala syarat-syarat seperti yang ditetapkan. Menurut Akta tersebut ada dua kategori TASKA iaitu:

- (i) TASKA di rumah, iaitu yang menerima masuk kurang daripada sepuluh orang kanak-kanak yang berumur 4 tahun ke bawah; dan
- (ii) TASKA di institusi, iaitu yang menerima masuk sepuluh orang atau lebih kanak-kanak yang berumur 4 tahun ke bawah.

Mulai daripada 1hb Februari, 1986 Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak (Di Institusi) 1985 telah dikuatkuasakan ke seluruh negara. Peraturan-peraturan tersebut merangkumi kategori TASKA di institusi sahaja. Berdasarkan kepada peraturan-peraturan itu, Kementerian saya sedang mengesan TASKA-TASKA yang tidak berdaftar dan juga yang menyeleweng dalam tujuannya. Tindakan tegas akan diambil mengikut kaedah-kaedah dalam Akta tersebut terhadap mereka yang terlibat.

Berkenaan dengan kategori TASKA di rumah, peraturan-peraturan sedang disediakan oleh Kementerian saya dan akan dikuatkuasakan dengan seberapa segera yang boleh supaya TASKA dalam kategori ini dapat juga dikawal dengan lebih rapi.

Di samping itu, Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas terdiri daripada beberapa Kementerian dan agensi Kerajaan yang terlibat untuk menyelaraskan tindakan atas perkara ini. Jawatankuasa tersebut yang dipengerusikan oleh Jabatan Perdana Menteri, sedang mengenalpasti pindaan-pindaan yang perlu kepada

Akta Pelajaran, 1961 dan Akta TASKA 1984 supaya membolehkan Kerajaan mengawasi dengan lebih berkesan sebarang penyelewengan terhadap asuhan dan pendidikan kanak-kanak pra-sekolah.

Ibu bapa dan juga masyarakat pada keseluruhannya perlu mengambil perhatian yang serius dalam perkara ini dan saya ingin merayu kepada ibu bapa supaya lebih berhati-hati dalam membuat pemilihan sesuatu TASKA untuk anak-anak mereka. Mereka dan masyarakat yang bertanggungjawab hendaklah berhubung dengan Jabatan Kebajikan yang berdekatan jika ada apa-apa maklumat yang boleh membantu Kementerian saya dalam perkara ini. Saya juga ingin menegaskan bahawa Kerajaan memandang berat tentang perkara ini dan tidak akan tergesa-gesa mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang tidak bertanggungjawab dan tidak berperikemanusiaan serta bertentangan dengan dasar dan undang-undang Negara.

DASAR EKONOMI BARU— MATLAMAT

16. Tuan Ibrahim Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan salah satu daripada tujuan DEB ialah bagi mendekatkan jurang perbezaan pendapatan antara kaum; setelah berakhirnya RME, sejauh manakah tujuan ini dapat dilaksanakan. Berikan butir-butir pendapatan purata bagi kaum-kaum terbesar di negara ini iaitu Melayu, Cina dan India.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, matlamat Dasar Ekonomi Baru ialah untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan untuk menyusun semula masyarakat bagi tujuan memperbaiki keadaan ekonomi yang tidak seimbang di

antara kaum-kaum di negara ini. Pencapaian kedua-dua matlamat ini juga merupakan asas penting ke arah pencapaian matlamat keseimbangan pendapatan antara kaum, antara wilayah dan antara kawasan bandar dan luar bandar.

Matlamat merapatkan jurang perbezaan pendapatan antara kaum di negara ini sentiasa mendapat perhatian utama Kerajaan. Usaha untuk mencapainya melibatkan berbagai dasar, strategi, program-program dan projek-projek serta memerlukan jangkamasa yang panjang. Dari segi pembasmian kemiskinan, Kerajaan sendiri telah memainkan peranan penting menerusi program-program yang bertujuan memperbaiki taraf hidup golongan yang berpendapatan rendah. Antara program-program yang utama, misalnya, termasuklah rancangan-rancangan pembukaan tanah baru dan program-program pembangunan di kawasan sedia ada yang bertujuan meninggikan daya pengeluaran petani-petani dan golongan-golongan yang berpendapatan rendah. Selain dari itu, beberapa program yang menyediakan kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik, jalan-jalan, perumahan kos rendah dan kemudahan-kemudahan sosial yang lain juga telah dilaksanakan.

Menerusi strategi kedua iaitu penyusunan semula masyarakat, matlamat untuk merapatkan jurang perbezaan pendapatan antara kaum adalah melibatkan program-program seperti menyusun semula hakmilik modal saham dalam sektor syarikat yang bertujuan mempastikan supaya Bumiputera memiliki sekurang-kurangnya 30 peratus, menyusun semula gunatenaga bagi mencerminkan susunan kaum dalam jumlah penduduk dan menggalakkan penyertaan kaum Bumiputera secara langsung dalam kegiatan ekonomi moden.

Secara umum, boleh dikatakan semenjak DEB dilancarkan, beberapa kemajuan penting telah pun dicapai dalam usaha mengurang ketidakseimbang pendapatan antara kaum, menerusi kedua-dua strategi Dasar Ekonomi Baru tersebut, walaupun hingga kini keadaan yang tidak seimbang masih lagi wujud.

Ahli Yang Berhormat akan dapat mengetahui butir-butir lanjut mengenai pendapatan bagi kaum-kaum utama di negara ini sehingga awal tahun lapan puluhan apabila dokumen Rancangan Malaysia Kelima tersebut dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada 21 Mac, 1986.

PENGELUARAN MINYAK MENTAH

17. **Dr Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak Kerajaan akan terus meningkatkan pengeluaran petroleum mentah ketika harganya kian jatuh ke bawah tingkat US\$20 setong. Setakat ini, apakah kedudukan simpanan minyak mentah semula jadi dalam negara yang masih:

- (a) belum dipam;
- (b) telah dipam;

Tahun	(a)	(b)	(c)	Bandingan dengan angka bagi tahun 1983
	Belum dipam simpanan pada awal tahun	Telah dipam	Telah dijual	
1983	.. 2,570 juta tong	139.6 juta tong	137.8 juta tong \$9,861 juta	—
1984	.. 2,946 juta tong	164.5 juta tong	164.5 juta tong \$11,447 juta	+ 15%
1985	.. 3,066 juta tong	163.2 juta tong	163.4 juta tong \$11,195 juta	+ 13%
1986	.. 2,909 juta tong	28.5 juta tong	28.8 juta tong \$1,838 juta	—

(Sehingga Februari)

(d) *Belum Dijual*

Sehingga kini, kita telah berjaya menjual ke semua minyak mentah yang dikeluarkan.

(e) *Kadar Pertumbuhan atau Penurunan Pendapatan*

Jika dibandingkan dengan angka bagi tahun 1983, pendapatan yang diperolehi dari eksport minyak mentah dalam tahun 1984 telah meningkat sebanyak 14 peratus bagi 1985 sebanyak 5 peratus.

(c) telah dijual; dan

(d) belum dijual,

secara bandingan di antara tempoh masa yang sama bagi tahun-tahun 1983, 1984, 1985 dan 1986, apakah kadar pertumbuhan atau penurunan pendapatan yang diperolehi dari pengeksportan petroleum mentah bila dikira mengikut nilai benar (tahun asas 1983).

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:

Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk meningkatkan lagi kadar pengeluaran minyak mentah negara daripada paras yang ada. Namun demikian, Kerajaan akan terus mengawasi kesan kejatuhan harga minyak terhadap pendapatan negara dan kapasiti teknikal pengeluaran (technical production capacity) lapangan-lapangan minyak. Sekiranya perlu Kerajaan akan mengubahsuaikan kadar pengeluaran minyak mentah negara.

Kedudukan simpanan minyak mentah, kadar pengeluaran, jumlah jualan dan nilainya bagi tahun 1983 hingga 1986 adalah seperti berikut:

PERUBATAN DI HOSPITAL-HOSPITAL

18. Tuan Haji Mohd. Zain Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan berpuashati dengan kelengkapan-kelengkapan perubatan yang wujud di hospital-hospital Kerajaan di seluruh negara. Adakah kelengkapan-kelengkapan seperti mesin-mesin rawatan penyakit buah pinggang sudah dapat disediakan di semua hospital, dan jika belum apakah halangan-halangnya. Nyatakan berapakah peruntukan yang dicadangkan dalam Rancangan Malaysia yang ke 5, untuk peralatan yang tersebut.

Dato' K. Pathmanaban: Pada amnya alat-alat kelengkapan yang disediakan di hospital-hospital di seluruh negara adalah memuaskan dalam keadaan negara kita yang sedang membangun. Pihak Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk meningkatkan dan mengemaskinikan alat-alat kelengkapan perubatan di hospital-hospital di mana yang perlu.

Peruntukan untuk pembelian alat-alat kelengkapan hospital adalah melalui peruntukan tahunan di dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus. Untuk makluman Yang Berhormat pada tahun 1982 sebanyak \$19.4 juta telah dibelanjakan untuk membeli alat-alat kelengkapan bagi hospital-hospital di seluruh negara dan bagi tahun 1986 sebanyak \$21.5 juta telah diperuntukkan dalam Perbelanjaan Mengurus. Kelengkapan untuk Hospital-hospital yang baru adalah melalui peruntukan Pembangunan bagi projek-projek itu.

Mengenai mesin-mesin rawatan bagi penyakit buah pinggang, Kementerian Kesihatan pada dasarnya berhasrat menyediakan kemudahan-kemudahan mesin rawatan buah pinggang kepada semua hospital besar di seluruh negara dan ini adalah tertakluk kepada keadaan kewangan dan keperluannya.

Pada mulanya kemudahan ini disediakan di Hospital Besar Kuala Lumpur sahaja. Dalam tahun 1981 terdapat 25 unit mesin penyakit buah pinggang di hospital ini dan jumlahnya telah bertambah sebanyak 31 buah mesin pada tahun 1985. Pada tahun 1984 pula, sebanyak 6 unit haemodialysis telah disediakan di Hospital-hospital yang lain, iaitu di Hospital Besar Alor Setar, Hospital Besar Pulau Pinang, Hospital Besar Ipoh, Hospital Sultanah Aminah, Hospital Besar Kota Kinabalu dan Hospital Besar Sibul. Unit-unit tersebut mempunyai sejumlah 17 mesin dan daripada jumlah ini 10 buah mesin telah didermakan oleh pihak BAKTI.

Untuk makluman Yang Berhormat perbelanjaan besar dalam program haemodialysis adalah untuk membeli alat-alat "disposable" dan penyelenggaraan yang mana memerlukan sebanyak \$40,000 setiap kes setahun, sungguhpun kos pembelian seunit mesin haemodialysis hanya \$25,000. Sebuah mesin boleh digunakan untuk merawat 4 pesakit sahaja. Dalam keadaan ini kita terpaksa memusatkan kemudahan rawatan haemodialysis dan mengadakan satu sistem kriteria dan priority untuk mengendalikan kes-kes pesakit buah pinggang.

Bagi hospital-hospital besar baru, unit haemodialysis adalah merupakan salah satu daripada perkhidmatan yang akan diperuntukkan dalam Rancangan Pembangunan.

BIJIH TIMAH— KRISIS PASARAN

19. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah-langkah contingency yang telah dirancang dan diambil oleh Kerajaan untuk menghadapi krisis keruntuhan pasaran

bijih timah baru-baru ini supaya kejelasan ke atas ekonomi negara dapat dikurangkan kepada tahap yang minima sekali. Sila nyatakan juga apakah pendirian Kerajaan yang sebenar terhadap industri bijih timah dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membantu pekerja-pekerja lombong yang beribu-ribu bilangannya yang kini telah menganggur dan menderita.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:

Apabila perusahaan timah mulai mengalami kemelesetan, pihak Kerajaan telah menubuhkan suatu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Kementerian saya untuk menimbang dan memperakukan langkah-langkah luar jangka yang boleh diambil bagi membantu perusahaan timah menghadapi masalah pasaran. Di antara langkah-langkah yang telah dipertimbangkan ialah mendapatkan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri di dalam melanjutkan tempoh pajakan lombong, menggalakkan aktiviti pertanian di atas tanah-tanah perlombongan khususnya berhubung dengan tanaman-tanaman kontan, memesatkan aktiviti pembinaan terutamanya pembinaan rumah kos rendah dan pembinaan lebuh raya, bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada para pekerja lombong yang diberhentikan kerja akibat penutupan lombong. Langkah-langkah ini juga telah dipertimbangkan dan sebahagian daripadanya telah diperakukan oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai Kemelesetan Ekonomi Negara. Walaupun Jawatankuasa Kabinet ini ditubuhkan untuk menimbang langkah-langkah secara menyeluruh, namun perusahaan timah telah juga diberi perhatian sewajarnya. Dalam menghadapi masalah negara ini, kerjasama yang erat di antara kedua-duanya, Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri sangatlah diperlukan.

Berdasarkan keadaan dan perkembangan semasa, perusahaan timah Malaysia tiada pilihan melainkan bersaing dengan lain-lain negara pengeluar sekiranya kita hendak kekal menjadi pengeluar utama timah dunia. Bagi maksud ini, perusahaan timah Malaysia haruslah mencari jalan dan berusaha mengurangkan kos pengeluaran mereka dan mengeluarkan timah dengan cara yang lebih berkesan lagi supaya dapat bersaing di pasaran timah antarabangsa bersama-sama dengan negara-negara pengeluar timah lain yang mempunyai kos pengeluaran yang rendah. Di pihak Kerajaan, sebagai pembantu perusahaan timah ke arah tersebut, kos input seperti diesel dan tenaga elektrik telah dikurangkan. Di samping itu, kutipan cukai ke atas bahan-bahan berhubung dengan perlombongan sama ada telah dikurangkan ataupun dihapuskan sama sekali. Memandangkan yang masalah perusahaan timah ini dijangka akan berlarutan sekurang-kurangnya bagi tempoh 1½ tahun, yang mana adalah di luar kawalan kita, pihak Kerajaan telah juga berusaha mendapatkan persetujuan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melanjutkan tempoh pajakan lombong, bertujuan memberikan perusahaan timah peluang melakukan pengubahsuaian berdasarkan hakikat sebenar keadaan yang dihadapi itu.

JENAYAH DADAH

20. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada peristiwa yang terlibat jenayah dadah telah mengurangkan ataupun tidak setelah pelaksanaan Akta Dadah Berbahaya 1984. Sila beri penjelasan selanjutnya dengan menggunakan data-data yang tahun 1985.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Sejak Akta Dadah Berbahaya Langkah-langkah Pencegahan Khas (Pindaan) 1985 berkuatkuasa pada 15

Jun 1985, jenayah dadah telah berkurangan kerana lebih ramai lagi pengedar-pengedar dadah telah ditangkap di bawah Akta yang sama. Dengan tertangkapnya pengedar-pengedar dadah ini kegiatan pengedaran dadah di dalam negara telah juga berkurangan. Sehingga kini seramai 118 orang pengedar dadah telah diberkas di bawah Sek. 3 (1) Akta Dadah Berbahaya kerana penglibatan mereka di dalam pengedaran dadah. Di samping itu hanya 6,138 orang penagih baru telah dikesan di sepanjang tahun 1985 berbanding dengan 11,915 orang penagih yang dikesan dalam tahun 1984. Ini menunjukkan bahawa Akta Dadah Berbahaya Langkah-Langkah Pencegahan Khas telah dapat membantu pihak Kerajaan mengawal dan mengurangkan kegiatan jenayah dadah.

Usaha-usaha penguatkuasaan yang dijalankan oleh Kerajaan juga telah menyebabkan harga dadah di pasaran gelap meningkat dari tahun ke tahun sejak 1983. Dalam tahun 1983, harga borong heroin secara purata adalah \$11,000 sekilo. Dalam tahun 1984 ia telah meningkat kepada \$16,000 sekilo dan dalam tahun 1985 meningkat lagi kepada \$21,000 sekilo. Walau bagaimanapun harga dadah di kawasan pengeluaran terus kekal. Di peringkat "street level" pula harga satu tiub heroin yang berat 0.06 gm telah meningkat dari \$6 hingga \$8 satu tiub dalam tahun 1983 kepada \$8 hingga \$10, satu tiub dalam tahun 1984 kepada \$10 hingga \$15 satu tiub yang sama telah meningkat lagi kepada \$15 hingga \$20 di dalam tahun 1985.

Oleh kerana begitu berkesan usaha-usaha penguatkuasaan yang dijalankan oleh Kerajaan, pengedar-pengedar antarabangsa yang terdiri dari rakyat Malaysia dan juga bangsa asing, kini mengelakkan dari menggunakan Malaysia sebagai negara transit. Sekarang mereka

menggunakan Singapura pula sebagai transit, ataupun mereka berlepas dari negara Thai terus ke negara sasaran atau destinasi mereka yang berkesan.

HARGA MINYAK MENTAH

21. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) harga minyak mentah setiap tong di pasaran dunia kini;
- (b) harga minyak mentah waktu ini tahun sudah;
- (c) pengurangan pendapatan dari projek belanjawan mengenai hasil dari pengekspotan minyak akibat penurunan harga minyak;
- (d) sama ada pasaran minyak akan jatuh seperti pasaran bijih timah dunia;
- (e) sama ada langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengimbang (offset) kerugian pendapatan akibat harga minyak yang makin menurun.

Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin):

- (a) Harga petroleum mentah di pasaran dunia telah turun dengan nyata sekali pada waktu ini. Harga-harga petroleum mentah sebenarnya adalah berbeza-beza bergantung kepada kualiti petroleum mentah yang dikeluarkan oleh tiap-tiap negara. Bagi Malaysia harga petroleum mentah Tapis pada 1hb Mac ialah US\$17.10 setong.
- (b) Harga wajaran purata petroleum mentah Malaysia pada Mac 1985 tahun lalu ialah US\$28.18 setong;
- (c) Semasa pembentangan Belanjawan 1986 hasil pendapatan eksport petroleum mentah adalah dianggar

sebanyak \$9,514 juta. Oleh kerana harga-harga petroleum mentah sudah turun kajian semula menunjukkan pendapatan eksport dari petroleum mentah akan berkurang sebanyak lebihkurang 42% kepada \$4,025 juta dalam tahun 1986;

- (d) Krisis petroleum mentah adalah berbeza dengan krisis di pasaran timah. Masalah yang dihadapi di pasaran petroleum mentah berpunca dari lebih bekalan minyak berbanding dengan permintaan serta persaingan harga di antara negara-negara ahli OPEC dan bukan OPEC bagi mempertahankan kedudukan pasaran mereka. Tambahan pula terdapat perbezaan harga dan gred. Sebaliknya krisis pasaran timah adalah berpunca dari masalah kewangan yang dihadapi oleh Majlis Timah Antarabangsa (ITC) untuk membiayai skim bantuan harga bijih timah.

Oleh itu adalah sukar untuk mengatakan sama ada harga petroleum mentah akan jatuh seperti harga timah. Tetapi kemungkinan harga petroleum mentah turun lebih rendah daripada yang terdapat sekarang ini memanglah ada.

- (e) Kajian semula kedudukan ekonomi menunjukkan pertumbuhan ekonomi dijangka tidak akan mengalami pertumbuhan negatif kecuali harga-harga barangan utama jatuh dengan lebih teruk lagi.
- (f) Kejatuhan harga petroleum mentah dan lain-lain harga barangan utama eksport Malaysia membawa kesan mengurangkan pendapatan Kerajaan. Ini telah menjejaskan

kedudukan ekonomi negara. Oleh itu Kerajaan telah pun mengambil langkah memperkukuhkan ekonomi negara seperti mengadakan insentif-insentif untuk menggalakkan pelaburan dan pengeluaran, dan menghadkan perbelanjaan sektor awam serta meningkat effiesyensi dan produktiviti. Langkah-langkah yang berkenaan telah pun dimaklumkan di Dewan yang mulia ini di dalam jawapan Kementerian ini pada 12hb Mac, 1986 yang lalu.

PERDAGANGAN TERUS DENGAN CHINA

22. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah halangan yang menutup jalan menggalakkan dagangan terus antara Malaysia dan China dan apakah langkah yang sedang diambil untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Penghalang terbesar terhadap perdagangan secara terus dengan Negeri China ialah kebiasaan pedagang-pedagang kita untuk berdagang melalui negara-negara ketiga. Ini adalah kerana kegiatan pengimportan barang-barang China ke Malaysia melalui Singapura dan Hong Kong memang telah lama wujud disebabkan banyaknya syarikat-syarikat dari negara-negara tersebut yang sudah lama memegang agensi-agensi mengimport barang-barang China.

Dalam usaha untuk mengatasi masalah ini, Malaysia telah mengambil langkah-langkah seperti menggalakkan lebih banyak pertukaran lawatan rombongan dan pameran perdagangan di antara Malaysia dan China, membuka

Pejabat Perdagangan di Beijing, China memberikan beberapa kelonggaran sekatan bagi lawatan ekonomi dan perdagangan persendirian ke Negeri China dan mengenakan sistem pelesenan ke atas import barang-barang China. Selain daripada itu, diharapkan juga bahawa perjanjian kerjasama yang ditandatangani di antara Majlis Galakan Perdagangan Luar China dan Majlis Bersama Dewan-Dewan Perniagaan China Melayu Malaysia akan membolehkan lebih banyak syarikat-syarikat Malaysia mendapat agensi-agensi mengimport secara terus barang-barang China ke Malaysia.

MATA PELAJARAN BAHASA IBUNDA DI SEKOLAH

23. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada sukatan pelajaran yang sesuai telah digubal untuk pelajaran bahasa ibunda di sekolah-sekolah serta apakah tindakan yang diambil untuk melatih guru-guru untuk mengajar bahasa ibunda Cina dan Tamil dengan berkesan di sekolah-sekolah.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Mata pelajaran bahasa ibunda di sekolah rendah sudah pun digubal melalui KBSR tetapi untuk Sekolah Menengah masih dalam penggubalan melalui KBSM. Tindakan yang diambil:

- (i) Kementerian Pelajaran sedang menjalankan Kursus-kursus Pendidikan Sekolah Rendah dengan Pengajian Bahasa Cina (PSR-PC) dan Pengajian Bahasa Tamil (PSR-PT).
- (ii) Menjalankan kursus Pendidikan Sekolah Menengah dengan pengajian Bahasa Cina dan Geografi (PSM-PCGF) yang melayakkan pelatih-pelatih tersebut mengikutnya

untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Cina di peringkat sekolah menengah rendah.

- (iii) Pusat Perkembangan Kurikulum mengadakan kursus jangka pendek khas untuk guru-guru yang hendak mengajar bahasa ibunda.

PERSIDANGAN PATA— SAMBUTAN

24. Tuan Haji Wan Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah persiapan yang telah dilakukan dan perbelanjaan yang telah digunakan bagi menyambut persidangan PATA dan sejauh mana pula sambutan pihak swasta bagi menjayakan persidangan tersebut.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Perancangan dan pelaksanaan kerja-kerja persiapan Persidangan PATA di seberang laut dan lain-lain aktiviti persediaan seperti mengadakan publisiti dan menyediakan keperluan pengangkutan, penginapan, sambutan dan kemudahan.

Kedudukan persiapan sekarang ini adalah di peringkat pelaksanaan. Pada keseluruhannya, kerja-kerja pelaksanaan persiapan sedang berjalan dengan lancar dan memuaskan.

Sepertimana yang telah saya jelaskan di Sidang Dewan ini yang lalu, sejumlah \$7,716 juta telah diperuntukkan untuk menganjurkan Persidangan PATA yang mana sebahagian besar daripadanya berjumlah sebanyak \$3.43 juta adalah untuk aktiviti penggalakan biasa yang bertujuan untuk memperkenalkan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan utama di samping menarik lebih ramai delegasi ke persidangan tersebut. Selainnya adalah untuk program pengindahan yang dijalankan di seluruh negara

serta lain-lain aktiviti. Untuk mengurangkan beban kewangan Kerajaan, pihak swasta telah diminta memberi sumbangan atau tajaan untuk membiayai sebahagian dari perbelanjaan tersebut. Di dalam hal ini saya sukalah memaklumkan kepada Dewan ini bahawa setakat ini pihak Urusetia telah berjaya mendapatkan sumbangan dan tajaan yang bernilai lebihkurang \$3.1 juta dari sektor swasta.

Sambutan yang diberi oleh pihak swasta dalam menjayakan persidangan tersebut adalah memuaskan. Sehingga 15hb Mac, 1986 seramai 1,456 orang peserta Malaysia dari pihak swasta telah mendaftar untuk menghadiri Persidangan PATA 1986. Bagi PATA Mart pula, kesemua 40 "booth" yang telah dikhaskan untuk pengusaha-pengusaha pelancongan Malaysia telah pun habis ditempah.

PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA

25. Tuan Haji Azharul Abidin bin Abdul Rahim minta Menteri Kewangan menyatakan apakah faktor-faktor yang boleh memberi keyakinan bahawa negara kita dapat mencapai kadar pertumbuhan ekonomi sebanyak 5 peratus memandangkan kejatuhan teruk harga barangan utama dan minyak mentah.

Tuan Daim Zainuddin: Ingin saya menjelaskan sekali lagi di sini, iaitu ekonomi negara kita adalah sebuah ekonomi yang terbuka. Oleh itu, prestasi ekonomi Malaysia adalah, antara lain, bergantung kepada kedudukan ekonomi dunia, terutama negara-negara maju yang merupakan rakan-rakan dagangan utama Malaysia.

Oleh kerana pertumbuhan ekonomi negara-negara rakan dagangan utama Malaysia telah mengalami kemerosotan, maka pertumbuhan

ekonomi di negara ini turut terjejas. Ini terjadi apabila terdapat permintaan yang lemah terhadap keluaran utama negara seperti getah, minyak kelapa sawit, bijih timah serta keluaran elektronik. Permintaan yang lemah ini pula telah menyebabkan harga eksport barangan Malaysia jatuh. Justeru itu, kegiatan ekonomi telah berkembang dengan lebih perlahan pada tahun 1985, iaitu sebanyak 2.8% berbanding dengan 5.2% yang dianggarkan dahulu. Untuk tahun 1986 pula, Malaysia dijangka akan mencatat pertumbuhan sebanyak 3%, berbanding dengan ramalan asal sebanyak 6.0%.

Sungguhpun angka-angka ramalan yang baharu adalah lebih rendah daripada ramalan awal, kemungkinan untuk kita mencapai kadar pertumbuhan yang lebih tinggi daripada 3% tetap ada. Ini sebahagian besarnya bergantung kepada faktor-faktor seperti perkembangan harga barangan utama yang lebih baik dan juga sikap sektor swasta kita. Sektor swasta negara ini perlulah lebih berinisiatif meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos supaya mereka dapat bersaing dengan lebih berkesan di pasaran eksport. Jika dahulu mereka menyatakan terdapat beberapa peraturan yang menjadi penghalang kepada perkembangan mereka, beberapa kelonggaran peraturan telah pun dilaksanakan oleh Kerajaan termasuk pelonggaran syarat Akta Penyelarasan Pelaburan dan Panduan Ekuiti Asing.

Di samping itu, berbagai insentif telah diberikan kepada sektor swasta baru-baru ini termasuk pengurangan kadar bayaran elektrik, telefon antarabangsa dan teleks serta penubuhan Kumpulan Wang Pelaburan Baru sebanyak \$1 billion. Kerajaan juga sedang berusaha membuka peluang-peluang baru bagi sektor swasta termasuk rancangan

membina rumah-rumah kos rendah, pelaksanaan projek-projek awam dan peningkatan pengeluaran pertanian.

Kita mahu usahawan di negara ini menggunakan insentif-insentif ini dan mengambil kesempatan dalam meningkatkan produktiviti mereka dan memberi dorongan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Kalaulah sektor swasta kita dapat memberi kerjasama dalam hal-hal ini, sudah tentulah ekonomi kita dapat terus berkembang dengan memuaskan.

PENDATANG HARAM INDONESIA—KEMASUKAN

26. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menggariskan strategi yang akan diambil oleh Pasukan Khas VII untuk menentang kemasukan pendatang haram Indonesia ke negara ini.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Soalan ini telah dijawab pada 12hb Mac 1986 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

(Soalan No. 27. Sila lihat Jawapan No. 2 pada 11-3-86).

KES-KES MAHKAMAH

28. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Kehakiman menyatakan berapakah bilangan kes-kes mahkamah yang masih belum selesai dan bilakah Kerajaan bercadang mengadakan Mahkamah Khas untuk menyelesaikan kes-kes lalulintas jalan raya yang memakan bertahun-tahun untuk dibicarakan di Mahkamah.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Bilangan kes-kes Mahkamah yang masih belum selesai ialah sebanyak 893,679.

Satu kajian sedang dibuat untuk memastikan bilangan kes-kes trafik yang didaftarkan di setiap Mahkamah dengan tujuan untuk menentukan sama ada Mahkamah Khas diperlukan untuk kes-kes trafik dan juga tempat-tempat di mana ianya perlu diwujudkan.

PASARAN SAHAM KUALA LUMPUR—PENGAWASAN

29. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan melantik sebuah Suruhanjaya Sekuriti untuk mengawasi Pertukaran Saham Kuala Lumpur serta untuk mencegah amalan-amalan tidak sihat seperti "insider trading" dan manipulasi saham yang telah menyebabkan kerugian kepada kedua-dua pelabur kecil dan pasaran kapital.

Tuan Daim Zainuddin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan kini sedang mengkaji keperluan penubuhan sebuah Suruhanjaya Sekuriti untuk mengawasi Pasaran Saham Kuala Lumpur (PSKL). Oleh kerana cadangan penubuhan Suruhanjaya Sekuriti ini melibatkan beberapa aspek yang penting, kajian tersebut dijangka memerlukan masa yang panjang sebelum Kerajaan dapat membuat sebarang keputusan mengenainya.

Buat sementara ini, Kerajaan akan terus mengawasi dengan rapi perjalanan dan kegiatan PSKL bagi mencegah penyelewengan dan amalan-amalan tidak sihat seperti kegiatan manipulasi, transaksi perdagangan palsu, penipuan dan "insider trading" (dengan izin), yang boleh menyebabkan kerugian kepada pelabur-pelabur kecil dan menjejaskan kewibawaan pasaran modal. Pengawasan yang dilakukan

adalah melalui peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dan Peraturan-peraturan PSKL sendiri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan berkuasa melantik wakil-wakilnya untuk menganggotai Jawatankuasa PSKL, iaitu pihak yang bertanggungjawab secara langsung untuk mengawasi perjalanan dan kegiatan PSKL. Kehadiran wakil-wakil Kerajaan dalam Jawatankuasa tersebut adalah bertujuan supaya kegiatan sekuriti dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi kehendak-kehendak Akta dan/atau Peraturan-peraturan yang berkaitan. Pendaftar Syarikat, selaku Pendaftar di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983, telah dan akan terus memainkan peranannya dalam mengawasi dengan rapi lagi perjalanan dan kegiatan PSKL bagi mencegah penyelewengan dan amalan-amalan tidak sihat.

SEKOLAH BANDAR DAN LUAR BANDAR—PERBEZAAN

30. Tuan Baharom bin Haji Bakar minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah jurang perbezaan di antara sekolah-sekolah di bandar dan sekolah-sekolah di luar bandar khususnya dari segi pembelajaran dan kemudahan-kemudahan persekolahan dan apakah usaha-usaha atau tindakan-tindakan yang telah dan sedang dibuat bagi mengimbangi jurang perbezaan tersebut.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Perbezaan di antara sekolah-sekolah bandar dan luar bandar dari segi pembelajaran dan kemudahan pelajaran tidaklah begitu ketara lagi kerana Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha untuk mengatasi

kekurangan yang wujud di sekolah-sekolah luar bandar. Di antara langkah-langkah yang dijalankan ialah:

- (a) menempatkan lebih ramai guru-guru terlatih dan berpengalaman di luar bandar;
- (b) memberi keutamaan kepada projek pembangunan sekolah di luar bandar;
- (c) memberi peruntukan pengurusan yang mencukupi kepada sekolah luar bandar; dan
- (d) menyalurkan lebih banyak perkhidmatan sokongan seperti Rancangan Makanan Tambahan, Projek Subsidi Susu, perkhidmatan kesihatan gigi, mata, pembasmian cacing dan bantuan buku teks kepada sekolah-sekolah di luar bandar.

NISBAH MURID DAN GURU

31. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pelajaran menyatakan nisbah bilangan guru dan murid yang dianggap sesuai. Apakah nisbah sebenarnya yang didapati sekarang. Apakah bilangan permohonan dan kadar penerimaan bagi kursus Diploma Pendidikan di Universiti-universiti tempatan bagi tahun akademik 1985/1986 bila dibandingkan dengan tahun yang lepas, iaitu sesi 1984/85, 1982/83 dan 1981/82. Sila nyatakan juga perubahan "trend" dalam permintaan bagi guru-guru dalam sesi-sesi tersebut.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Di negara kita perkiraan bagi keperluan guru adalah berdasarkan bilangan kelas dan bukan mengikut bilangan murid. Oleh itu, sukar bagi Kementerian Pelajaran untuk menyatakan nisbah bilangan guru: murid yang sesuai. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat purata nisbah

guru:murid yang didapati sekarang ialah 1:28 bagi sekolah rendah dan 1:26 bagi sekolah menengah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 2,097 orang telah memohon untuk memasuki Kursus Diploma Pendidikan di Universiti tempatan bagi sesi 1985/86. Daripada jumlah tersebut 632 orang sahaja yang diterima masuk. Pecahan bilangan permohonan dan bilangan pelajar yang diterima masuk bagi sesi sebelumnya adalah:

Sessi	Jumlah permohonan	Jumlah Yang Berjaya
1984/85 ..	2,081	650
1983/84 ..	1,799	798
1982/83 ..	1,806	731
1981/82 ..	1,426	771

Pada masa sekarang, permintaan bagi guru-guru dalam bidang Sastera melebihi permintaan bagi guru dalam bidang Sains dan Matematik.

(Soalan No. 32. Sila lihat Jawapan No. 2 pada 11-3-86).

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG TABUNG ANGGKATAN TENTERA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Tabung Angkatan 1973 dan Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 1980; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertahanan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Keenam. (17hb Mac, 1986)”

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua telah menggunakan kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat menghadkan masa untuk Yang Berhormat-Yang Berhormat berucap dan masa yang ditetapkan ialah 20 minit, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil perhatian terhadap keputusan tersebut. Dengan itu, saya dengan segala hormatnya menjemput Ahli dari Rantau Panjang menyambung ucapan dan Ahli dari Rantau Panjang mempunyai 8 minit lagi, silakan.

3.32 ptg.

Tuan Hassan bin Haji Mohamad (Rantau Panjang): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyambung ucapan saya semalam, saya ingin menegaskan sekali lagi, bahawa ulama-ulama yang menjadi anggota dalam jemaah iftak, Majlis-Majlis Agama Islam di seluruh Malaysia ini tidak sekali-kali wajar dikatakan sebagai ulama atasan, ulama upahan, ulama khurafat, apa lagi kalau kata-kata itu terbit dari lidah pemimpin-pemimpin yang mendakwa memperjuangkan cita-cita Islam, mendukung harakah Islamiah dalam negara ini.

Sebenarnya orang ramai dapat mengukur keunggulan seorang pemimpin itu menerusi lidah dan kata-katanya bukan pada bentuk dan pakaiannya sahaja—berserban atau berjubah, berjanggut ataupun berkupiah.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini, saya teringat kepada kisah yang tersebut dalam kitab suci Al-Quranulkarim yang diulangi beberapa kali dalam beberapa surah mengenai perangai Iblis Laknatullah dengan Nabi Adam Alaihissalam, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya membaca ayat 11, 12 dan 13 Surah Al A'raaf yang bermaksud:

“Demi sesungguhnya Kami telah menjadikan kamu, Kami bentuk rupa kamu, kemudian Kami memerintah kepada malaikat: “Sujudlah kamu semua kepada Adam”, lantas mereka pun sujud kecuali Iblis tidak turut sama sujud. Allah bertanya: “Apakah sebabnya engkau Iblis tidak sujud waktu aku memerintahkau?” Jawab Iblis: “Aku lebih baik dari Adam. Aku, Kau jadikan dari api dan Adam Kau jadikan dari tanah.” Allah berkata: “Nyah engkau Iblis dari sini, engkau tidak selayaknya bersikap bongkak

di sini, keluarlah engkau, sesungguhnya engkau dari golongan kecil dan hina-dina.”

Tuan Yang di-Pertua, mengiktibari ayat suci Al-Quran itu, apakah dalam dunia moden sekarang ini masih wujud golongan manusia yang bersikap seumpama Iblis, angkuh, bongkak, membesar diri, merasa dialah sahaja yang pandai, orang lain bodoh, jahil, dengku. Adakah kerana dia berkecimpung dalam parti yang bernama Islam, maka dia merasa dirinya sahajalah lebih benar, lebih betul, lebih arif, orang lain semuanya salah? Inikah dia yang dikatakan “ulama warathatul ambia”, ulama yang mewarisi nabi-nabi atau ulama usuk.

Tuan Yang di-Pertua, perjuangan menegakkan Islam, bukan boleh dimonopoli oleh sesuatu golongan tertentu sahaja. Sebagaimana yang saya pernah tegaskan dalam Dewan yang mulia ini dahulu, ia boleh diperjuangkan oleh sesiapa sahaja yang mendukung cita-cita Islam, ia boleh diperjuangkan oleh UMNO, ia boleh diperjuangkan oleh HAMIM, ia boleh diperjuangkan oleh BERJASA, ia boleh diperjuangkan oleh USNO, dan oleh siapa sahaja. Begitu juga syurga boleh dimasuki oleh siapa sahaja yang beriman dengan Allah dan Rasulnya dan ikhlas dalam perjuangannya. (*Tepuk*) Syurga bukan menjadi monopoli dan hakmilik satu golongan sahaja. Jangan berlagak hanya golongan aku sahaja berhak masuk syurga sedangkan golongan lain semuanya ke neraka. Sejak bilakah, syurga itu menjadi hakmilik mereka? (*Ketawa*). Apakah sekarang ada nabi baru yang menerima wahyu baru pula? Ini semuanya karut semata-mata, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak sempurna jika saya tidak menyentuh dalam perbincangan Usul Menjunjung Kasih kepada Seri

Paduka Yang di-Pertuan Agong ini, mengenai masalah dan persoalan Sabah. Kita yang berada di Semenanjung dan di ibu kota Kuala Lumpur ini tentunya tidak begitu terasa serius terhadap suasana yang bergolak di sana sekarang. Jika hendak dibanding dengan keadaan yang wujud di Kelantan dalam tahun 1977 dahulu di mana memaksakan Kerajaan Pusat mengambil langkah mendaruratkannya. Jauh Sabah lebih gawat, lebih serius.

Di Kelantan dahulu, tidak ada rumah yang dibakar, tidak ada bom yang diletupkan, malah tidak ada nyawa yang terkorban, tidak ada laungan rakyat yang merayu Kerajaan Pusat campur tangan. Ada tidaknya sebutir dua tayar buruk yang dibakar di tengah jalan. Tetapi dalam hal yang demikian pun, Kelantan telah didaruratkan demi untuk keamanan dan ketenteraman awam. Manakala di Sabah, Tuan Yang di-Pertua, jauh lebih teruk daripada apa yang berlaku di Kelantan. Letupan bom di sana-sini, berjuta-juta nilai harta benda yang musnah, kegiatan ekonomi hampir lumpuh, malah ada nyawa manusia yang terkorban.

Saya tidak kira, Tuan Yang di-Pertua, motif apa yang mendorong keadaan itu berlaku. Yang pentingnya usaha ketenteraman dan keselamatan awam perlu diutamakan dari segala-galanya. Oleh yang demikian, berpandukan kepada amalan yang telah lalu, pada hemat saya, Kerajaan Pusat perlu mengambil sikap yang positif bagi mengembalikan Sabah kepada suasana biasa, sekali pun jika terpaksa mengulangi amalan biasa seperti yang pernah berlaku di Kelantan dahulu. Wabillahi Taufik, wassalamualaikum, Tuan Yang di-Pertua (*Tepuk*).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Terengganu.

Tuan Alias bin Md. Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat.

3.44 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Terengganu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong satu usul yang dibawa oleh Yang Berhormat sahabat saya dari Tanjong Karang untuk mengucapkan Terima Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapannya kepada Dewan yang mulia ini tempoh hari.

Titah Seri Paduka Baginda kepada Dewan kali ini dibuat pada ketika saat negara sedang menghadapi banyak masalah. Masalah ekonomi yang merosot dan masalah politik yang melanda negara kita. Lebih-lebih lagi kita dihadapkan dengan dua jenis Kertas Putih iaitu Kertas Putih mengenai Penyiasatan Bumiputra Malaysian Finance Ltd, dengan izin, dan lagi satu Peristiwa Memali. Kalau dikira, tidak ada perkaitan di antara kedua-dua Kertas Putih ini oleh kerana satu mengenai ekonomi yang berlaku di Hong Kong dan satu lagi pengkhianatan dari segi politik yang berlaku di utara tanahair iaitu di negeri Kedah. Akan tetapi, pada analisisnya yang terakhir, kedua-dua pengkhianatan ini mempunyai pertalian iaitu kedua-duanya mungkin bertujuan untuk memperlemahkan kedudukan negara kita, satu di dalam bidang ekonomi, satu lagi di dalam bidang politik. Dan kiranya Kerajaan tidak cepat membongkar kegiatan-kegiatan seperti ini, sudah pasti ia akan dapat melemahkan kedudukan negara kita dan melemahkan seluruh sistem yang ada dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya hendak mengucapkan tahniah kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyiasat Bumiputra

Malaysian Finance Ltd. iaitu Tan Sri Ahmad Noordin khasnya kerana telah menyusun Laporan ini dengan begitu baik walaupun terdapat beberapa kelemahan yang tertentu yang telah banyak disebutkan oleh rakan-rakan saya yang berucap sebelum saya. Dan saya tidak bermaksud untuk mengulangi apa yang telah dikatakan itu.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Noordin kerana telah menerima dua anugerah penting iaitu "Magsaysay award" dan "Tun Abdul Razak award" dan juga telah mendapat gelaran "Man of the Year". Bagaimanapun, saya ingin menimbulkan bahawa dalam soal kedua-dua awards yang berkenaan terdapat desas-desus di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan bahawa keperluan untuk memenuhi syarat-syarat General Orders dan lain-lain peraturan Kerajaan telah tidak dipenuhi dalam perkara ini, lebih-lebih lagi ia melibatkan hadiah berupa wang tunai. Sama ada desas-desus ini berasas atau tidak, suatu penjelasan perlu diberi oleh pihak Kerajaan kepada Dewan yang mulia ini, supaya tidak timbul precedence di belakang hari mengenai perkara ini.

Juga perlu diberi penjelasan mengenai kedudukan General Orders dan lain-lain peraturan yang berkait dengan kebolehan dan hak untuk membuat kenyataan terbuka atau "public statement", dengan izin. Apa lagi mengingat bahawa Tan Sri Ahmad Noordin, pada waktu ia menyusun Laporan ini masih lagi berjawatan sebagai Auditor-General iaitu seorang pegawai tinggi dalam Kerajaan yang telah terlibat secara langsung, secara terbuka dalam satu dialog dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Jadi, ini mungkin merupakan suatu precedent yang boleh dipersoalkan pada masa akan datang dan untuk mengelakkan

keadaan dan mengelakkan serta dituduh sebagai mengadakan, menjalankan dua double standard, dengan izin, maka perlulah suatu penjelasan diberi supaya juga kemudian hari soal membuat public statement atau kenyataan akhbar dapat diuruskan secara lebih terkawal di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka minta jalan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya ada masa 20 minit dan saya tidak fikir saya cukup masa untuk memberi peluang kepada beliau.

Tuan Yang di-Pertua, pembongkaran BMF menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Dr Mahathir Mohamad adalah sebuah Kerajaan yang berani, tegas dan mempunyai kesedaran accountability yang amat tinggi terhadap rakyat, berbeza dan bertentangan sama sekali dengan apa yang selama ini didakwakan oleh pihak pembangkang. Kita telah berjanji dahulu kepada rakyat bahawa kita akan menyiarkan Laporan ini dan kita telah menunaikan apa yang kita janjikan.

Kita berani kerana Kerajaan Barisan Nasional tidak mempunyai satu apa pun yang hendak disembunyikan daripada rakyat. Kerajaan Barisan Nasional tidak bersalah atas apa yang telah berlaku dan oleh itu kita sanggup menerbitkan dan membentangkan Laporan ini di dalam Parlimen supaya ia dapat dibaca dan dibahaskan di Dewan perundangan yang tertinggi di negara ini.

Tentulah rakyat berterima kasih kepada Kerajaan di atas keberaniannya dan ketegasan ini. Walau bagaimanapun, kita tidak mendengar sebarang ucapan terima kasih daripada pihak Pembangkang dan juga tidak ada penghargaan kepada Kerajaan di atas keberanian ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang pemimpin tinggi Kerajaan telah disebut di dalam Laporan tersebut. Jawapan-jawapan mereka yang terkandung di dalam Kertas Putih memberi peluang untuk setiap rakyat menjadi hakim.

Tentulah ada orang yang tidak berpuas hati dengan penjelasan ini dan kita memang tidak boleh mengharapkan untuk semua orang berpuas hati. Orang-orang yang berminat mencari keuntungan politik daripada tragedi ini, sudah tentu tidak puas hati dengan jawapan ini. Tetapi kita tidak berminat dengan orang-orang seperti ini.

Apa yang kita berminat ialah bahawa sebilangan besar rakyat yang boleh berfikir secara waras dan rakyat yang inginkan semata-mata kepada kebenaran. Kalau orang-orang seperti ini dapat diberi kefahaman yang jelas dan menerima hakikat bahawa pemimpin-pemimpin Kerajaan Barisan Nasional adalah bersih daripada dosa skandal BMF ini, maka kita akan bersyukur dan berpuas hati.

Sebaliknya orang-orang yang ingin mengaut keuntungan politik yang maksima daripada skandal BMF ini, bukan sahaja tidak akan puas hati dengan penjelasan yang diberi tetapi akan membuat andaian-andaian baru dan tohmah-tohmah baru untuk meracuni fikiran rakyat dan mencari dan mengorek persoalan-persoalan baru sama ada relevan atau tidak relevan di dalam kes ini.

Tuan Yang di-Pertua, hakim yang maha tinggi yang boleh memutuskan salah atau tidak salah adalah rakyat dan rakyat akan membuat keputusan tidak lama lagi melalui suatu pilihanraya.

Satu perkara sudah pasti bahawa tidak ada perbezaan pendapat antara kami di sebelah Kerajaan dengan pihak Pembangkang dan tidak ada perbezaan pendapat di kalangan rakyat tentang tindakan dan hukuman yang patut dikenakan ke atas orang-orang yang jelas terbukti telah melakukan jenayah di dalam kes ini. Kita bersetuju dengan Pembangkang bahawa apa juga tindakan mesti diambil untuk membawa penjenayah-penjenayah ini ke muka pengadilan supaya mereka dapat dihukum di bawah undang-undang.

Kami ahli-ahli Barisan Nasional tidak datang ke sini untuk mempertahankan pesalah-pesalah baik siapa juga. Kalau pemimpin-pemimpin kami terbukti melakukan kesalahan, kami tidak berminat untuk mempertahankan mereka. Jaminan ini bukanlah satu jaminan kosong, oleh kerana sejarah telah membuktikan ada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang telah dihadapkan ke muka pengadilan dan telah pun dihukum kerana kesalahan yang mereka lakukan. Saya tidak perlu menyebut nama-nama mereka. Tidak ada sebarang usaha cover-up. Proses undang-undang berjalan ke atas semua orang, baik ia pemimpin atau rakyat biasa.

Tuan Yang di-Pertua, sudah tentulah pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan memikul semua tanggungjawab mengenai perkara ini seperti yang dikehendaki oleh pihak Pembangkang. Memikul tanggungjawab sebagai Ketua Kerajaan adalah satu perkara, tetapi menyalahkan Ketua Kerajaan atas apa yang berlaku adalah satu perkara yang lain.

Inilah yang nampaknya yang cuba hendak dibuat oleh pihak Pembangkang iaitu menyalahkan Kerajaan dan menyalahkan Ketua Kerajaan di dalam tragedi BMF ini. Perbuatan ini samalah seperti seorang menyalahkan Ketua Kerajaan selepas berlaku sesuatu rampasan kuasa. Seseorang pencuri sudah pasti akan mengambil apa juga langkah untuk menyembunyikan rancangan mereka untuk mencuri. Seseorang pemberontak akan menyembunyikan setiap gerak dan setiap langkah sebelum ia merampas kuasa.

Bolehkah kita persalahkan Presiden Reagan apabila Challenger meletup sewaktu pelancaran? Dalam analogi yang sama bolehkah kita persalahkan seseorang presiden sebuah syarikat perkapalan sekiranya satu atau dua kapalanya terlanggar batu karang dan tenggelam?

Adalah mustahil untuk Perdana Menteri mengetahui semua yang berlaku di seluruh negara pada masa beliau patut tahu, seperti juga adalah mustahil bagi Ketua Pembangkang untuk mengetahui semua yang berlaku di dalam partinya.

Sistem kenegaraan sama juga seperti sistem persyarikatan di mana delegation of power, dengan izin, merupakan ciri yang amat penting dan delegation of power mestilah dikaitkan dengan kepercayaan atau trust dan kepercayaan atau trust berkaitan pula dengan kejujuran dan amanah. Kalau ini menjadi masalah maka yang lain-lain juga akan turut menjadi masalah. BMF bermasalah kerana amanah dan kejujuran ini telah dikhianati.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam isu BMF ini, empat persoalan perlulah dijawab iaitu:

- (1) Adakah jumlah yang diberi begitu banyak wang yang menjadi soal?

- (2) Adakah cara dan sistem pemberian yang menjadi soal?
- (3) Adakah pengutipan balik wang pinjaman yang menjadi soal?
- (4) Adakah pembawaan ke mahkamah eksekutif-eksekutif BMF dan BBMB yang melakukan penyelewengan yang menjadi masalah?

Kalau kita mempersoalkan jumlah wang yang disalurkan ke Hong Kong, berbanding dengan jumlah wang tersebut yang digunakan di negara kita sendiri, maka pengurusan Bank Bumiputra Malaysia Berhad dan Bumiputra Malaysia Finance adalah mereka yang lebih mengetahui untuk menentukan di mana dan kepada siapa wang tersebut lebih sempurna dan lebih efektif untuk dilaburkan. Bolehlah dirumuskan bahawa institusi sebegitu besar telah membuat pengurusan portfolio dengan pertimbangan yang wajar untuk melaburkan wang tersebut di Hong Kong pada ketika itu kerana terdapat keadaan pasaran harta yang baik.

Persoalan pokok di sini ialah siapakah yang membuat keputusan itu oleh kerana magnitude, dengan izin, atau jumlah pinjaman yang begitu besar. Kalau mereka yang membuat keputusan dan melaksanakan pemberian pinjaman tersebut mengikut lunas-lunas prudent banking, dengan izin, untuk melabur di Hong Kong, masalah yang kita semua hadapi sekarang tidak mungkin wujud.

Kenapa, bagaimana, bila dan kepada siapa pelaburan itu dibuat, bukanlah persoalannya yang kita hadapi sekarang, tetapi tandatanya yang kita hadapi ialah: Adakah pemberian pinjaman atau pelaburan itu dibuat dengan mematuhi sistem atau prosedur yang sedia ada? Adalah jelas tanpa apa-apa keraguan lagi bahawa masalah dalam skandal ini

ialah berpunca daripada pelaksanaan di operasi peringkat bawahan yang tidak mematuhi sistem yang ada dengan tujuan untuk memperkayakan diri masing-masing.

Di dalam pemberian pinjaman ini adalah menjadi concern Bank Negara Malaysia apabila terdapat pengaliran wang keluar dari dalam negeri ke luar negeri.

Dalam soal yang kita hadapi sekarang ini ialah: Adakah pengaliran wang tersebut keluar dari dalam negara? Di dalam pelaburan atau pemberian pinjaman ini terdapat beberapa kemungkinan yang berlaku.

Yang pertama, wang tersebut telah diambil dari dalam negeri, di mana jika ini dilakukan sudah semestinya Bank Negara telah mendapat signal untuk bertindak bagi mengawal keadaan.

Jika wang yang tersebut telah dipindahkan dari luar negeri di dalam matawang negara kita ianya juga perlu melalui negara kita sebelum sampai ke negara yang menerima. Tetapi jika wang tersebut dipindahkan dari luar negara kita kepada negara lain di dalam matawang lain, maka dalam perkara berkenaan pengawalan oleh Bank Negara tidak timbul sama sekali oleh kerana mereka tidak mungkin tahu menahu tentang perpindahan tersebut.

Di dalam soal ini pelaburan di dalam money market amat laris dan banyak dilakukan di United Kingdom, Kuwait dan mungkin juga Jepun pada masa itu. Oleh yang demikian, punca wang yang dilaburkan di Hong Kong mungkin juga dari luar negara kita. Adalah tidak dinafikan bahawa akibat pelaburan tersebut sudah menjadi tanggungan dan bebanan kepada kita pada masa ini.

Seterusnya, adakah pemberian pinjaman kepada Carrian dan George Tan yang merupakan masalah punca? Sudah semestinya itu bukan masalah punca. Masalah punca ialah cara pemberian pinjaman yang tidak mengikut "prudent banking practice", sistem dan prosedur yang sedia ada. Sebagai misalan, banyak syarikat atau company telah ditubuhkan untuk mengatasi had pemberian pinjaman kepada sesuatu syarikat atau company. Ini merupakan kekuatan dan juga kelemahan yang terdapat pada manusia untuk memanupulasikan serta mengatasi sistem dan prosedur serta kawalan dalaman yang ada. Lembaga Pengarah sesebuah institusi adalah sekumpulan orang yang membuat sistem dan polisi. Prosedur, walau bagaimana kemas sekalipun bergantung kepada kelakuan dan kejujuran orang-orang yang melaksanakan sistem dan prosedur tersebut.

Di dalam kes BMF ini pada masa pemberian pinjaman itu dibuat harga harta di Hong Kong pada masa itu adalah amat tinggi dan mungkin meningkat lagi. Walaupun demikian, harga harta-harta di koloni itu telah menjunam jatuh kerana pengisytiharan Perdana Menteri Britain untuk menyerahkan koloni itu kepada Negara China dan diikuti pula oleh kemerosotan ekonomi di seluruh dunia. Kiranya kita menerima ini sebagai satu hakikat, maka kita kenalah pula menerima kedua-dua faktor ini sebagai risiko yang mungkin berlaku di dalam sesuatu perniagaan. Tetapi kerugian yang dialami oleh BMF bukan kerana risiko perniagaan biasa, bahkan kerana pelaburan yang dibuat oleh BMF di Hong Kong itu adalah tidak mengikut lunas-lunas pemberian pinjaman yang diterima umum kerana adalah jelas memang ada niat untuk rasuah, korupsi dan kepentingan diri. Jika sebaliknya, harga harta di koloni British itu melambung naik sekalipun dan

Carrian Group berjaya di dalam perniagaan mereka serta dapat membayar balik pinjamannya, masalah pengurusan masih kekal sebagai satu masalah kerana adanya unsur tidak amanah di peringkat pelaksanaan dan bukan di peringkat penggubalan dasar atau polisi.

Jika persoalan di hadapan kita sekarang tertumpu untuk mendapatkan balik pelaburan yang begitu besar jumlahnya, maka matlamat itu pada pendapat saya adalah sukar untuk dicapai oleh kerana pemberian pinjaman tersebut merupakan pemberian yang tidak mengikut lunas-lunas "prudent banking practice". Keduanya, kerugian tersebut payah untuk diatasi oleh kerana adanya kejatuhan pasaran harta dan juga kemelesetan ekonomi yang dirasakan di seluruh dunia pada masa itu.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas bahawa masalah BMF-Carrian adalah masalah pelaksanaan yang tidak mengikut amalan-amalan banking yang biasa, tidak mengikut dasar-dasar yang ditetapkan, tidak mengikut sistem dan prosedur yang sedia ada dengan niat untuk mencuri bahkan merompak, korupsi dan fraud bagi kepentingan serta kekayaan peribadi masing-masing dengan menggunakan pangkat serta kuasa di dalam institusi yang diamanahkan kepada mereka.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandau.

4.04 ptg.

Tuan Newman Gaban (Bandau): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyokong Ucapan Pembukaan Titah di Raja, saya ingin bercakap sedikit tentang keadaan di negeri Sabah. Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan yang kejadian skandal BMF dan Memali adalah satu tragedi yang perlu diambil perhatian berat. . . .

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat perlu menyatakan sama ada Yang Berhormat bangun menyokong atau membangkang Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Newman Gaban: Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyokong. Kita tidak dapat menafikan yang kejadian skandal BMF dan Memali adalah satu tragedi yang perlu diambil perhatian berat, tetapi bagi saya buat masa ini keadaan di Kota Kinabalu dan sekitarnya yang masih lagi tegang memerlukan perhatian yang lebih mendesak. Adalah jelas dari kata-kata pemimpin-pemimpin USNO terutamanya Tun Mustaffa yang keadaan yang ada di Sabah sekarang ini tidak akan reda dalam beberapa hari lagi dan yang jelasnya USNO, dengan izin, is holding the State Government to ransom, mengancamkan pihak polis bahawa penunjuk-penunjuk perasaan itu tidak akan menyerah diri dengan aman. Sementara itu saya difahamkan bahawa Masjid Negeri yang indah itu, sekarang ini telah tercemar kerana penunjuk-penunjuk perasaan tidak menghormatinya lagi semasa dalam perkarangan masjid. Tun Mustaffa dan pemimpin-pemimpin USNO telah dibantu oleh sebilangan kecil pemimpin-pemimpin BERJAYA untuk mempertikaikan krisis agama di dalam negeri. Mereka cuba membangkitkan isu agama dan mereka membuat heboh tentang salib yang dicat di dinding masjid yang mungkin adalah perbuatan mereka sendiri. Saya tidak mempercayai ianya perbuatan penyokong-penyokong PBS. Lagipun tidak ada orang-orang Kristian akan melakukannya kerana salib bagi mereka adalah, dengan izin, sacred symbol. Sesungguhnya pada pendapat saya, orang-orang Kristian akan merasa sensitif mengenai dengan

sacred symbol yang digunakan oleh penunjuk-penunjuk perasaan anti-PBS.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan tuduhan USNO dan BERJAYA bahawa kononnya orang-orang Islam di Sabah telah terancam, ini adalah mustahil. Saya percaya tidak ada orang yang berfikiran waras dalam Dewan yang mulia ini akan mempercayainya. Jika ada ancaman, ini datangnya bukan pula daripada PBS tetapi daripada penunjuk-penunjuk perasaan dalam kawasan Masjid Negeri

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan orang-orang Islam membantah percubaan USNO dan BERJAYA untuk menggunakan agama bagi kepentingan politik mereka dan saya merayu kepada pihak yang berkenaan agar memberhentikannya dengan serta merta. Saya gembira kerana pihak Polis di Sabah mengendalikan tugas mereka dengan baik dan teratur. Jika tidak, keadaan tentu tidak dapat dikawal. Saya sangat gembira kerana orang-orang lain dan penyokong-penyokong PBS tidak mengambil tindakan balas tetapi membiarkan pihak polis menyelesaikan keadaan tersebut. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Polis di atas kelakuan yang baik yang ditunjukkan oleh mereka dan merayu kepada pihak yang berkuasa supaya menambahkan lagi bilangan mereka yang amanah yang telah bertugas dengan bertungkus lumus. Saya juga ingin merayu kepada pihak yang berkuasa supaya menangkap dan menahan orang-orang yang mengeluarkan kata-kata hasutan beberapa hari yang lalu dan orang-orang yang disyaki merancang letupan bom.

Tuan Yang di-Pertua, letupan bom yang baru-baru berlaku bukannya pertama kali tetapi telah pun berlaku sebelumnya. Saya memohon pihak Kerajaan supaya menyiarkan secara

umum keputusan penyiasatan Polis mengenai dengan kejadian ketupan bom sejak pilihanraya umum negeri yang lalu sehingga sekarang ini. Orang yang terbabit dalam kejadian letupan bom diumumkan kepada orang ramai dan tidak dibenarkan bebas begitu sahaja. Semua tindakan-tindakan yang perlu patutlah dibuat daripada sekarang bagi mengelakkan letupan bom berlaku lagi di masa akan datang. Ini adalah tanggungjawab pihak yang berkuasa untuk bertindak dengan tegas supaya dapat mengurangkan syak-wasangka rakyat dan sepatutnya tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan untuk membantu menanamkan semangat kepercayaan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan sebenarnya di Sabah tidak ada masalah besar dan tidak ada permusuhan di antara golongan-golongan yang berlainan. Sebenarnya terdapat keamanan dan persahabatan di kalangan semua rakyat yang berbilang kaum dan agama di Sabah. Masalah sekarang ini hanyalah hasil daripada hasutan dibuat oleh sedikit pemimpin-pemimpin yang tidak bertanggungjawab dan mereka ini hanyalah mempunyai motif untuk kepentingan sendiri. Pemimpin-pemimpin ini kerap kali menggunakan fahaman agama dan bangsa yang melampau terutamanya kepada penyokong-penyokong mereka.

Satu lagi aspek iaitu taktik Pembangkang di Sabah ialah menggunakan nama-nama pemimpin Persekutuan untuk membangkit dan mengelirukan rakyat. Kita tahu yang sebenarnya pemimpin-pemimpin Persekutuan tidak terbabit dalam hal ini yang mana Perdana Menteri sendiri mengisytiharkan yang beliau sentiasa berdiri tidak memihak mana-mana pihak dalam hal politik di Sabah. Saya berharap pemimpin-pemimpin nasional sedar apa yang berlaku supaya pemimpin-pemimpin yang

tidak bertanggungjawab di Sabah dapat dihindari daripada mengikuti tektik tersebut. Saya juga merayu kepada Kerajaan agar pemimpin-pemimpin ini tidak dibiarkan untuk menghasut rakyat melanggar undang-undang negara.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang sedang berlaku di Sabah sekarang ialah satu masalah yang dicipta dan diusahakan oleh beberapa orang pemimpin yang tidak bertanggungjawab dan berkepentingan sendiri. Ini adalah satu cabaran yang terang-terang untuk menguji kekuatan dan kemuliaan sistem demokrasi dan keikhlasan pemimpin-pemimpin kita yang bekerja kuat untuk menjunjung demokrasi. Oleh yang demikian, ini adalah menjadi satu masalah nasional.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya melalui dorongan daripada pemimpin-pemimpin atasan atas semangat sistem demokrasi, keadaan politik di Sabah dapat diselesaikan dengan aman dengan secepat mungkin.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong.

4.11 ptg.

Dr Koh Tsu Koon (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul mengucapkan syukur dan menjunjung kasih kepada Baginda atas Titah Ucapan Baginda.

Dalam Titah Ucapan Baginda telah membangkitkan beberapa isu negara yang penting seperti langkah-langkah untuk mengatasi kemelesetan ekonomi dan masalah pengangguran, pertumbuhan industri kecil dan pertanian serta ancaman dari sikap melampau dan sebagainya. Akan tetapi perhatian Ahli-ahli Dewan dalam perbahasan nampaknya lebih menumpukan kepada isu BMF. Saya pun akan turut membincangkan isu

yang penting ini dan menanggukkan perbincangan mengenai isu-isu ekonomi sehingga waktu perbahasan Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan penerbitan dan pengumuman Laporan Akhir BMF kepada orang ramai serta pembentangan Kertas Putih oleh Kerajaan di Parlimen. Sejak dari awal dahulu Pemuda GERAKAN telah berkali-kali menyeru supaya Laporan ini diumumkan. Ini adalah kerana kami percaya bahawa hak rakyat untuk mengetahui sesuatu khususnya yang ada berkaitan begitu rapat dengan kepentingan ramai haruslah dihormati. Pengumuman Laporan BMF menunjukkan bahawa hak dan hasrat rakyat telah dihormati. Janjian Kerajaan bahawa Laporan ini akan diumumkan juga telah ditunaikan sungguhpun terdapat perbezaan pendapat terhadap bentuk pengumuman itu. Ramai Ahli telah membincangkan perkara ini secara panjang lebar dari beberapa sudut. Oleh kerana kesuntukan masa, saya hanya ingin mengemukakan beberapa komen sahaja.

Kita harus mengakui bahawa isu BMF ini merupakan satu tragedi ataupun skandal yang amat menggoda jiwa semua rakyat jelata iaitu bukan sahaja parti-parti Pembangkang dan kumpulan-kumpulan kepentingan sosial (social interest groups), tetapi lebih-lebih lagi pihak Kerajaan sendiri termasuk ahli-ahli Barisan Nasional dan pucuk pimpinan Kerajaan. Saya boleh menyatakan dengan tegas di sini bahawa tidak ada seorang pun kecuali mereka yang berniat jahat atau yang terlibat dan yang menikmati faedah daripada skandal ini mahupun perkara seumpama ini berlaku kerana ianya sangat merugikan negara. Malangnya perkara ini telah berlaku, maka soal pokok adalah apakah yang harus dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya cuba menjawab soalan yang utama ini, biarlah saya membuat satu pemerhatian terhadap apa yang telah dikatakan mengenai Laporan Akhir BMF itu sendiri. Nampaknya bukan sahaja skandal ini sangat controversial tetapi Laporan itu sendiri telah menjadi controversial juga. Pada pendapat saya, Laporan ini memang merupakan satu Laporan yang expensive dan bernilai kerana ianya telah membongkarkan kejadian-kejadian jenayah dan penyelewengan-penyelewengan yang begitu serius serta kelemahan-kelemahan yang wujud dalam sistem kewangan kita. Masalah-masalah ini sebenarnya harus diketahui oleh pihak Kerajaan dan rakyat jelata. Kerja Jawatankuasa Penyiasatan harus diberi penghargaan yang sewajarnya.

Namun demikian, seperti yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang ahli, cara laporan ini mengendalikannya beberapa soal penting di mana nama-nama pemimpin negara disebut telah dianggap kurang wajar dari segi prosedur dan penyampaian. Kertas Putih Kerajaan adalah bertujuan untuk membetulkan kecurangan ini. Oleh itu, kedua-dua penerbitan ini, iaitu Laporan Ahmad Noordin dan Kertas Putih Kerajaan, adalah saling menghendaki, ataupun dengan izin, mutual complementary. Kedua-dua ini haruslah dikaji dan diterima bersama-sama dalam satu konteks yang luas dan menyeluruh serta mengikut satu semangat yang betul supaya boleh mendapatkan satu perspektif yang seimbang dan objektif.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal pokok apa yang patut dan boleh dibuat, terdapat 3 jenis tindakan yang boleh dan patut diambil dalam keadaan demikian, iaitu:

- (1) Pemulihan;
- (2) Penghukuman; dan
- (3) Pencegahan.

Usaha-usaha pemulihan untuk menyelamatkan keadaan dan mendapat balik wang pinjaman merupakan langkah yang pertama yang telah diambil oleh Bank Bumiputra dengan persetujuan pihak Kerajaan dalam tempoh satu tahun selepas masalah ini diketahui, iaitu antara bulan November 1982 hingga November 1983. Jelaslah dari hindsight, dengan izin, sekarang langkah pemulihan ini bukan sahaja tidak berjaya tetapi menjadikan keadaan lebih dahsyat lagi. Penyelewengan-penyelewengan terus berlaku kerana Pengarah-pengarah BMF yang terlibat yang juga bertugas sebagai ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Bank Bumiputra dilantik sebagai Jawatankuasa Penyeliaan yang mulai bertindak pada bulan November 1982. Mereka ini dengan berjayanya telah menghalang dan mengeciwakan sebarang tindakan penyeliaan dan pengawalan yang berkesan ke atas BMF sungguhpun tujuan utama untuk melantik mereka ialah supaya mendapatkan kerjasama mereka untuk memulihkan keadaan.

Setahu saya, Tuan Yang di-Pertua, langkah pemulihan selalunya merupakan reaksi serta langkah pertama yang diambil oleh pihak pengurusan dalam sektor swasta apabila berlakunya sesuatu masalah kerugian ataupun kegagalan dengan harapan mendapat balik wang walau sedikit pun. Kadang-kadang langkah seumpama ini berjaya, kadang-kadang pula tidak sama sekali. Memanglah lebih senang untuk membuat judgement selepas hasil tindakan diketahui tetapi amat sukar untuk menilai pada waktu membuat keputusan, sama ada langkah yang akan diambil itu merupakan langkah yang amat sesuai sekali dari alternatif-alternatif yang mungkin wujud berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang sedia ada, yang mungkin tidak mencukupi dan perasaan emosi pada ketika itu.

Dengan mengatakan demikian, tidak bermakna bahawa pihak pengurusan atau pihak berkuasa tidaklah harus bertanggungjawab. Mereka ini tetap harus dan mesti bertanggungjawab. Maka dari sudut ini adalah nyata bahawa kesilapan di sini ialah membenarkan "good money to chase after bad money", dengan izin, sehingga bulan November 1983. Walaupun usaha-usaha pemulihan pada ketika itu sudah gagal, kita masih boleh menyoal, adakah apa lagi yang masih boleh kita buat sekarang untuk mendapat balik wang walau sedikit pun, ataupun kita harus menerima hakikat bahawa tidak ada apa-apa lagi yang boleh dibuat, yang boleh diselamatkan, dengan izin, "all is lost and lost forever". Soalan ini harus dijawab oleh pihak Bank Bumiputra dan mungkin pihak Kerajaan kerana rakyat jelata ingin tahu dan harus diberitahu supaya kita semua dapat diyakinkan untuk menerima hakikat ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penghukuman pula, mengikut Kertas Putih setakat ini pihak Bank Bumiputra dan BMFL telah mengambil beberapa tindakan jenayah termasuk laporan polis serta beberapa tindakan sivil di Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur dan Hong Kong terhadap mereka yang terlibat.

Kes mahkamah terhadap George Tan dan kunci-kuncunya pun sedang berlangsung di Hong Kong. Namun demikian orang ramai masih tertanya-tanya, adakah apa lagi yang boleh dibuat supaya semua yang bersalah akan dikesan dan dikenakan hukuman yang sejajar dengan jenayah mereka. Oleh itu adalah disambut baik pengumuman oleh Bank Bumiputra baru-baru ini bahawa satu Panel Peguam-peguam sedang berusaha untuk mendapatkan butir-butir yang lanjut supaya dapat bertindak.

Akan tetapi di sebaliknya kenyataan Peguam Negara baru-baru ini telah malangnya memberi tanggapan yang agak kabur sedikit seolah-olah beliau kekurangan sense of urgency dalam mengambil tindakan. Maka dengan ini saya ingin menegaskan bahawa adalah sangat penting tindakan-tindakan diambil oleh pihak Bank Bumiputra dan Peguam Negara dengan secepat mungkin dalam kes-kes yang dapat dihukum iaitu, dengan izin, punishable di bawah undang-undang Malaysia. Lain katanya, dengan izin, the due proces of law must and must be seen to take place with a sense of urgency.

Di sebaliknya kalau panel Bank Bumiputra dan Peguam Negara berpendapat bahawa tidak ada asas atau tidak ada kes yang punishable mengikut undang-undang Malaysia, maka mereka haruslah memberi penjelasan yang mencukupi kepada rakyat umum. Kita haruslah berterusterang dengan rakyat kita dan, dengan izin, take our people into our confidence. Kalau tidak diambil tindakan dan tidak pula diberi penerangan yang lanjut, maka kemungkinan besar akan disalahtafsirkan oleh rakyat bahawa mungkin ada sesuatu yang Kerajaan cuba menyembunyikan sehingga keaburan seumpama ini akan terus diperalatkan oleh unsur-unsur yang kurang bertanggungjawab untuk menyerang Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai langkah-langkah pencegahan pula, isu BMF ini telah mendedahkan beberapa kelemahan dalam sistem urusan bank kita seperti yang diakui dalam Laporan Tahunan Bank Negara bagi tahun 1984 di mana implikasi-implikasi BMF dianalisa dan dibincang dengan terperinci.

Setahu saya beberapa langkah positif telah diambil oleh Bank Negara. Misalnya berkuatkuasa dari

bulan September, 1983 semua pinjaman cawangan-cawangan luar negeri yang melebihi \$1 juta tiap-tiap satu perlu dilaporkan kepada Bank Negara. Di samping itu, beberapa pindaan telah dibuat kepada Akta Bank pada tahun 1984 dan 1985 bagi menegakkan disiplin dan menggalakkan urusan bank yang hemat. Namun demikian, kita masih boleh dan harus menyoal adakah apa-apa lagi iaitu kuasa-kuasa legislative atau peraturan-peraturan yang boleh dan harus diperolehi oleh Bank Negara untuk mengawal ataupun, dengan izin, monitor dan mengawal semua pihak pentadbiran urusan bank dan kredit dengan lebih berkesan lagi supaya penipu-penipu atau crooks tidak bermaharajalela.

Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masanya untuk mengadakan satu kajian semula yang menyeluruh terhadap sistem urusan bank kita. Kajian semula ini harus dibuat oleh Bank Negara dengan penyertaan penuh dari semua bank serta institusi kewangan dan kredit yang lain.

Satu daripada soal penting yang harus dikaji semula ialah bagaimanakah dapat ditingkatkan lagi profesionalisma serta disiplin semangat dedikasi dan sense of integrity di kalangan kakitangan eksekutif dan pengurusan. Apa gunanya mengadakan undang-undang yang ketat serta mekanisma yang terbaik sekali pada teorinya kalau orang-orang yang memegang teraju tidak mampu atau sengaja tidak mahu mematuhi dan menggunakannya.

Oleh kerana Kerajaan melalui beberapa institusi awam sekarang memiliki banyak bank komersial di negara kita ini, Kerajaan haruslah memimpin melalui teladan dengan mengambil langkah-langkah untuk mewujudkan profesionalisma yang positif dan berkesan di kalangan pegawai-pegawai kanan dalam bank-bank ini. Dengan ini barulah kita

dapat memulihkan semula keyakinan orang ramai terhadap sistem bank dan kredit kita serta nama baik negara kita sebagai sebuah negara yang mempunyai sistem bank yang kukuh.

Kalau kita dapat mencapai matlamat ini maka isu BMF yang merupakan nightmare sekarang akan menjadi satu pengajaran, dengan izin, *the many hours we spend here debating and agonising over it will be worthwhile*. Walau apa pun kita masih merupakan sebuah negara yang muda, yang kurang berpengalaman dalam banyak bidang. Selagi kita dapat belajar dari kesilapan-kesilapan kita, dapatlah kita menuju ke hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan kita tidak dapat menafikan bahawa skandal BMF dan peristiwa Memali merupakan satu titik hitam dalam sejarah negara kita. Pada pendapat saya dua peristiwa ini mencerminkan dua haluan (trend) yang kurang sihat yang telah berlaku di negara kita ini. Satu trend ialah penekanan yang keterlaluan (*over-emphasis*) ke atas keuntungan-keuntungan *materialistic* atau kebendaan di mana nafsu tamak berleluasa dan tidak terkawal mengakibatkan penipuan (*fraud*), pecah amanah serta penyelewengan yang lain. Spekulasi dan manipulasi yang keterlaluan berleluasa juga di pasaran-pasaran saham, hartanah dan lain-lain. Nilai-nilai moral dan etika diketepikan dalam proses kejar-mengejar kebendaan.

Trend yang lain yang kedua itu ialah satu *obsession* yang keterlaluan terhadap apa yang disalahsangka dan disalahtafsir sebagai pemegangan tegak kepada ketulenan rohaniah dan agama dicampuradukkan dengan motif-motif politik dan niat-niat perseorangan sehingga menjadi amat melampau serta membangkitkan ektrimisma, fahaman fanatik, keengkaran menurut perintah undang-undang dan kekerasan (*violence*).

Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua trend ini nampaknya bertentangan di antara satu sama lain. Boleh dikatakan bahawa obsession dengan kebendaan adalah kerana kekurangan dalam latihan-latihan kerohanian. Di sebaliknya obsession dengan ketulenan rohaniah mungkin adalah reaksi kepada penekanan kebendaan yang keterlaluan. Namun demikian adalah nyata bahawa kedua-dua trend ini sudah melampau dan harus dikawal serta dihapuskan sebelum merebak dan menghancurkan masyarakat kita.

Apa yang kita perlukan ialah satu keseimbangan (balance) yang sihat di antara pembangunan kebendaan dan perkembangan kerohanian. Nampaknya kita tidak ada jalan lain selain daripada memegang teguh kepada kesedaran, dengan izin, moderation dan pemikiran secara logik serta berakal iaitu reason. Sungguhpun kita akan sentiasa ditarik dan digoda oleh kedua-dua haluan yang melampau ini.

Memang benar masyarakat kita sekarang ini seolah-olah berada di persimpangan jalan dan memang benar juga terdapat banyak masalah dari segi ekonomi, politik, sosial dan moral, akan tetapi saya tidak setuju dengan dakwaan Ketua Pembangkang bahawa negara kita telah hilang arah tujuannya dan rakyat telah hilang kawalan atas masa depan mereka, katanya. Saya lebih optimistik dan positif. Sungguhpun wujudnya dua trend yang kurang sihat ini tetapi dua trend ini masih bukan mainstream, dengan izin.

Kebanyakan rakyat Malaysia adalah moderate dan reasonable. Mereka adalah juga sangat resourceful dan resilient, dengan izin. Mereka sanggup membuat penilaian dengan keputusan yang wajar. Saya percaya bahawa mereka akan menolak dua trend yang negatif ini serta hasutan-hasutan melampau dan tidak bertanggungjawab yang lain. Mereka

tidak hilang kawalan atas masa depan mereka. Mereka penuh sedar bahawa masa depan mereka adalah di dalam tangan mereka sendiri. Dalam perkara ini saya berharap bahawa kita sendiri iaitu pemimpin-pemimpin politik jangan pula hilang arah tujuan kita kerana kepentingan politik kita sendiri semata-mata.

Di sini rayuan dan nasihat Baginda dalam Titah Ucapannya adalah sangat tepat sekali di mana Baginda mengingatkan kita semua supaya jangan memperalatkan isu-isu perkauman dan agama. Kita diharapkan memainkan peranan yang penting dan kita haruslah memimpin melalui teladan.

Sekian, saya memohon untuk menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani.

4.30 ptg.

Puan Hajjah Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun dan dengan penuh hati turut menyokong Usul yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang dan mengucapkan setinggi-tinggi junjungan kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 10hb Mac, hari Isnin tahun 1986 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda telah begitu mengambil berat mengikuti perkembangan dan masalah rakyat di samping meneliti hal ekonomi, pembangunan dan sosial. Sungguhpun rakyat faham kedudukan ekonomi negara yang lembab dan mengamalkan dasar berjimat-cermat masalah kemudahan-kemudahan asas hendaklah diteruskan iaitu bekalan air paip, bekalan elektrik, jalan raya hendaklah diutamakan terutama sekali di kawasan luar bandar. Oleh

kerana banyak lagi kampung-kampung yang belum lagi menikmati bekalan air paip dan elektrik dan jalan-jalan yang baik. Kebanyakan jalan-jalan luar bandar masih lagi jalan tanah merah belum ditar, sudahlah tidak ditar, kadang-kadang jalan-jalan ini rosak berlubang-lubang. Perkara ini sangat penting dan saya berharap sangat supaya diberi perhatian oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kepada pelajaran, saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran yang begini lama memberi perhatian dan mengadakan skim pinjaman buku teks kepada sekolah-sekolah rendah dan sekolah menengah. Ini telah menolong ramai ibu bapa terutama sekali yang miskin yang berpendapatan rendah, tetapi malangnya apabila buku-buku ini sampai kepada umur tiga tahun, misalnya sebuah buku dipinjamkan kepada seorang murid yang Darjah Satu di tahun 1986, diambil balik pada hujung tahun 1986, diberi pinjaman kepada murid tahun 1987, buku ini akan berumur dua tahun. Kadang-kadang helai-helai telah kurang, kadang-kadang koyak, ada setengah ditulis oleh kanak-kanak itu jawapan. Katalah, Buku Kira-kira (Mathematics) dan juga guru pula merightkan jawapan-jawapan dalam buku tadi. Jadi bagi pendapat saya kalau murid yang datang kebelakangan mendapat buku yang begitu, murid itu tidak payah buat kerja, tidak payah susah-payah mengira kerana jawapan sudah ada, hanya tiru sahaja. Saya mencadangkan supaya buku-buku yang dipinjamkan ini sebelum dipulung balik, berada di dalam baik dan sempurna dan tidak ditulis apa-apa supaya anak atau murid yang berikut pada tahun hadapan akan dapat menggunakan buku ini dengan baik dan bermakna. Kalau pun tidak baru tetapi bersih dan memberi kesan terhadap pelajarannya.

Tuan Yang di-Pertua, ramai suri rumahtangga berasa bangga dan berterima kasih kepada Kerajaan berkenaan dengan turunnya harga susu, tepong, minyak masak, gas dan juga minyak tanah. Ini adalah barang-barang keperluan mereka sehari-hari. Sungguhpun begitu banyak lagi kedai yang belum menurunkan harga barang-barang tersebut itu dengan alasan mereka membeli barang-barang ini dan barang-barang ini berada di taraf masih tinggi dan mahal. Jadi hendak diturunkan sekarang tidak boleh lagi, inilah sikap pekedai yang tidak mahu bertolak ansur, kalaulah mereka turunkan harga ini sekarang, mereka kata mereka akan rugi. Jadi sampai bila pun merekalah beruntung. Saya harap Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan memberi amaran melalui TV atau suratkhbar dan bekerjasama dengan Kementerian Penerangan supaya tentang penurunan harga barang-barang perlu tadi. Saya sukalah barang-barang ini diberi maklumat dengan cara berkesan dan pekedai mesti dihukum kerana mereka tidak mengambil berat, hanya hendak mencari untung bagi mereka sendiri, tidak hairan kepada orang itu miskin yang berpendapatan rendah. Saya kata begitu memandangkan orang-orang yang berpendapatan rendah adalah daripada golongan orang petani, penoreh getah dan juga nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menitikberatkan berkenaan dengan penyalahgunaan dadah di kalangan muda-mudi sekarang ini. Dan saya berpendapat usaha Kerajaan membanteras penyalahgunaan dadah dan pengedar dadah sungguh memuaskan dan saya ucapkan tahniah dan terima kasih. Kepada penagih-penagih dadah yang dibuatkan pusat pemulihan, buat rumah tersergam, kawalan ketat, makan cukup. Bila keluar badan gemuk tetapi kadangkala

balik semula menjadi penagih dadah kerana dipengaruhi oleh kawan-kawan lama. Jadi saya rasa kadang-kadang kita buat begini baik dan senang bagi mereka, kadang-kadang saya fikir membazirkan wang. Sungguhpun begitu, kita tidak akan biar mereka menjadi penagih, kita akan pulihkan supaya mereka akan menjadi rakyat yang berguna kepada masyarakat dan negara.

Sebagai seorang ibu, saya tahu betapa susah untuk melahirkan anak, memelihara seorang anak, memberi pelajaran dan didikan yang sempurna tetapi apabila anak itu menjadi seorang penagih dadah alangkah keciwanya nasib ibu bapa ini. Oleh itu, saya berseru kepada ibu bapa awasi anak-anak dari perangkap dadah dan berilah kasih sayang kepada mereka supaya anak-anak ini faham kasih sayang ibu tidak ada tolok bandingnya. Saya suka mencadangkan kepada Kerajaan mereka ini diberi kerja iaitu kita ada banyak tanah-tanah terbiar, apakah salahnya mereka ini dipinta bekerja di tanah-tanah ini setidak-tidaknya tanah ini tidak dipenuhi dengan semak-samun, hasil tanaman itu dapat dijual ataupun dimakan oleh mereka sendiri. Undang-undang yang dikenakan kepada pengedar-pengedar itu pun cukup memuaskan, sebat, penjara, gantung sampai mati, saya rasa telah sampai ke kemuncaknya.

Tuan Yang di-Pertua, Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda di dalam Titah Ucapannya begitu mengambil berat masalah perpaduan di dalam negara Malaysia yang sungguh unik iaitu berlainan dari negara-negara lain, masalah berbilang kaum, berbilang agama dan kebudayaan, sanggup berada dalam suasana harmoni, tenteram dan makmur. Ini adalah berkat perpaduan dan sikap sederhana pemerintah

Kerajaan Barisan Nasional dari tahun 1955 hingga sekarang mendapat sokongan rakyat di dalam pilihannya.

Saya yakin sungguhpun kita berada di dalam kelembapan ekonomi dan peristiwa BMF dan peristiwa Memali, saya percaya rakyat akan menyokong Kerajaan Barisan Nasional yang ada sekarang, biarpun apa yang diceramah oleh parti-parti lawan, PAS, DAP atau SDP kerana keterangan yang betul yang dibentangkan oleh Kerajaan sungguh puas hati dan ini telah diketahui sepenuhnya oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang merunsingkan saya ialah ramai lulusan berijazah dan penuntut-penuntut yang lepasan SPM, STP tidak mempunyai pekerjaan sungguhpun mereka tidak memilih kerja.

Dengan pembekuan jawatan-jawatan akan membawa mereka runsing, menung dan rasa jemu. Tiap-tiap tahun kita akan menghadapi pengangguran. Kalau masa lepas mereka yang ada sijil SRP atau SPM akan dapat bekerja di kilang-kilang tetapi sekarang dengan masalah kemelesetan ekonomi seluruh dunia barang-barang yang dibuat tidak ada pasaran, maka pula banyak kilang-kilang telah ditutup, ini bermakna yang bekerja pun akan kehilangan pekerjaan. Kita ucapkan terima kasih kepada Kementerian Buruh yang telah dan sekarang berusaha ke arah memberi latihan kemahiran kepada mereka ini. Sungguhpun begitu, setakat manakah saya ingin tahu kesan daripada Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan peristiwa Memali saya yakin rakyat telah sedar sebabnya berlaku peristiwa ini. Golongan yang mengaku yang mereka ini tok-tok guru, sebenarnya mereka ini adalah golongan pelampau yang ada kepentingan diri sendiri dan juga bertopengkan agama untuk politik diri

dan parti mereka. Mereka ini menghasut kepada orang-orang yang tidak berdosa terutama golongan wanita-wanita dan kanak-kanak. Wanita-wanita yang kita tahu pemalu, lemah lembut, sopan santun bangun dihasut oleh pelampau-pelampau tadi menentang pemerintah dan juga wanita-wanita ini yang kita tengok melalui TV menari dengan golok, dengan parang menjerit-jerit dan wanita-wanita ini saya nampak seperti orang tidak siuman. Alangkah sedihnya peristiwa Memali ini yang telah mengorbankan 18 orang iaitu 4 orang polis dan 14 orang awam. Tidakkah mereka yang melampau ini insaf kerana perbuatan pelampau-pelampau ini menyebabkan anak-anak menjadi yatim dan wanita-wanita yang suaminya terbunuh menjadi janda. Siapakah yang akan menanggung dosa-dosa ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat bersetuju yang Kerajaan akan bertanggungjawab untuk membanteras, mengawasi dan menentang ancaman kepada sesiapa sahaja yang cuba membuat kacau bilau, menghasut dan melanggar undang-undang negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berterima kasih kepada Kerajaan yang sentiasa mengambil tahu tentang kesusahan rakyat yang tidak mempunyai rumah sendiri. Tambahan 80,000 unit rumah kos rendah bagi tahun 1986 sehingga tahun 1988 ini dan saya rasa berapakah banyak akan diberi kepada kawasan Sungai Petani khususnya dan juga kepada negeri Kedah amnya. Dan juga saya berterima kasih kepada Kerajaan yang akan menurunkan harga rumah kos rendah dari harga yang ada sekarang. Ini akan memberi peluang kepada ramai lagi rakyat mendapat rumah sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Kementerian Perumahan, rumah-rumah kos rendah yang dibuat

di daerah-daerah yang dibiayai oleh Kerajaan lambat diberi kepada penghuni-penghuni. Rumah-rumah ini sudah siap beberapa lama, kadangkala tingkap (shutters) habis pecah, kepala-kepala paip air habis dicuri, bila penghuni-penghuni masuk banyak perkara yang mesti dibaiki dan yang lebih pula kepada penghuni-penghuni tadi. Saya mencadangkan apabila selesai sahaja temuduga dan penghuni-penghuni yang berjaya tadi diberikan segera rumah-rumah, tidak pavahlah tunggu lama-lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Dasar Pertanian Negara bagi mewujudkan aktiviti peladangan berkelompok yang bercorak komersial. Cara peladangan berkelompok ini akan memudahkan Pegawai-pegawai Pertanian, Pegawai-pegawai LPP memberi perhatian, menyelia dan memberi bantuan, dari segi subsidi seperti baja dan bahan-bahan yang perlu oleh petani-petani. Dengan cara ini petani-petani kita akan dapat mengeluarkan bahan-bahan makanan utama yang diperlukan oleh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh puas hati di atas perbincangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Jasin, Ahli Yang Berhormat dari Lipis, juga Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh dan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu berkenaan dengan peristiwa skandal BMF. Saya rasa peristiwa ini telah memberi satu kesedaran kepada rakyat supaya tidak mereka membuta tuli mendengar apa sahaja yang dikatakan oleh parti Pembangkang. Dan juga peristiwa Memali tadi Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus dengan begitu panjang lebar menghuraikan satu persatu. Dengan penjelasan yang begini rakyat akan berasa lega dan yakin kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, hendak jadi Kerajaan, hendak jadi pemerintah saya ingat bukanlah senang. Kalau hendak jadi Pembangkang saya fikir senang, apa sahaja kita suka hendak kata kita dapat kata. Jadi, pihak Pembangkang, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka 4 jam bercakap menyakitkan hati, dia tidak peduli tersinggung di sana sini. Jadi, saya rasa pihak Ketua Pembangkang ini seorang yang memang suka bercakap dengan begitu tidak ambil hirau, siapa dengar sakit hati pun dia tak pedulilah asal dia sahaja yang senang dan puas hati.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat sekarang ini pandai, dia bukan hendak mendengar buta tuli, hendak mendengar hasutan-hasutan sahaja, rakyat akan menilai sama ada apa yang dikatakan itu intan atau kaca. Dalam pilihanraya yang akan datang ini kita akan membuktikan kemenangan lagi sekali dari pihak Barisan Nasional. Dengan cara ini pihak Pembangkang yang ada sekarang ini akan tidak lagilah bercakap ikut suka hati, menyinggung perasaan orang, tidak pedulilah kita dengar itu sakitkah atau kita dengar itu pedihkah asal dia sahaja cakap dengan suara yang begitu lantang dia tidak peduli apa yang kita fikir elokkah, kita sakit hatikah, dia tidak peduli. Itu memang kerja Pembangkang. Kalau dia tidak menjerit tahun depan orang tidak pilih lagi kerana orang memang sudah tahu keadaan dia dalam Dewan yang mulia ini.

Dengan ini saya sekali lagi menyokong di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah sungguh-sungguh memberi perhatian berat kepada rakyat jelata. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kapit.

4.38 ptg.

Datuk Leonard Linggi Anak Jugah (Kapit): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya juga ingin menyokong Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Kebawah Duli terhadap Dewan yang mulia ini.

Sepertimana Kebawah Duli menyatakan dengan tepatnya tahun 1986 ini amat penting kepada negara kita. Ianya akan diingati sebagai tahun dalam mana sistem ekonomi kita menghadapi cabaran kemelesetan ekonomi yang belum pernah dialami sebelum ini. Mereka yang telah diberi mandat untuk mentadbir negara ini memikul tugas yang berat bukan sahaja mencari cara dan jalan untuk mengurangkan kesan kemelesetan ini tetapi juga membentuk arah baru pertumbuhan ekonomi negara kita di masa akan datang.

Telah diperkatakan oleh seorang penulis Alwin Tofler yang dalam bukunya berjudul "Future Shock" ataupun "Third Wave", Tuan Yang di-Pertua, bahawa kemelesetan ekonomi sekarang bukanlah bertingkat penurunan pusingan ekonomi yang biasa, tetapi merupakan sebahagian dari proses di mana masyarakat industri dunia sedang menghadapi krisis pada keseluruhannya. Sukacita diperhatikan bahawa Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Tertinggi untuk menilaikan kesan kemelesetan ekonomi ini dan diharapkan Jawatankuasa ini akan dapat membentuk garis panduan jelas ke arah mana polisi ekonomi Malaysia akan ditujui di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, banyak telah diperkatakan mengenai skandal BMF, terdapat berbagai pandangan mengenainya; ada yang keras dan tegas dan kadangkala ada pula yang

mengelirukan. Jawatankuasa Tan Sri Ahmad Noordin telah menghasilkan laporan 13 jilid yang melebihi 6,000 muka surat mengenai skandal ini. Pada pendapat saya isu asas adalah mengenalpasti mereka yang bertanggungjawab ataupun, dengan izin, "to identify the real culprits" dan Jawatankuasa Tan Sri Ahmad Noordin telah dibentuk untuk menjawab persoalan ini. Banyak bukti nyata telah dihasilkan oleh Tan Sri Ahmad Noordin untuk membuktikan bahawa George Tan merupakan tulang belakang perancang keseluruhan skandal ini dengan dibantu oleh Lorrain Osman, Datuk Hashim Shamsuddin, Dr Rais, Ibrahim Jaafar, Henry Chin dan pegawai pengurusan BMF di Hong Kong. Jelas sekali bagi mereka telah termakan kekayaan hingga sanggup menipu dan memperdayakan majikan mereka, masyarakat dan negara mereka. Rancangan diatur oleh mereka ini untuk menipu pihak bank telah didokumentasikan oleh Jawatankuasa Tan Sri Ahmad Noordin dengan jelasnya. Tindakan jenayah sedang diambil oleh pihak berkuasa di Hong Kong untuk membawa mereka yang terlibat ke muka pengadilan, demikian juga tindakan sivil telah dikemukakan di Kuala Lumpur ini untuk membekukan harta mereka ini.

Perlu difahamkan, Tuan Yang di-Pertua, juga bahawa menurut sistem perundangan negara kita ini di mana tindakan jenayah sedang diambil terhadap seseorang, kita tidaklah boleh mengemukakan tindakan jenayah yang sama terhadap orang berkenaan ke atas kesalahan yang sama. Sementara terdapat yang bukti nyata terhadap kesalahan yang dilakukan oleh Jaafar, Hashim, Osman dan Chin, tetapi tidak pula terdapat sebarang bukti yang jelas membabitkan mereka yang lainnya yang disebutkan dalam laporan ini. Kertas Putih Kerajaan memberikan

penjelasan yang memuaskan bahawa mereka ini tidak terlibat dalam skandal BMF.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa terdapat kumpulan tertentu yang merasa keciwa setelah membaca Laporan Tan Sri Ahmad Noordin. Mereka keciwa kerana mereka menaruh sangkaan bahawa laporan ini akan membabitkan nama-nama Menteri Kerajaan, ahli-ahli peniaga yang terkemuka dan juga orang-orang kenamaan yang lain.

Bagi diri saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Tan Sri Ahmad Noordin dan ahli-ahlinya atas usaha mereka menyediakan laporan begitu tebal untuk Kerajaan. Saya percaya laporan ini mengandungi segala apa yang didengar, dilihat ataupun disentuh oleh Jawatankuasa ini. Penekanan mereka terhadap memperolehi maklumat terperinci begitu kuat hinggakan mereka mempunyai masa singkat untuk membuat analisa mendalam terhadap maklumat diperolehi. Di sinilah saya rasa terletaknya kelemahan laporan di mana penelitian semula maklumat, khasnya mengenai nama-nama yang ditimbulkan di dalam laporan ini tidak dibuat dengan lebih lanjut.

Tuan Yang di-Pertua, soalan lain yang sentiasa menjadi tandatanya beberapa orang rakyat Malaysia ialah sama ada skandal BMF ini dapat dielakkan ataupun kerugian akibat darinya dapat dikurangkan. Perlu diingatkan perkara ini berlaku dalam tahun 1979 dan berterusan selama 3 tahun dan jika pihak pengawasan Bank Bumiputra dan Bank Negara mempunyai sikap prasangka dan sentiasa ingin tahu, skandal BMF mungkin boleh dibongkarkan lebih awal lagi dan kerugian akibatnya tidaklah sebesar yang dialami. Sistem pengawalan dan pengawasan Bank Bumiputra ketika itu adalah jauh lebih

rendah dari taraf kebijaksanaan amalan bank. Nyata sekali terlalu tinggi kepercayaan dan keyakinan diberi kepada beberapa orang seperti Hashim, Rais dan Osman, sesiapa yang tanpa segan-silu mengatur rancangan penipuan ini bersama dengan George Tan. Keseluruhan sistem Bank Negara kita telah disalahgunakan oleh mereka ini. Pengaliran wang berlaku dengan bebasnya dari London, New York dan Kuala Lumpur untuk dipergunakan oleh mereka ini, tetapi mereka yang bertanggungjawab mengawasi sistem ini gagal untuk mengenakan tindakan yang boleh mengelakkan berlakunya kerugian.

Tuan Yang di-Pertua, pengajaran yang dibayangkan oleh skandal ini ialah mungkin sistem pengawasan kita belum lagi begitu sophisticated untuk menghadapi dunia pengurusan yang tinggi taraf pembangunannya dan persaingannya seperti di Hong Kong, New York, London, Tokyo dan Bahrain. Sepertimana yang pernah saya nyatakan dalam Dewan yang mulia ini skandal BMF adalah satu pengajaran bagi semua kita. Adalah diharapkan kita tidak akan ditipu lagi oleh mereka seperti George Tan. Kerajaan perlulah membaiki dan mempertingkatkan mutu sistem pengawalan dan pengawasannya dan hendaklah sentiasa memerhati organisasi perdagangan multi-national Kerajaan yang lain ataupun badan-badan berkanun yang mungkin dijadikan sasaran ataupun "target" oleh penjenayah ataupun "sophisticated crook in the calibre of George Tan", dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, demi kepentingan kestabilan ekonomi negara kita janganlah kita mencuba "witch hunting" ataupun "persecute anyone by the crime of innuendo", dengan izin.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengambil kesempatan ini meminta pihak Kerajaan Persekutuan membantu dan menenangkan keadaan di Sabah. Masalah dihadapi oleh Sabah kian menjadi runcing, ianya kelihatan lebih dari masalah parti politik. Isu-isu agama dan perkauman sedang dieksploitasi sepenuhnya. Beribu-ribu orang mengadakan perarakan menunjukkan perasaan, perkara yang memperingatkan kembali peristiwa yang berlaku di Manila baru-baru ini. Keadaan sekarang memerlukan tindakan positif oleh Kerajaan Persekutuan demi menenangkan semula keadaan di Kota Kinabalu. Sekiranya keadaan ini dibiarkan berterusan tanpa tindakan diambil, perselisihan faham akan berlaku di antara kaum bumiputera di Sabah, khasnya di antara orang Melayu dan orang Kadazan. Lanjutan dari itu, konsep dan perpaduan bumiputera itu sendiri akan terjejas dan pada pandangan saya dalam jangka masa yang panjang ianya tidaklah baik untuk negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong.

5.01 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya merasa bangga dengan beberapa perkara yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, saya bersetuju dengan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong bahawa rakyat Malaysia hendaklah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang aman, makmur, maju dan bermaruah. Saya juga berpendapat bahawa semua pihak mestilah berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh, berjimat-cermat untuk membasmikan kemiskinan dan meninggikan taraf hidup rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi ada beberapa skandal dan perkara yang menghalang usaha-usaha rakyat ini. Yang pertamanya, saya berharap Kementerian Kewangan dan Bank Negara dapat mengadakan satu pasukan petugas untuk mengawal, menyasat dan mengambil tindakan terhadap syarikat-syarikat kredit leasing kewangan dan kedai-kedai emas yang membuat penipuan ke atas penyimpan-penyimpannya. Sekarang saya telah membantu hampir dua tiga ratus orang yang terlibat dengan menyimpan wang dengan 5 buah syarikat, semuanya di dalam kawasan Kepong dan wang yang terlibat itu berjuta-juta ringgit dan inilah satu perkara yang menunjukkan ada kelemahan-kelemahan di dalam penguatkuasaan undang-undang untuk mengawal perbuatan penipuan di syarikat-syarikat kewangan dan credit leasing dan malangnya tidak ada pindaan ke atas Akta Syarikat Kewangan diadakan, dibentangkan pada sidang sekarang. Sepertimana yang disebutkan oleh Gabenor Bank Negara pada akhir tahun-tahun yang lepas bahawa pihak Kerajaan berikhtiar untuk mengadakan pindaan ke atas Akta Syarikat Kewangan, akan tetapi setakat ini mungkin masa terlalu suntuk, tidak dapat dikemukakan pindaan Rang Undang-undang tersebut. Saya berharap pihak Kementerian Kewangan dan Bank Negara akan mempercepatkan langkah-langkah untuk meminda dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa Kampung Memali satu tragedi berdarah yang sangat menyedihkan semua kaum di negara ini. Saya sendiri tidak suka sebarang ekstrimisme yang dilakukan di atas nama agama, sama ada agama Islam, Kristian, Buddha dan sebagainya. Walau bagaimanapun, selepas meneliti kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan termasuk Kertas Putih, peristiwa berdarah di Kampung Memali, saya

berpendapat sebenarnya ini adalah hasil komplot Kerajaan untuk mencapai matlamat politiknya. Malang sekali bagi pihak Kerajaan, rancangan itu telah, dengan izin, backfired dan Kertas Putih ini telah dibentang semata-mata untuk mempertahankan tindak-tanduk Kerajaan dalam memulakan dan menyelesaikan masalah ini.

Isu yang kerap kali menonjol keluar adalah kawalan perisikan pihak Kerajaan yang kurang berkesan. Akibatnya nyawa 4 orang anggota polis, 14 orang awam terkorban, manakala 23 orang anggota polis dan 14 orang awam tercedera. Peristiwa ini mungkin tidak terjadi jika pihak berkuasa bertindak dengan cepat dan tegas sebelum keadaan ketidakpuasan berpeluang untuk meletus kepada tragedi berdarah Memali.

Tuan Yang di-Pertua, sejak awal-awal lagi dalam pengenalan Kertas Putih, pihak Kerajaan telah melaporkan bahawa kejadian tersebut adalah sama sekali di luar dugaan kita semua, tetapi dari apa yang saya memahami setelah membaca Kertas Putih ini adalah pihak Kerajaan memang mengetahui bahawa ketegangan di antara mereka dengan penghuni-penghuni Kampung Memali atau dengan lebih tepat lagi pengikut-pengikut Ibrahim Libya awal bulan September, 1984.

Tanggapan saya ini disokong oleh beberapa perenggan dalam Kertas Putih. Perenggan 22 dan 23, muka surat 8, Polis telah bertindak untuk menangkap dan menahan Ibrahim bin Mahmood pada jam 1.00 pagi, 2hb September, 1984. Kira-kira 100 orang mengikut Ibrahim keluar secara mengejut bersenjatakan buluh runcing, suasana ketika itu adalah tegang. Pihak Polis mengambil keputusan menanggungkan tindakan menangkapnya. Penanggungkan disalahertikan dan dianggap sebagai satu kelemahan oleh Ibrahim

Mahmood dan para pengikutnya mereka semakin angkuh, bertindak kasar dan bertambah berani mencabar kewibawaan pihak berkuasa. Anggota Polis sekitar kawasan Kampung Memali seringkali dihina, dikeji dan dicabar oleh pengikutnya.

Kertas Putih pihak berkuasa juga mengakui sedar akan penanaman sikap kekerasan dan permusuhan pengikut-pengikut Ibrahim Libya terhadap pihak berkuasa. Kesangsian pihak berkuasa mengenai aktiviti-aktiviti subversif dan menghasut orang awam supaya menentang pihak Kerajaan terbukti pada malam 20hb Oktober, 1985 seperti yang tertulis di dalam muka surat 12, perenggan 33, Kertas Putih. Simpanan senjata juga telah dikesan pada bulan dan tahun yang sama. Perenggan 33, 34, 35, 36 dan 37 muka surat 12 dan 13, kesan dari penanaman sikap kekerasan dan permusuhan terhadap pihak berkuasa jelas terbukti pada malam 20hb Oktober, 1985. Ibrahim bin Mahmood telah diarak oleh anggota pengawal yang lengkap bersenjatakan pedang serta golok pada malam yang sama di satu sekatan jalan raya di Kampung Weng. Pihak Polis telah menahan sebuah van. Polis mendapati pemandunya membawa 2 bilah senjata merbahaya. Polis merampas senjata itu tetapi membenarkan pemandunya meneruskan perjalanan.

Jam 9.50 malam, Ketua Polis Daerah Baling bersama tiga anggota yang lain tuju ke Kampung Memali telah ditahan serta dikerumuni oleh lebih kurang 200 orang, kebanyakan orang-orang itu membawa senjata merbahaya seperti parang panjang, pedang, golok, kayu tajam, buluh runcing dan pisau wali. Paksaan disertai dengan ancaman untuk mencederakan Ketua Polis Daerah dan anggota-anggota Polis yang bersamanya. Pada waktu yang sama 10 orang anggota Polis Tugas Am

dikepung dan ditahan sebagai tebusan oleh sekumpulan kira-kira 20 orang yang bersenjatakan pedang.

Adakah ini caranya perisikan Polis yang membiarkan keadaan ketegangan dan hasad dengki bertambah kecoh sehingga meletusnya pertempuran berdarah menjalankan tugas-tugas mereka? Kenapakah tindakan-tindakan tidak diambil untuk mententeramkan keadaan ini lebih awal? Saya juga percaya bahawa adanya di kalangan kakitangan Kerajaan yang telah membongkarkan rahsia yang pihak Polis akan melancarkan gerakan menangkap Ibrahim bin Mahmood seperti yang tertulis dalam perenggan 53 muka surat 17, Kertas Putih.

Kumpulan Ibrahim bin Mahmood pada mulanya mendengar khabar pihak Polis akan melancarkan gerakan menangkap Ibrahim bin Mahmood pada 5hb November, 1985, pengawalan ketat diadakan pada malam itu oleh lebih kurang 100 orang yang membawa beranika jenis senjata. Adakah pihak berkuasa menyiasat identiti pengkhianat yang telah membongkarkan rahsia gerakan Polis itu? Dakwaan Kerajaan bahawa ahli-ahli serta penyokong-penyokong Ibrahim Libya terpengaruh dan taksub dengan penerangan-penerangan yang disampaikan telah menimbulkan hasrat di kalangan mereka untuk berjihad menentang Kerajaan yang dikafirkan oleh para pemimpin mereka bukan sebegitu mudah persoalannya. Pihak Kerajaan harus ingat bahawa walaupun mereka ini mungkin kurang berpelajaran, ini tidak bermakna mereka akan menerima sahaja segala apa yang diucapkan tanpa sebarang kenyataan yang dapat menyokong atau membuktikan kebenaran tuduhan-tuduhan tersebut.

Kita mesti timbangkan fakta bahawa penduduk-penduduk Kampung Memali adalah sebahagian

besar sektor luar bandar yang miskin dan di mana mata pencarian mereka yang utama adalah menoreh getah, menanam padi, mencari kayu debu atau kayu wangi dan sebagainya. Tambahan lagi, keadaan kemiskinan mereka yang melarat, tidak menerima perhatian Kerajaan untuk dekad yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, harga getah yang rendah pada tahun 1974 serta hujan lebat yang mengganggu kerja penoreh getah telah menyebabkan penghuni-penghuni Kampung Memali melancarkan perhimpunan-perhimpunan tunjuk perasaan menentang Kerajaan. Walaupun dilaporkan bahawa penduduk kawasan ini menikmati beberapa kemudahan asas yang disediakan oleh Kerajaan, di antaranya jalan raya, surau, dewan balai raya, bekalan elektrik, bekalan air, sekolah menengah dan rendah serta 7 buah mesjid, kebanyakan daripada rumahtangga kampung ini tidak menerima bekalan air dari paip tetapi dari projek bekalan air masyarakat yang hanya dilaksanakan pada bulan Ogos, 1985. Manakala bekalan elektrik mula dibekalkan pada penghujung tahun yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ini, masa depan pemuda-pemuda serta kampung mereka adalah tidak tentu kerana kampung ini terletak di kawasan terpencil yang jauh daripada tempat-tempat yang dapat menarik pelancong-pelancong ataupun untuk dibangunkan sebagai sebuah kawasan perindustrian. Bandar terbesar iaitu Baling terletak sejauh 29 km., manakala Alor Setar adalah 93 km. jauh daripadanya. Perkhidmatan bas tersedia ada, datang sejam sekali dan tambangnya adalah 60 sen sahaja. Mereka mendapatkan bekalan makanan daripada kedai-kedai runcit di Kampung Lalang yang terletak 5 km. daripada Kampung Memali. Salah

seorang daripada pekedai runcit di Kampung Lalang dilaporkan memberi kredit setinggi beratus-ratus ringgit kepada penduduk-penduduk Kampung Memali kerana mereka tidak akan mempunyai sebarang bekalan makanan jika dikehendaki membayar dengan wang tunai. Namun demikian, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menafikan bahawa keadaan sosio-ekonomi Kampung Memali adalah salah satu daripada faktor-faktor yang menyumbang kepada peristiwa yang berdarah ini.

Pada awal tahun ini, pihak Kementerian Pertanian telah mengumumkan bahawa Kerajaan telah mengenalpasti lima buah kampung di Baling dan beberapa buah kampung yang lain di Padang Terap untuk melancarkan rancangan perintis, memberi bantuan secara langsung kepada petani-petani yang miskin. Kampung-kampung tersebut dipilih disebabkan oleh kadar kemiskinannya yang tinggi. Kampung Memali juga di antara kampung-kampung ini yang akan menerima bantuan secara langsung. Bagi pihak Kerajaan, faktor penyebab yang utama adalah ekstrimisme agama. Dalam peristiwa ini agama diperalatkan untuk maju di dalam bidang politik. Pandangan ini bukanlah khas kepada Peristiwa Memali, malah isu agama telah kian lama menjadi asas pertelingkahan di antara pihak UMNO dengan PAS.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi faktor yang saya ingin kemukakan adalah kegunaan kereta perisai dari Keroh. Alasan tertulis dalam Kertas Putih adalah kerana penyerang-penyerang tersebut mengguna senjatapi yang telah mengorbankan 4 orang anggota Polis, menghalang kemaraan Pasukan Polis ke rumah Ibrahim bin Mahmood. Yang mengkagumkan di sini adalah implikasi yang dibawa oleh kenyataan

ini. Yang pertama, gambaran yang diberi oleh keterangan Kerajaan ini adalah, satu, di mana pihak Polis tidak menjangkakan penggunaan senjatapi, walhal dari akuan-akuan yang tercatat di beberapa perenggan dalam Kertas Putih, pihak berkuasa memang ketahui bahawa penyokong-penyokong Ibrahim Libya mempunyai beraneka jenis senjata.

Yang kedua, di kebanyakan kes di mana pihak Polis bercuba untuk menyuraikan kumpulan-kumpulan penyokong Ibrahim Libya dari mara ke hadapan, tembakan gas pemedih mata dilepaskan. Mengapa pula gas pemedih mata terus digunakan untuk merempuh masuk ke dalam perkarangan rumah Ibrahim Libya?

Satu lagi alasan bagi kegunaan kereta perisai adalah sebagai perlindungan kepada anggota-anggota Polis yang menghampiri pintu pagar hadapan rumah Ibrahim Mahmood, sebenarnya faktor masa adalah di sebelah pihak Kerajaan. Mereka hanya perlu mengawasi sekëliling perkarangan rumah Ibrahim Libya sehingga bekalan makanan kehabisan ataupun semangat berjihad itu menjadi lemah. Langkah seperti ini tidak akan menghasilkan pengorbanan nyawa yang sebegitu banyak sepertimana yang terjadi dengan perempuhan pihak Polis ke dalam kawasan rumah Ibrahim Libya. Kita tidak boleh mengeneipkan kemungkinan perasaan cemas dan terharu dengan kemunculan sebuah kereta perisai menyumbang kepada serangan melulu yang lebih kencang oleh pengikut-pengikut Ibrahim Libya.

Akhirnya sekali, Kertas Putih ini juga kurang lengkap memandangkan bahawa beberapa perkara mengenai tragedi Kampung Memali tidak dijelaskan dengan terang-benderang. Pertama sekali, mengapa pihak Polis tidak menahan orang-orang seperti

Ibrahim Libya serta mereka yang kencang sebelum 19hb November tahun lepas. Adakah ekstrimisma agama sahajalah satu-satunya faktor menyebabkan peristiwa Memali? Mengapakah kaum wanita dan kanak-kanak kecil yang sekian lamanya adalah rakyat yang hidup di sisi undang-undang negara secara mendadaknyanya menjadi penjenayah menentang Kerajaan? Alasan Kerajaan bahawa ini adalah semata-matanya berhasil daripada hasutan ajaran Ibrahim Libya adalah tidak masuk akal. Mengapakah pihak Polis tidak menahan pemandu yang membawa dua bilah senjata merbahaya setelah merampas senjata tersebut? Malah pemandu itu dibebaskan. Perbuatan ini amat bercanggah dengan sikap Kerajaan yang mengambil sebarang peluang untuk menahan unsur-unsur subversif di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Jika anggota Polis yang menjalankan tugas mengawal keamanan di sekitar kawasan Kampung Memali seringkali dihina, dikeji dan dicabar oleh pengikut-pengikut Ibrahim Libya sebelum 19hb November, mengapa pula mereka tidak memulakan tindakan-tindakan memperbaiki keadaan dengki hasad di antara pihak berkuasa dengan rakyat yang berada di bawah jagaannya? Yang terpenting ialah siapa yang memberi perintah untuk menyerang orang awam? Dan saya hendak bertanyalah bahawa adakah benar Ibrahim Libya pernah bekerja di Jabatan Agama dalam Jabatan Perdana Menteri? Adakah benar Ibrahim Libya pernah menjadi rakan seperjuangan dengan Yang Berhormat Menteri Pertanian di dalam ABIM dan soalan-soalan yang ditimbul di sini jelas menunjukkan pihak Polis serta Kerajaan tidak mempunyai kawalan perisik yang berkesan walaupun wang berjuta-juta ringgit diuntukkan untuk rancangan kawalan dan keselamatan.

Ada masa lagi, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa sudah cukuplah itu.

Dr Tan Seng Giaw: Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Matang.

5.18 ptg.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi peluang bersama-sama dengan anggota back-benchers yang lain untuk mengambil bahagian dalam perbahasan untuk mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah sudi memberi Titah Ucapan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara di dalam Dewan, yang mulia pada tarikh 10hb Mac, 1986.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun berucap dalam Dewan yang mulia ini bertujuan di atas kesedaran yang amat sangat di mana bagi menghujah beberapa perkara yang mana telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Memang benar bahawa tahun 1986 ini adalah satu tahun yang amat mencabar sekali terutama di pihak Kerajaan. Walau bagaimanapun, kita terpaksa menempuhnya, mungkin ini satu ujian yang diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada kita bagi menguji sama ada kita boleh bersabar atau tidak bagi menempuh segala ujian yang diberinya ataupun ujian ini sebagai satu rahmat untuk menyedarkan kita semua manusia di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kita di Malaysia ini, saya rasa semua rakyat telah pun menyedari dalam masalah-masalah yang dihadapi oleh semua orang terutama dari segi Kerajaan misalnya dalam masalah skandal BMF, masalah Memali, kemelesetan ekonomi negara, tunjuk perasaan dan letupan-letupan bom di Sabah dewasa ini. Dalam masalah-masalah BMF dan Memali, Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun dengan seikhlas-ikhlasnya mengeluarkan dua Kertas Putih yang berhubung dengan masalah BMF dan Memali.

Tuan Yang di-Pertua, di sini nyatalah sekali di atas sikap kejujuran dan keikhlasan Kerajaan Barisan Nasional bagi mengeluarkan kedua-dua Kertas Putih sebagai bukti atau kenyataan yang Kerajaan Barisan Nasional adalah jujur. Ini bertujuan supaya semua lapisan rakyat dan masyarakat di negara yang berbilang kaum dan berbilang agama ataupun masyarakat majmuk dapat mengetahui serta menghayatinya dari kedua-dua Kertas Putih tadi.

Sekiranya Kerajaan Barisan Nasional tidak jujur dan tidak mengamalkan amalan demokrasi, maka saya rasa pasti Kerajaan tidak mahu mengeluarkan kedua-dua Kertas Putih ini.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, sering sekali kita dengar tuduhan-tuduhan dan tohmahan-tohmahan yang dilemparkan oleh parti-parti Pembangkang terutama Parti-parti DAP dan PAS yang mengatakan Kerajaan Barisan Nasional tidak adil, tidak mengikut lunas-lunas demokrasi, undemocratic, dengan izin, zalim dan berbagai-bagai tohmahan serta fitnah.

Adakah sikap tuduh menuduh dengan mengatakan undemocratic, zalim, rasuah dan berbagai-bagai tohmahan akan dapat menyelesaikan

sesuatu masalah di negara ini? Adakah parti-parti Pembangkang sengaja memperbesarkan sesuatu isu bertujuan untuk kepentingan politik parti-parti mereka atau adakah tujuannya untuk menghancurkan serta memporak perandakan Kerajaan serta rakyat yang cintakan negara ini dengan tujuan untuk memecah belahkan perpaduan kaum, membenci di antara satu dengan lain, membenci sesama saudara mara: Adakah ini hakikat sebenarnya bagi parti-parti Pembangkang?

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional sejak kita mula merdeka pada tahun 1957 lagi telah memerintah negara ini dengan adil dan saksama. Kita tidak pernah menganiaya sesuatu kaum atau sesuatu agama di negara ini. Mengikut Perlembagaan sejarah negara ini belum dan tidak akan melakukan sesuatu yang tidak diinginkan kecuali kepada sesiapa yang melanggar peraturan-peraturan dan undang-undang yang termaktub di dalam Perlembagaan negara ini. Mereka ini sahaja yang akan diambil tindakan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah kes BMF, saya ingin menyentuh iaitu setiap rakyat yang membaca Laporan ini akan berasa begitu dukacita di atas apa yang dipanggil skandal yang telah melibatkan sejumlah wang \$2.5 billion yang telah lesap oleh petualang-petualang yang menyalahgunakan kuasa dengan niat jahat terhadap institusi kewangan BMF.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah subhanahu wa taala bahawa Kerajaan telah bersungguh-sungguh dalam usahanya untuk membongkar mereka-mereka yang terlibat dalam skandal ini menerusi beberapa penyiasatan rapi termasuklah Jawatankuasa Penyiasatan Tan Sri Ahmad Noordin.

Tindakan yang teliti ini telah dapat mengesan ciri-ciri penipuan oleh orang-orang tertentu terhadap BMF yang berpusat di Hong Kong.

Saya berharap pihak Kerajaan dan Bank Bumiputra Malaysia Berhad akan terus bertindak untuk mengheret mereka yang terlibat ke muka pengadilan tanpa mengira kedudukan dan pangkat seseorang itu.

Saya berharap juga pihak berkuasa akan terus menerus mengheret mereka yang terlibat di mana sahaja mereka itu berada sama ada berada dalam negeri atau di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan Kerajaan yang selama ini sungguhpun memakan masa yang agak lama, tetapi ini telah mencerminkan betapa telitinya Kerajaan dalam menghadapi masalah yang besar ini. Sesuai dengan kedudukannya sebagai orang yang bertanggungjawab, hasrat Kerajaan untuk mendedahkan kes BMF ini tidaklah sepatutnya disalahertikan sebagai penyembunyian sampah di bawah permaidani kerana tidak dapat membentangkan Laporan Jawatankuasa Penyiasatan BMF sebagai Kertas Perintah di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak orang ramai dan parti-parti politik boleh membaca Kertas Putih BMF sama ada berkesempatan di dalam Dewan ini atau di luar Dewan atau mereka yang tidak menduduki Dewan ini. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan tidak bercadang sama sekali untuk menyembunyikan masalah skandal BMF ini. Hanya persoalan bagi Kerajaan ialah masa.

Sekalipun pihak Pembangkang mengatakan bahawa Laporan ini sudah pun dikemukakan tiga bulan dahulu, tetapi tidaklah bererti yang pihak-pihak berkenaan boleh bertindak tanpa meneliti setiap aspek yang ada di dalam Laporan ini.

Sepertimana yang kita sama-sama meneliti Laporan ini terdapat juga beberapa kelemahan yang harus diberi pertimbangan selanjutnya sebelum diambil tindakan dan sekarang ini nyatalah bahawa apa yang didedahkan oleh Kerajaan tidak ada satu pun yang boleh disifatkan sebagai kelemahan ataupun kecuiaan di pihak Kerajaan.

Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pemimpin Kerajaan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir Mohamed dan Menteri-menteri yang disebutkan di dalam Laporan ini yang telah menjelaskan kedudukan masing-masing sekalipun pihak Pembangkang tidak mahu menerimanya, tetapi saya tetap menerima kenyataan tersebut tanpa sebarang kesangsian.

Saya juga menyambut baik kenyataan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Yang Berhormat Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah yang telah menyatakan kepada akhbar bahawa beliau tidak bermaksud menyaman sesiapa juga, itu pun beliau telah menerima Laporan Jawatankuasa Tan Sri Ahmad Noordin dengan hati yang terbuka.

Kedudukan beliau dan Menteri-menteri yang lain yang disebutkan secara tidak berasas dalam Laporan Ahmad Noordin telah dijelaskan dengan sesungguhnya dalam Kertas Putih Kerajaan. Walaupun di kalangan Kerajaan telah melahirkan ketegasan terhadap isu BMF ini, namun pihak Pembangkang khasnya pihak DAP tentulah tidak tetap menerima kerana inilah sikap Pembangkang di mana mereka sentiasa mengambil kesempatan menanggung di air keruh.

Saya tidak hairan Yang Berhormat Ketua Pembangkang dari Kota Melaka bercakap selama empat jam di dalam Dewan ini semata-mata untuk menambahkan kekeruhan lagi suasana dengan membuat tuduhan-tuduhan

liar terhadap pihak lain seperti UMNO dan pemimpin Kerajaan dengan membuat andaian-andaian yang jahat.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Pembangkang berkeras hendakkan Suruhanjaya Siasatan Diraja. Saya sungguh hairan sepanjang ucapan di dalam Dewan ini, beliau begitu memberikan penghargaan kepada Jawatankuasa Tan Sri Ahmad Noordin malahan berdasarkan sedutan Laporan Tan Sri Ahmad Noordin beliau telah mengeluarkan notis 24 jam kepada Bank Bumiputra Malaysia Berhad untuk Bank Bumiputra atau Tan Sri Ahmad Basir membuat laporan kepada pihak Polis ataupun beliau sendiri akan membuat laporan tersebut.

Saya tak tahulah apa sudah jadi dengan notis 24 jam itu. Apakah beliau sudah bertindak?

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju supaya diadakan Suruhanjaya Diraja atas alasan Laporan Jawatankuasa Ahmad Noordin telah melakukan tugasnya selama dua tahun dan melahirkan laporan setebal 6,600 muka surat dan telah menelan perbelanjaan lebih dari \$2 juta.

Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, Laporan ini sudah cukup untuk menjadi panduan untuk tindakan pihak-pihak yang berkenaan terhadap orang ramai yang bergiat dengan skandal BMF ini. Walau bagaimanapun, sebelum tindakan diambil, maka perlulah Laporan ini dikaji dari setiap aspek kerana mungkin juga terdapat kelemahan-kelemahan dalam Laporan ini. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan BMF telah menyatakan dalam akhbar bahawa beliau tidak dapat menemu ramah dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan lain-lain Menteri, takut-takut kalau timbul

sangkaan buruk rakyat terhadap Perdana Menteri dan Menteri-menteri yang ditemui bersabit dengan isu BMF.

Kalau itulah jawapannya, saya berpendapat terlalulah daif kerana sepanjang pengetahuan saya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah ditemui oleh beribu orang dan kebanyakan mereka yang menemui Perdana Menteri itu tidak diketahui oleh orang ramai, kerana yang menemui Perdana Menteri itu tidak membuat pengumuman di akhbar-akhbar.

Jadi kalau perjumpaan Jawatankuasa ini dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri-menteri diadakan secara sulit, tentulah tidak siapa dapat mengetahuinya. Yang menjadi masalah adalah sedikit kerja masuk surat khabar. Inilah penyakit setengah-setengah orang. Penubuhan Suruhanjaya Diraja yang disyorkan oleh Ketua Pembangkang dari Kota Melaka tidak dapat dianggap suatu yang penting lagi kerana segala-galanya sudah pun dimuatkan di dalam Penyata ini dengan kebebasan yang diberikan oleh Kerajaan terhadap Laporan ini.

Saya berpendapat pihak DAP menerusi Yang Berhormat Ketua Pembangkang dari Kota Melaka perlulah menubuhkan Jawatankuasa Penyiasatnya sendiri; kalau terdapat apa-apa yang lebih serius, mereka bolehlah melaporkan kepada pihak Polis, tetapi saya rasa bimbang perbuatan menubuhkan sebarang Jawatankuasa yang lain akan boleh dianggap Jawatankuasa Tan Sri Ahmad Noordin hanyalah sebagai "private detective", dengan izin.

Oleh yang demikian, saya membuat kesimpulan Yang Berhormat Ketua Pembangkang dari Kota Melaka nampaknya telah berjaya dapat satu bahan yang besar untuk kepentingan

partinya dengan memburukkan Kerajaan menerusi isu BMF. Kecaman-kecamannya di dalam Dewan ini hanya berkisar satu kesimpulan berkehendakkan supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meletakkan jawatan dan inilah kemuncak perjuangan parti Pembangkang. Kita tidaklah sebodoh yang disangka oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Kalau hendakkan sangat pun jawatan Perdana Menteri itu, tunggulah sampai pilihanraya kebangsaan yang akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah isu Memali, Kertas Putih Memali, saya rasa sedih juga dalam masalah Memali ini kerana dalam keadaan kita dalam zaman sekarang ini golongan-golongan Islam, sebagai seorang Islam, kita tidak boleh ada golongan Islam yang pelampau, begitu-begini, kerana Islam itu adalah agama yang suci, addin, universal. Sekarang pula timbul beberapa golongan yang mengakui mereka itu ulamak. Saya masih ingat di dalam satu kitab "Alamat Khiamat", yang dikarang oleh beberapa ulamak yang terkenal, apabila dunia akan akhir zaman, maka akan lahirlah beberapa orang yang sedikit sebanyak yang mengetahui hukum-hukum langsung mereka ini akan mengakui mereka itu ulamak. Maka pada masa sekarang lahirlah mereka yang mengakui mereka itu ulamak, seperti golongan-golongan dalam parti Pembangkang PAS.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang ini di mana-mana sekalipun golongan-golongan pelampau ini sanggup menghukum saudara mara mereka kafir. Bahkan di satu tempat di kawasan saya yang mana mereka ini bekas penjenayah-penjenayah, bekas penyangak, bekas pencuri, mereka ini bergabung memasuki dalam kumpulan yang dinamakan "Mujahiddin" tadi, dan mereka sanggup mengatakan

bahawa dalam kumpulan penduduk-penduduk dalam kampung yang ramai lebih kurang 2,000 orang, cuma 6 orang sahaja yang mereka itu Islam, yang lain itu semuanya kafir—nauzu billah. Inilah yang dikatakan pelampau-pelampau tadi. Tetapi apabila kita bertanya dengan pemimpin-pemimpin PAS, mereka menafikan. Tetapi sebenarnya pemimpin-pemimpin mereka ini apabila mengadakan sesuatu syarahan, sesuatu ceramah atau ijtimak, mereka menyulam dengan semangat-semangat atau sentimen keagamaan yang merosakkan masyarakat, merosakkan akidah. Dengan sebab inilah saya menyeru kepada Kerajaan supaya mereka ini diambil perhatian dan diambil tindakan yang sewajarnya kerana dengan adanya sikap-sikap mereka ini, maka masyarakat Islam, yang dikatakan orang Islam dalam kampung-kampung akan berpecah belah sehingga akan menjadi purak puranda. Inilah peristiwa sebagaimana yang berlaku di Memali.

Dengan ini mungkin sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w., Baginda pernah bersabda, pernah berkata kepada sahabat-sahabatnya yang mana katanya, apabila akhir zaman, yang mana umatku akan berperang, akan bertelagah sesama Islam. Jadi di sini peristiwa sebagaimana berlaku di negara kita ini adalah satu daripada contoh yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dalam masalah apa yang telah disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia, satu daripadanya ialah masalah ekonomi. Di sini saya ingin menyentuh iaitu masalah ITC. Baru-baru ini yang mana kita dengar pihak ITC memberi kuota cuma 39% sahaja pengeluaran bijih timah dunia diberi kuota kepada Malaysia. Tetapi baru-baru ini kita

mendengar berita bahawa setengah-setengah negara seperti negeri Thailand, Indonesia, Negeri China, Brazil dan lain-lain lagi telah tidak mengikut keputusan ITC. Mereka mengeluarkan beberapa banyak yang mereka boleh. Tetapi mengapakah peringkat Malaysia ini sahaja dikuotakan. Saya menyarankan begini, oleh kerana negeri saya negeri Perak yang mana pengeluaran bijih timah yang terbanyak sekali dalam Malaysia ini. Saya rasa sedih melihat betapa ramai pekerja-pekerja daripada pekerja lombong yang telah diberhentikan kerana di atas penutupan beberapa buah lombong di negeri ini. Dengan sebab itu, saya menyeru kepada Kerajaan agar kuota ini diperluaskan oleh pihak Kerajaan semoga diberi peluang sekurang-kurangnya pekerja-pekerja yang dibuang ataupun yang diberhentikan tadi dapat bekerja semula dan pihak pengusaha-pengusaha lombong di negeri Perak dapat membuka semula kawasan-kawasan lombong mereka dan juga kuota bijih ini. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah sahaja oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya berterima kasih. Sekian, wabillahi-taufik, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

5.36 ptg.

Tuan Mamat Ghazali bin Abdul Rahman (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut serta menyokong Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda pada 10hb Mac yang lalu kepada Dewan ini.

Dalam ucapan ini, saya hanya hendak menyentuh satu perkara iaitu berkenaan dengan peristiwa Memali. Tuan Yang di-Pertua, kepada saya

peristiwa Memali ini bolehlah dianggapkan sebagai satu peristiwa perang ataupun satu peristiwa penderhakaan. Satu peristiwa perang dan penderhakaan yang telah dirancang oleh sekumpulan orang yang menjadi ahli PAS terhadap Kerajaan. Ini terbukti daripada pengakuan Mohd. Yusuf Hussein, orang kanan kumpulan Ibrahim Libya yang telah menerangkan bagaimana pengikut-pengikut PAS di kampung berkenaan telah ditanam semangat dan diajak berjihad tentang Kerajaan dan bagaimana di dalam proses tersebut kelengkapan senjata telah disediakan bagi tujuan perang ini. Dalam erti kata lain, pengikut-pengikut Ibrahim Libya, pengikut-pengikut PAS ini telah disediakan secara mental dan fizikal untuk berperang dengan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, persediaan PAS dan pengikut-pengikutnya untuk berperang dengan Kerajaan bukan sahaja terbukti sebagaimana dalam peristiwa Memali. Perkara ini sebenarnya berlaku di seluruh negara di mana bukan sahaja pemimpin-pemimpin PAS membuat seruan-seruan dan memberikan amanat-amanat secara terbuka tetapi mereka sebenarnya telah menyediakan dan mengumpulkan banyak senjata di banyak tempat. Bayangan Memali sebenarnya terdapat di banyak tempat dalam negara ini. Apa yang menjadi persoalan ialah apakah peristiwa Memali adalah peristiwa pertama dan terakhir atau akan berulang lagikah peristiwa Memali di tempat-tempat lain?

Saya ingin menjawab bahawa peristiwa Memali bukanlah peristiwa pertama dan terakhir pada pandangan saya. Jika keadaan tidak dibendung, peristiwa Memali akan berulang lagi di tempat-tempat lain, di Kedah, di Kelantan, di Terengganu dan di tempat-tempat lain juga mungkin. Persediaan untuk perang dan mati

syahid di kalangan orang-orang PAS adalah menyeluruh hasil daripada seruan-seruan dan amanat-amanat pemimpin-pemimpin mereka sejak beberapa lama dahulu. Perang mereka mungkin terhadap anggota keselamatan Kerajaan dan mungkin terhadap orang-orang UMNO yang telah dihalalkan darahnya oleh pemimpin besar mereka Haji Abdul Hadi. Oleh itu, saya hendak mengingatkan Kerajaan supaya jangan pandang ringan tentang kemungkinan-kemungkinan ini dan jangan pandang ringan terhadap usaha-usaha penyokong-penyokong PAS mengumpulkan senjata dan membuat persiapan-persiapan perang pada masa ini. Ingatan dan amaran saya kepada Kerajaan ialah supaya segera mengambil langkah-langkah untuk mengesan dan merampas senjata-senjata yang dikumpulkan ini sebelum ianya merebak dan menjadi lebih berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, sudah dua kali di dalam Dewan ini saya memberi amaran kepada Kerajaan terhadap ajaran dan gerakan revolusi PAS dan sejak itu dua peristiwa berdarah telah tercetus angkara sikap dan semangat revolusi ahli-ahli PAS ini, iaitu yang pertamanya, peristiwa Lubuk Merbau dan peristiwa Memali ini sendiri. Amaran ini nampaknya telah tidak dapat perhatian daripada pihak yang berkenaan. Ini adalah amaran saya yang ketiga dan insya Allah jika terus tidak diindahkan lagi, peristiwa-peristiwa yang lebih buruk mungkin akan berlaku, kerana saya benar-benar tahu dan faham matlamat perjuangan PAS sekarang ini. Dengan apa cara sahaja mereka mahu memerintah negara ini, terutamanya di setengah-setengah negeri. Jika mereka gagal mendapat kuasa melalui proses demokrasi, mereka akan melakukannya melalui revolusi kerana pemimpin-pemimpin mereka adalah anak-anak angkat revolusi sebuah

negara asing yang telah berjaya menumbangkan Kerajaan secara revolusi.

Di kampung-kampung keadaan amat tegang, Tuan Yang di-Pertua. Pemimpin-pemimpin PAS tidak henti-henti mencabar pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli UMNO. Majlis-majlis UMNO diganggu oleh mereka dengan angkuh dan dengan bermaharajalela. Hanya kesabaran dan sikap tanggungjawab ahli-ahli UMNO yang telah mengelakkan kejadian-kejadian yang tidak diinginkan tetapi bilamana ahli-ahli UMNO sudah tidak boleh bersabar lagi, apakah yang akan berlaku di dalam keadaan konfrantasi yang sedemikian? Sudah tentulah perbalahan yang akan berlaku, yang akan membawa pertumpahan darah kerana ahli-ahli PAS dipercayai senantiasa membawa senjata merbahaya ke mana sahaja mereka bergerak mengadakan gerakan politik mereka.

Tanggungjawab membanteras ancaman-ancaman terhadap keselamatan ini adalah tanggungjawab Kerajaan, bukan tanggungjawab UMNO. UMNO boleh menghadapi PAS secara politik dan kita yakin kita mampu menghadapi mereka secara politik tetapi tanggungjawab keselamatan sama sekali bukan tanggungjawab UMNO. Ia adalah tanggungjawab Kerajaan. Jadi tolonglah Kerajaan bertindak dalam soal ini jika kita tidak mahu peristiwa Memali berulang, jika kita tidak mahu melihat pertumpahan darah sesama rakyat, jika kita tidak mahu huru-hara berlaku dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut ramalan, kita akan menghadapi pilihanraya umum tidak lama lagi. Ini yang lebih membimbangkan saya kerana PAS mengajar ahli-ahlinya menggunakan unsur-unsur anarki di dalam proses demokrasi. Di dalam kempen-kempen mereka, mereka

bukan sahaja bawa poster dan risalah-risalah, mereka juga membawa badek dan keris di pinggang. Untuk mendapat undi, mereka bukan sahaja merayu, mereka juga mengugut. Dalam mendapat pengaruh, mereka bukan sahaja menerangkan tentang perjuangan parti mereka tetapi mereka mencerca UMNO dan pemimpin-pemimpin UMNO. Mereka bukan sahaja berduyun-duyun mengarak calon-calon mereka dalam kempen pilihanraya, tetapi mereka berduyun-duyun menyekat calon-calon dan pekerja-pekerja UMNO. Sesudah pilihanraya, mereka bukan sahaja bersorak ketika menang, tetapi mereka telah mengisytiharkan untuk mengamuk jika mereka kalah. Inilah ancaman pengikut-pengikut PAS kepada pilihanraya umum yang akan datang.

UMNO tidak berupaya menentang semua unsur-unsur anarki ini dan ini bukan tanggungjawab UMNO sebagaimana yang saya katakan. Ini tanggungjawab pihak keselamatan negara. Persoalannya, tidakkah semua ini disedari oleh pihak keselamatan kita dan apakah langkah-langkah pencegahan yang telah dan akan diambil sebelum menjelang pilihanraya ini? Adakah kita cukup kakitangan untuk melindungi rakyat dalam pilihanraya akan datang? Ini yang saya ragukan kerana di Terengganu sahaja, sepanjang pengetahuan saya, kakitangan anggota keselamatan adalah tidak mencukupi. Tenaga Polis Terengganu adalah tenaga yang cukup bagi tahun 1968, sekarang sudah tahun 1986, tenaga ini sudah "out-of-date", dengan izin, dan kerana itu bagaimana langkah-langkah keselamatan di negeri tersebut boleh mencukupi?

Tuan Yang di-Pertua, supaya tidak ada sebarang kekeliruan di dalam ucapan saya ini, biarlah saya tegaskan bahawa yang menjadi persoalan saya bukanlah soal politik dan ancaman

PAS kepada UMNO dari segi politiknya, tetapi adalah soal ancaman keselamatan negara oleh PAS. Dari segi politik, UMNO sedikit pun tidak gentar kepada PAS kerana kami tahu parti tersebut sudah bankrap, sudah tidak mendapat sambutan rakyat. Kami tidak merasa hebat apa-apa terhadap pemimpin-pemimpin besar dan ketua-ketua PAS kerana kami tahu parti tersebut adalah sebuah parti yang berdolak-dalik, yang belot kepada bangsanya sendiri dan perosak agama dan akidah umat Islam. Kami tahu agama Islam yang mereka pakai, Islam mereka adalah Islam cap PAS, Islam kami Islam sedunia.

Biarlah UMNO menghadapi Haji Hadi dan Ahli dari Pengkalan Chepa secara politik. Mereka adalah "kacang" sahaja kepada kami. Permintaan saya Haji Hadi jangan ditangkap kerana kegiatan-kegiatan politiknya tetapi tindakan hendaklah diambil jika sesiapa sahaja melanggar undang-undang dan mengancam keselamatan negara. Itu permintaan saya dan itulah persoalan kita. Dari segi politik, biarlah Haji Hadi mengeluarkan seribu amanat dan fatwa kepada pengikut-pengikutnya dan biarlah beliau menyentuh seribu isu politik, semuanya akan kami lawan. Biarlah Hadi panjang umur, bercakap lebih banyak kerana beliau bukan ahli politik yang bijak sangat, lagi banyak beliau bercakap, lagi banyak kesilapannya. Biar beliau buat silap banyak-banyak, hendak menghapuskan hak istimewa orang Melayu, menentang ulamak-ulamak di dalam negara ini. Itu semuanya akan kami hadapi kerana kami tahu suatu hari nanti Haji Hadi akan tertikam oleh kerisnya sendiri. Biarlah PAS meneruskan perjuangannya kerana kita tahu perjuangan PAS bukanlah perjuangan "Lillahi-taala". Perjuangan mereka adalah perjuangan untuk politik, untuk PAS. Kita tahu perjuangan yang bukan "Lillahi-taala"

tidak diterima oleh Allah, tidak ada perjuangan di sisi Allah selain daripada perjuangan "Lillahi-taala".

Kita tahu bila pemimpin-pemimpin PAS berkempen kepada masyarakat Cina dan India, mereka bukan meminta mereka memeluk agama Islam, mereka bukan mengembangkan Dakwah Islamiah, tetapi apa yang mereka minta ialah supaya orang-orang Cina dan India menyokong parti mereka, parti PAS, dan ini perjuangan untuk PAS, bukan perjuangan dan bukan sekali-kali perjuangan untuk Allah taala. Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, perjuangan PAS tidak diterima dan tidak diridai oleh Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ipoh.

5.45 ptg.

Tuan Peter Chin Gan Oon (Ipoh): Tuan Yang di-Pertua, Titah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong meliputi secara luasnya keadaan yang negara kita kini berada. Ini adalah ucapan yang seimbang dalam erti bahawa ia menyentuh masalah-masalah yang dihadapi oleh negara dan juga cadangan-cadangan oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah tersebut. Tiada orang yang boleh menafikan kami kini mengalami suatu masa yang sukar, tetapi saya berasa bangga bahawa Kerajaan telah dapat mengawal keadaan ini dengan baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentiasa menyatakan bahawa Kerajaan mesti memberikan perhatian khas kepada sektor pembangunan. Kebanyakan negara-negara menganggap pembangunan sebagai enjin pertumbuhan. Saya bersetuju dengan Kerajaan bahawa untuk mengatasi pengangguran dan kemerosotan ekonomi, pihak Kerajaan telah bercadang membina 80,000 unit rumah-rumah kos rendah setiap tahun

bagi tempoh 1986 hingga 1988. Harapan saya di sini adalah bahawa rumah-rumah kos rendah ini mesti berada dalam pencapaian orang-orang miskin dan pembahagian rumah-rumah mestilah adil dan menurut nisbah komposisi orang-orang di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangga mengetahui bahawa Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga menyentuh perkara yang mustahak, iaitu perpaduan dan integrasi nasional. Saya rasa bahawa kita mengurangkan isu perkauman. Pihak Kerajaan mestilah bukan sahaja adil kepada semua kaum tetapi kelihatan adil kepada semua kaum dalam pelaksanaan polisi-polisi Kerajaan. Ianya adalah agak malang bahawa ketika pelaksanaan polisi Kerajaan ini masih terdapat kes-kes penyelewengan daripada maksud polisi-polisi Kerajaan yang dimaksudkan adil bagi semua dengan tidak mengambil kira apa jua bangsa. Saya menegaskan Kerajaan untuk mengambil tindakan terhadap sebarang pegawai yang dengan sengaja melaksanakan polisi yang dapat menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan berbagai kaum dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memperhatikan bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyeru semua ahli-ahli politik supaya jangan menggunakan isu-isu agama untuk memperolehi sokongan-sokongan politik. Kami sedih menyatakan bahawa dalam politik hari ini terdapat setengah ahli-ahli politik yang menggunakan agama untuk memperolehi sokongan. Saya bersama dengan Duli Yang Maha Mulia dalam menyesali penyalahgunaan agama yang tidak berperikemanusiaan bagi memperolehi sokongan-sokongan politik.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita terdiri daripada orang-orang pelbagai kaum dan agama. Tidak ada orang yang membantah bahawa agama Islam adalah agama yang diiktirafkan sebagai agama nasional. Akan tetapi tidak ada orang yang juga membantah bahawa di bawah Perlembagaan, semua orang mempunyai kebebasan untuk mempercayai dan mengamalkan apa pun agama yang beliau pilih. Ini adalah salah satu batu dasar (corner stone) yang mustahak di mana negara kita telah ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, sangat menyedihkan bahawa kejadian di Memali telah berlaku. Ia tidak patut berlaku tetapi daripada kenyataan bahawa ramai yang telah mempergunakan agama bagi motif-motif politik.

Tuan Yang di-Pertua, agama adalah suatu perkara peribadi dan oleh yang demikian dapat menjadi sensitif jikalau orang-orang tidak menghormati pandangan agama di antara satu sama lain.

Saya dengar kini bahawa terdapat setengah ahli-ahli politik yang cuba membohongi orang-orang dengan menyatakan bahawa kalau mereka menyokong suatu agama yang tertentu maka secara politik mereka dapat memperolehi apa yang mereka kehendaki. Mereka juga menyatakan bahawa mereka dapat menjadi Perdana Menteri. Siapa pun boleh menjadi Perdana Menteri negara ini asalkan beliau mempunyai sokongan politik daripada kelebihan suara ataupun majoriti orang-orang parti politik beliau.

Saya tidak meragukan bahawa ia mungkin sukar bagi setengah pihak dan mungkin mudah bagi yang lain. Akan tetapi dasar sebuah negara yang demokratik, seseorang yang menikmati sokongan politik yang lebih sekali akan menjadi Perdana Menteri. Orang-orang itu tidak patut

menjualkan hak-hak politik mereka oleh sebab perjanjian-perjanjian kosong.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian Memali membuktikan bahawa orang-orang dapat dipengaruhi oleh perjanjian-perjanjian kosong. Kerajaan mesti menghapuskan kejadian begitu sebelum ianya menjadi lebih buruk. Pada masa kini perselisihan ini adalah terhadap kepada satu agama. Akan tetapi dengan keadaan yang ianya dijalankan, saya takut bahawa ahli-ahli politik yang pandai menggunakan kesempatan akan dapat undi dan jika mereka tidak dapat menyampaikan sesuatu yang berfaedah (does not deliver the goods), maka terdapat bahawa ke semua agama-agama yang lain akan mengadakan perselisihan. Jikalau perkara ini berlaku, ianya adalah kesusahan negara kita yang dicintai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan dalam usaha mengumumkan Laporan BMF. Ini adalah suatu langkah yang mustahak yang diambil oleh Kerajaan kerana Kerajaan adalah dipilih oleh rakyat dan rakyat mahu Laporan BMF ini diumumkan. Oleh yang demikian, adalah lojik bahawa rakyat patut memandang Kerajaan sebagai suatu Kerajaan terbuka (open Government) dengan tidak ada apa-apa pun untuk disembunyikan. Oleh yang demikian, saya sangat gembira bahawa Laporan BMF telah diumumkan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan mengumumkan Laporan BMF ini mempunyai satu objektif untuk memastikan bahawa peristiwa-peristiwa seperti ini patut dielakkan dari berlaku lagi. Kehilangan jumlah yang dimaksudkan bukanlah suatu jumlah yang kecil. Ianya merupakan satu kehilangan yang sangat dahsyat kepada harta benda negara ini. Saya meminta Kerajaan supaya mengambil

tindakan-tindakan yang sewajarnya agar mereka yang bertanggungjawab tidak akan dibebaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu bahawa kesalahan ini telah dilakukan di luar negara ini. Rakan-rakan peguam saya yang terpelajar memberitahu saya bahawa oleh sebab kesalahan ini telah dilakukan di luar negeri, kami tidak dapat mengambil tindakan undang-undang di sini.

Pada pendapat saya, saya tidak dapat faham kenapa tindakan tidak dapat dimulakan di sini. Ini adalah oleh kerana setengah daripada kelulusan pinjaman itu telah dibuat dalam negara ini. Jikalau inilah kesnya, saya yang bukan seorang peguam percaya bahawa tindakan serentak oleh Peguam Negara juga patut dimulakan dalam mahkamah-mahkamah di negara kita. Saya berharap Kerajaan dapat memberi penjelasan kepada kami atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kami sedang melalui suatu masa yang kurang baik dalam aspek kewangan. Ada terdapat bahawa ada kemungkinan syarikat-syarikat yang disenaraikan dalam pasaran saham tidak boleh membayar hutang mereka. Saya berharap ini adalah tidak benar. Saya percaya pelajaran yang kita telah pelajari atas kejadian BMF kini patut disabitkan dengan syarikat-syarikat ini dalam pasaran saham. Kerajaan patut menyiasat ke dalam syarikat-syarikat yang terlibat dalam urusan kewangan yang mungkin dianggap tidak sihat.

Saya merujuk khasnya kepada amalan yang tidak terkawal bagi kontrak-kontrak di masa depan (future contracts) yang melibatkan saham-saham setengah daripada syarikat ini. Amalan begitu pada masa kini mungkin sah mengikut undang-undang tetapi motif-motif dan prosedur-prosedur bagi kontrak-kontrak masa depan ini mungkin

menjadi haram. Ini adalah masanya bagi Kerajaan untuk menyasiat ke dalam perkara ini dan memastikan semua amalan haram dan tidak berakhlak yang begitu dihapuskan sekali gus.

Kerajaan patut mengingatkan semua pemegang-pemegang saham kecil syarikat-syarikat ini oleh kerana mereka tidak diberitahu dengan secukupnya untuk mengetahui bahawa kontrak-kontrak di masa depan dalam satu pasaran saham yang kian merosot dapat menyebabkan keruntuhan firma-firma dan mungkin untuk setengah daripada mereka kesemua wang simpanan mereka akan hilang. Saya menggesa Kerajaan untuk meneliti ke dalam perkara ini sekarang sebelum mereka bertukar menjadi kejadian-kejadian BMF yang kecil.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat terharu oleh kenyataan bahawa Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong meminta orang-orang supaya berjimat cermat dan menyesuaikan diri kepada cara penghidupan dalam keadaan ekonomi ini. Saya sangat gembira bahawa orang-orang dalam kawasan saya Ipoh, khasnya buruh lombong timah, yang sedang menganggur adalah sedia menukar cara penghidupan mereka. Dalam hal ini mereka betul-betul tidak ada pilihan. Kebanyakan daripada mereka telah bergantung kepada menajaja untuk menyara hidup mereka sendiri serta keluarga-keluarga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga patut dengan adilnya memudahkan cara untuk menolong orang-orang yang menganggur ini. Orang-orang ini adalah dalam keadaan berputus asa dan mereka mungkin menggunakan kekerasan dalam aktiviti-aktiviti jenayah jika mereka tidak diberikan peluang yang memuaskan untuk mencari nafkah.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan patut mengarahkan semua Majlis-majlis Perbandaran supaya melonggarkan syarat-syarat bagi penganggur untuk mendapat lesen-lesen penjaja. Lesen-lesen sementara patut diberi kepada mereka yang berminat. Ini adalah cara Malaysia untuk mengatasi masalah pengangguran. Tidak ada gunanya untuk mengadakan bandar-bandar yang cantik dan bersih apabila orang-orang ini tidak mempunyai kerja untuk menanggung keluarga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali dan tidak sedikitnya saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi menyampaikan Titah Ucapan yang menarik hati dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pekan.

6.05 ptg.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud (Pekan): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, dalam kita membahaskan Usul Ucapan Terima Kasih yang dibuat oleh Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Tanjong Karang sukalah saya menyatakan di sini dengan gembiranya kita menerima Titah Ucapan yang dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada minggu lepas yang menggambarkan keadaan-keadaan yang sebenar berlaku di negara kita terutama sekali dalam zaman ekonomi meleset ini. Kita harus waspada bahawa masa-masa yang lalu kita pernah membelanjakan wang negara begitu banyak sekali oleh kerana harga bahan-bahan mentah kita seperti kelapa sawit, getah dan lain-lain telah melambung tinggi dan dengan adanya

pula sumber baru iaitu petroleum, negara kita bercita-cita tinggi untuk menjadi sebuah negara yang maju di dalam dunia yang bermaruah, yang dihormati oleh negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi apa yang saya suka perkatakan pada petang ini adalah mengenai masalah-masalah yang kami hadapi di luar bandar. Walaupun kita telah mencapai kemerdekaan berpuluh-puluh tahun tetapi masih lagi bergema di Dewan ini perkara-perkara yang remeh-temeh, perkara yang berlaku di luar bandar, tidak seperti di dalam bandar. Ada dua perkara yang saya ingin sentuh yang mana pada pendapat saya amat mendesak dan memerlukan perhatian oleh Kerajaan. Sebenarnya perkara ini bukanlah perkara baru, bahkan telah juga ditimbulkan dalam Dewan yang mulia ini di masa yang lalu. Apa yang saya maksudkan ialah kampung-kampung tradisional ataupun dalam kata-kata lain, Kampung-kampung Melayu yang asal dalam konteks pembangunan negara hari ini. Setakat yang saya perhatikan di mana-mana baik di negeri saya sendiri di Pahang; mahupun di negeri-negeri lain di Semenanjung, keadaan kampung-kampung asal Melayu ataupun dalam istilah sociology hari ini kampung tradisional tidak jauh benar bezanya antara satu dengan yang lain, terutama kalau kampung-kampung itu terletak agak jauh di pedalaman. Hal yang sungguh menyedihkan berkenaan dengan kampung-kampung tradisional ialah betapa jauh ketinggalannya dari segi kemudahan asas, perhubungan jalan, bekalan air, bekalan api, selain dari perkhidmatan sosial yang lain seperti sekolah, klinik, kemudahan riadah bagi kaum belia khususnya dan masjid yang sempurna.

Keadaan kampung-kampung tradisional yang menjadi lebih menjolok mata lagi kalau kedudukan berhampiran pula dengan rancangan-rancangan FELDA di mana seperti

yang kita semua maklum terdapat semua kemudahan yang diperlukan oleh sebuah masyarakat moden. Walaupun ada kita terbaca dalam akhbar-akhbar mengenai rancangan FELDA di mana penduduk-penduduknya belum mendapat kemudahan bekalan elektrik, saya percaya bilangannya amat kecil.

Tambahan pula dengan pendapatan mereka yang agak lumayan juga meskipun mungkin merosot sedikit pada masa ini, penduduk-penduduk rancangan FELDA pada umumnya menikmati taraf hidup yang jauh lebih tinggi daripada penduduk-penduduk kampung tradisional.

Pada pandangan saya dua jenis kemudahan yang amat penting bagi kehidupan masyarakat kampung terutama sekali kampung tradisional. Yang pertama perhubungan jalan raya bagi mereka yang tinggal jauh di pedalaman dan hanya bergantung kepada perhubungan sungai. Ketiadaan perhubungan ini menyebabkan masyarakat tersebut itu benar-benar terpencil dan ini mengakibatkan mereka terus menerus berada di dalam keadaan subsistence economy, dengan izin, atau setakat cukup makan sahaja. Kalaupun pengeluaran mereka melebihi keperluan mereka sendiri ataupun keperluan seluruh kampung, mereka tidak dapat membawa keluar hasil titik peluh mereka itu lebih kerap kecuali barangkali hilir sungai sekali seminggu dengan rakit atau perahu.

Ketiadaan perhubungan jalan ini boleh dikatakan menyekat kemungkinan mereka menambah pendapatan khususnya pendapatan kontan. Dan dengan itu mereka akan sentiasa berada di bawah paras kemiskinan. Menyebut tentang paras kemiskinan atau poverty line, dengan izin, ini bersangkutan pula tentang kemudahan kedua iaitu bekalan air yang bersih. Kita semua maklum kita

sekalian hanya boleh mengeluarkan tenaga dan berusaha sepenuhnya sekiranya badan kita sihat walafiat, antara faktor utama yang menjamin kesihatan kita, insya Allah, ialah bekalan air yang sempurna. Dalam hal ini meskipun negara kita sudah merdeka dan berdaulat hampir-hampir 29 tahun sekarang, saya percaya bilangan kampung tradisional yang belum mendapat bekalan air yang sempurna masih tinggi dalam lingkungan ratusan. Setengah-tengah kampung tradisional yang beruntung oleh kerana sudah ada kemudahan perhubungan jalan berganda lagi untungnya kerana Jabatan-jabatan Kesihatan bukan Jabatan Kerja Air memberi bantuan mengadakan bekalan air dengan menggunakan anak-anak sungai yang ada dan menyalurkan ke rumah-rumah dalam bentuk asli iaitu tanpa dicampur chlorine dan ditapis.

Namun ini pun sudah baik Alhamdulillah. Setengah-tengah kampung itu berlipat ganda untungnya apabila pihak LLN memilihnya sebagai rancangan mini-hidro dan dengan demikian dapatlah menikmati bekalan elektrik sama seperti kampung-kampung lain yang maju. Pada pandangan saya antara kedua-dua kemudahan ini, kemudahan bekalan air adalah lebih utama dari kemudahan bekalan elektrik kerana bekalan air yang sempurna itulah yang akan menjamin kesihatan penduduk terutama anak-anak dan jenerasi muda kerana tiada perlu lagi bergantung kepada air sungai atau air telaga yang tidak terjamin kebersihannya.

Dalam hubungan ini sukalah saya mencadangkan kepada ahli-ahli sociology kita dan para perancang ekonomi kita supaya mengambil kira kemudahan bekalan air yang sempurna ini dalam membuat ukuran paras kemiskinan atau taraf hidup rakyat. Maksud saya ialah selaku

suatu masyarakat kampung yang belum menikmati bekalan air yang sempurna maka mereka dihitung masih berada di bawah paras kemiskinan.

Dengan itu dalam usaha Kerajaan hendak meningkatkan taraf ekonomi rakyat maka perhatian berat hendaklah diberikan kepada bekalan air yang sempurna kerana ini menjamin kesihatan mereka serta membolehkan mereka mengekalkan daya pengeluaran yang tinggi. Kita juga maklum dalam hubungan inilah maka Kerajaan Negeri sekarang sedang menjalankan langkah untuk mengadakan apa yang disebut "Kampung Tersusun" dengan tujuan hendak membekalkan segala kemudahan yang perlu termasuk bekalan air dan elektrik.

Langkah ini memang baik tiada siapa pun yang boleh menafikan. Hanya pada pandangan saya skop untuk "Kampung Tersusun" ini agak terbatas kepada penempatan baru sahaja. Mungkin ada beberapa buah kampung tradisional yang boleh diubah coraknya menjadi "Kampung Tersusun", namun pada kebanyakannya kampung-kampung tradisional akan tinggal dalam bentuk dan keadaan lama oleh kerana beberapa faktor yang tidak dapat diatasi. Bukanlah satu hal yang mudah meminta penduduk berpindah akan mengalih rumah mereka ke tapak yang baru supaya lebih rapat antara satu dengan lain dan tidak berselerak jauh sebagaimana yang lazimnya berlaku. Soal milik tanah, keadaan rumah yang uzur mungkin boleh diatasi dengan bantuan untuk memperbaiki rumah. Keengganan meninggalkan kampung pesaka umpamanya adalah antara beberapa faktor yang menjadi halangan (constraint) kepada penyusunan semula kampung-kampung Melayu asal. Namun demikian, pada pandangan saya tidaklah sebenarnya Kerajaan

mengabaikan begitu sahaja kampung-kampung tradisional yang berjumlah ratusan, kalau tidak dalam lingkungan ribuan. Langkah-langkah hendaklah dijalankan dalam tempoh RM5 ini dan RM-RM yang berikutnya membaiki keadaan sosial ekonomi kampung-kampung tradisional dengan beransur-ansur memberikan kemudahan asas yang amat diperlukan itu.

Pembaikan hendaklah bermula dengan kampung-kampung tradisional yang berhampiran dengan rancangan-rancangan tanah FELDA, FELCRA dan lain-lain supaya perbezaan taraf hidup masyarakat yang sangat menjolok mata itu akan beransur-ansur dihapuskan. Pembaikan itu apabila dijalankan beransur-ansur dihapuskan. Perkara pembaikan-pembaikan itu bila dijalankan seluruhnya kelak dengan mengadakan segala kemudahan yang disebutkan mula-mula tadi perhubungan dengan jalan, bekalan air dan elektrik, sekolah, klinik, kemudahan riadah dan beribadat, bermakna menghapuskan jurang yang begitu ketara kini dan benar-benar membawa kepada wujudnya masyarakat yang sama rata di negara kita yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin dikemukakan dalam perbahasan ini ialah tentang masyarakat Orang Asli dan masa depan mereka. Kita semua maklum sejak mencapai kemerdekaan, masyarakat Orang Asli di negara kita ini yang bilangannya sesuku juta jiwa atau lebih itu sudah dapat mengecap sedikit-sebanyak nikmat kemerdekaan itu. Kita boleh menyaksikan dalam beberapa negeri, masyarakat Orang Asli telah mula berubah ke arah hidup cara moden, terutama bagi mereka yang sanggup berpindah dan tinggal di beberapa tempat permastautin baru seperti Fort Bertau di Lipis, Pahang, Fort Brook di Gua Musang, Kelantan antara lain-lain.

Di beberapa tempat yang lain pula seperti daerah Pahang dan di Kuala Kubu Bahru, Selangor mereka diberikan perkampungan baru yang lengkap dengan rumah-rumah, kebun getah, binatang-binatang ternakan dan juga kemudahan persekolahan dan beransur-ansur mereka pula bersepadu dengan masyarakat yang tinggal jiran dengan mereka. Walaupun banyak perubahan yang berlaku dalam masyarakat Orang Asli kita, namun saya merasakan tempoh perubahan ini agak lambat dari apa yang sepatutnya. Salah satu daripada faktor yang rasa patut diberi pertimbangan yang serius ialah kedudukan Jabatan Orang Asli yang diberi tugas untuk mengendalikan urusan kemajuan masyarakat Orang Asli itu. Semenjak 12 tahun yang lalu ini JHEOA terletak di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri oleh kerana keadaan pada masa itu mengkategorikan mereka sebagai masalah keselamatan.

Tidaklah perlu saya berpanjang lebar dalam hal ini tetapi tentulah kita masih ingat bahawa semasa meningkatnya semula kegiatan PKM, terutama di Perak dan Pahang masyarakat Orang Aslilah menjadi tumpuan pihak PKM. Memang tidak dinafikan adanya kumpulan-kumpulan Orang Asli yang telah dipengaruhi oleh PKM dan bergerak bersama-sama mereka menentang Kerajaan. Keadaan inilah yang mendesak Kerajaan pada masa itu memberikan perhatian khas kepada kehidupan mereka dan menarik mereka keluar dari cengkaman PKM itu. Langkah-langkah yang dijalankan dengan bijaksana telah berjaya besar memujuk masyarakat Orang Asli keluar dari kawasan pedalaman dan dikelompokkan kepada beberapa pusat penempatan di mana mereka dapat menikmati kemudahan hidup serta cara hidup yang lebih teratur dan yang amat penting lagi melepaskan mereka dari cengkaman pengaruh

PKM yang merbahaya itu. Selain dari kehidupan yang lebih teratur dan pembaikan taraf ekonomi, ramai pula pandai kaum Asli yang masuk berkhidmat dalam Pasukan Keselamatan, khususnya Pasukan Senoi Praak yang seluruhnya dianggotai oleh masyarakat Orang Asli.

Kini selepas satu dekad lebih saya perhatikan keadaan masyarakat Orang Asli boleh dikatakan stagnant, dengan izin, agak beku dan tidak bergerak maju menurut tempo yang diharapkan. Ini bukanlah kerana mereka sendiri tidak mahu ingin maju, malah mereka merasa keciwa oleh kerana kurang kemampuan Agensi Kerajaan yang diharap membawa mereka ke arah kemajuan itu. Saya rasa seperti saya katakan asal tadi sampailah masanya bagi Kerajaan membuat pertimbangan baru mengenai masyarakat Orang Asli ini supaya kemajuan mereka dapat ditingkatkan dengan lebih bermakna lagi.

Kini mereka bukanlah lagi merupakan masalah keselamatan. Kalau gesaan ini dipersetujui maka lebih eloklah kalau mereka dipindahkan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yang asalnya mengendalikan mereka pada satu masa dahulu supaya dapat dibuat perancangan baru mengenai mereka. Memang sudah ada cadangan dibuat supaya Orang-orang Asli diberi tempat dalam rancangan-rancangan tanah yang ada FELDA atau FELCRA supaya untung nasib mereka menjadi lebih tetap terjamin. Barangkali ada juga baiknya kalau suatu rancangan itu dibuat khusus bagi masyarakat mereka sahaja dan tidak dibuat bercampur dengan peneroka Melayu kita. Ini akan menjadi lebih bermakna kalau kita berpendapat bahawa cara hidup mereka harus

dikekalkan, kecuali bagi mereka yang sudah agak sehati dengan orang-orang Melayu dan rela dengan kehendak sendiri memeluk agama Islam maka tentulah elok mereka disepadukan dengan masyarakat Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita membahaskan Ucapan Terima Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya merasakan tidak senang dan tidak puas hati kalau tidak kita menceritakan sedikit mengenai skandal BMF yang menjadi buah mulut rakyat di seluruh negara pada hari ini. Inilah kali yang pertama kali saya mempersoalkan, menyebut perkara BMF ini. Kalau dipandang daripada parti-parti Pembangkang seperti DAP perkara ini disebut-sebut seolah-olah seperti orang buta apabila melihat ayam putih, apabila matanya tertutup seketika oleh kerana diberi oleh Tuhan celek sekejap maka perbandingan sentiasa adakah itu BMF, adakah itu BMF, itulah anggapan saya kepada hujah-hujah yang dibawa oleh parti DAP terutamanya.

Selain daripada itu, satu perkara yang harus saya perkatakan di Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai dengan tebalnya Laporan BMF ini sepanjang 13 jilid dan kalau ditimbang pula di salah sebuah pejabat pos di Kuala Lumpur ini maka terdapatlah beratnya secara official ialah 15.7 kilogram, amat tebal sekali dan amat berat sekali. Kalau kita memikunya rebeh bahu sebelah kata orang Melayu. Satu daripada soal yang ditimbulkan dalam. . . .; saya tidak mahu memburukkan Ahli-ahli Jawatankuasa Penyiasat dalam kes BMF ini, nampaknya mereka telah menjalankan tugas-tugas mereka dengan bersungguh-sungguh dan menjelaskan banyak aspek tentang sejauh mana dan cara-cara pegawai BMF telah bersama-sama dengan George Tan menipu wang BMF dan

cuai dalam tanggungjawab mereka. Adalah jelas pagar makan padi, bukannya padi sahaja bahkan ia tenggelam dalam padi.

Satu daripada soal yang timbul dalam pemikiran kita apabila kita membaca apa yang berlaku dalam penyelewengan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai BMF dan Carrian adalah peranan Bank Negara Malaysia. Apakah sebabnya Bank Negara telah tidak dapat tahu apa yang berlaku di BMF sehingga bulan Oktober 1981. Apa sebabnya mereka senang sahaja memberi, dengan izin, "Letter of Comfort" mengatakan tidak ada halangan oleh BMF meminjamkan tanpa had di dalam pasaran wang (money market). Apakah sebabnya Bank Negara Malaysia telah tidak mengambil tindakan yang tegas dan berkesan yang mungkin telah dapat menyelamatkan kerugian yang lebih selepas audit mereka ke atas BMF pada bulan Oktober 1981.

Selepas memikirkannya beberapa lama, saya berpendapat ini adalah kerana muslihat pegawai-pegawai BMF sendiri yang telah menyembunyikan kejadian-kejadian yang sebenar daripada eksekutif BBMB. Lorrain Osman telah menjadi Pengerusi BMF dan juga Pengarah Kanannya dalam BBMB. Pegawai-pegawai seperti Ibrahim Jaafar, Henry Chin di antara lain telah sama fikiran dan berkelakuan seperti Pengerusi mereka. Jika laporan-laporan buruk atau kurang menyenangkan, tidak boleh diharapkan dari mereka ini, mereka sering untung banyak daripada pinjaman tanpa had kepada Carrian. Urusan kewangan antarabangsa yang mendapatkan kebanyakan daripada wang untuk dipinjamkan kepada kumpulan Carrian adalah di bawah jagaan Dr Rais Saniman. Beliau ini telah memainkan peranan yang berleluasa dalam muslihat BMF dan Carrian dan

untung beberapa juga dalam mengaturkan pinjaman-pinjaman ini. Sudah tentu beliau sendiri tidak akan melaporkan apa-apa kepada Pengerusi atau Lembaga BBMB, sebaliknya beliau menyembunyikan segala rekod tindakan beliau.

Di peringkat atas lagi Datuk Hashim Shamsuddin menjadi pegawai tetap yang kanan sekali sebagai Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif di BBMB dan juga menjadi Pengarah BMF. Beliau inilah yang menjalankan pengawasan di atas segala urusan dan kegiatan BBMB dan anak-anak syarikatnya. Beliaulah yang harus mengaturkan agenda dan kertas-kertas laporan audit dan sebagainya kepada Lembaga Pengarah BBMB yang kebanyakannya "part-time" sahaja, tetapi beliau juga nampaknya telah menjadi buaya yang besar dan lapar dan penipuan BMF.

Jadi, sipakah yang akan melaporkan keburukan yang berlaku dalam BMF dan cara-cara pinjaman-pinjaman diberi dan biyai? Mereka yang bertanggungjawablah sendiri yang telah berikhtiar secara terbuka untuk menipu dan mencuri. Mereka telah menjadi tembok yang tinggi dan tebal menyorokkan segala laporan daripada pengurusan. Dalam keadaan ini apakah Pengerusi Lembaga buat? Apabila dihadapi dengan hasil audit Bank Negara Malaysia, Pengerusi, Dr Nawawi Mat Awain yang menggantikan Tan Sri Kamarul Ariffin telah diyakinkan oleh golongan pengarah dan pegawai bahawa segala-galanya adalah "under control", dengan izin, seperti dilaporkan dalam Laporan Jawatankuasa. Beliau ini telah juga meyakinkan Perdana Menteri yang dihubungi oleh Gabnor Bank Negara. Bank Negara dan Perdana Menteri telah dengan senang diyakinkan oleh Dr Nawawi. Dr Nawawi telah kemudiannya menjadi mangsa kepada muslihat jahat pegawai-pegawainya

dan terpaksa meletakkan jawatan selepas gagal kontrolkan kejadian-kejadian dalam BMF.

Kerajaan telah nampaknya sentiasa cuba mengawasi keadaan. Tindakan-tindakan diambil termasuk perlantikan Jawatankuasa Penyiasat di bawah Tan Sri Ahmad Noordin yang telah mengeluarkan laporan yang panjang ini. Kerajaan telah juga menggantikan Pengerusi BBMB sebagai langkah pertama pada awal Februari, 1982 dan beliau telah cuba mengontrolkan BMF melalui satu Jawatankuasa "Supervisory" yang diwujudkan. Kemudiannya, apabila ini tidak berkesan, Pengerusi itu sendiri dan semua Ahli Lembaga Pengarah BBMB dan BMF diganti dengan ahli-ahli yang baru. Akta Bank telah dipindahkan dua kali dalam tahun 1984 dan 1985 bagi mengawal kejadian-kejadian seperti berlaku di BMF dan insya Allah, pindaan-pindaan ini akan menyekat kebebasan bertindak jauh daripada batasan tanggungjawab pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai bank.

Akhir sekali dalam kes BMF, semua pengarah dan pegawai BMF telah dilaporkan kepada Polis Hong Kong dan sedang dihadapi di mahkamah di Hong Kong kerana di sanalah berlaku kebanyakan urusan pinjaman kepada BMF. Di sanalah terdapat segala rekod-rekod BMF dan rekod-rekod pasaran saham, pendaftaran dan penukaran hakmilik hartanah dan dibeli atau dicagarkan oleh kumpulan Carrion. Kita juga diberitahu oleh Tan Sri Dato Haji Basir Ismail, Pengerusi BBMB bahawa tindakan mahkamah sedang juga diambil di Kuala Lumpur terhadap beberapa pengarah dan pegawai BBMB yang lain. Tindakan sivil juga telah diambil seberapa yang boleh untuk menyelamatkan pinjaman-pinjaman yang diberi dengan menggunakan pada pertama kali Malaysia Mareva Injunction terhadap harta beberapa orang yang terlibat.

Dalam segala ini manalah peluang atau wajar bagi pihak Pembangkang untuk menyatakan bahawa Kerajaan sedang berdiam diri ataupun Kerajaan sedang "cover-up" apa yang berlaku. Biarlah kita "let the law take its course", dengan izin, kerana tidak sesiapa pun dalam Malaysia, jauh lagi Kerajaan sendiri yang bertujuan memberi perlindungan kepada mereka yang terlibat. Mereka sedang dihadapi di mahkamah di mana hukumannya harus dijatuhkan.

Sepertimana yang saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, bahawa nampaknya Ahli-ahli Jawatankuasa ini telah menjalankan kerja dengan baik dan mengeluarkan laporan yang begitu tebal dan begitu detail sekali, tetapi apa yang merunsingkan saya ialah mengenai dengan pembayaran yang dibuat kepada Jawatankuasa ini. Apa yang saya difahamkan bahawa \$1.8 juta telah didahului kepada Ahli Jawatankuasa ini untuk menjalankan tugas-tugasnya. Mereka dengan bersusah payah pergi ke Hong Kong dan mendapat berbagai-bagai rintangan, kadangkala mungkin tidak dapat perkara-perkara yang dicari dan berjumpa.

Saya minta penjelasan kepada Kerajaan bahawa bolehkah memberitahu kami, Ahli-ahli Dewan Rakyat ini yang mengetahui benar bahawa laporan ini dibuat dalam masa dua tahun dan banyaklah perkara-perkara perlu dibelanjakan. Kalau dapat detail perbelanjaan yang digunakan oleh Jawatankuasa ini apakah imbuhan-imbuhan yang diberi kepada Ahli-ahli Jawatankuasa ini oleh kerana penat-lelahnya atau adakah mereka ini membuat kerja, umpamanya Pengerusinya, Tan Sri Ahmad Noordin sebagai seorang pegawai Kerajaan tidak mengambil apa-apa imbuhan, kecuali elaun-elaun biasa sebagai Pegawai Kerajaan dan berapakah imbuhan yang dibayar kepada Chooi Mun Sou, seorang

peguam swasta dan juga Encik Ramli, seorang Akauntan swasta kerana rakyat perlu mengetahui pembayaran-pembayaran ini. Adakah pembayaran ini terlalu rendah atau terlalu tinggi atau berpatutan atau tak dibayar langsung.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong usul Ucapan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Padang Serai.

6.26 ptg.

Tuan Tan Kok Hooi (Padang Serai): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang mengambil bahagian dalam perbahasan serta menyokong usul Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, di saat-saat ini ketika Kerajaan menghadapi bermacam-macam perkara dan ancaman, sebagai rakyat yang cintakan negara hendaklah meletakkan kepentingan negara atas kepentingan-kepentingan yang lain. Semua rakyat haruslah bersatupadu supaya menghadapi kerumitan yang negara hadapi sekarang. Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang kaum, kebudayaan dan agama. Seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia setiap rakyat bebas mengembangkan bahasa ibunda dan bebas atas kepercayaan agama. Hakikat dan kebenaran ini tidak boleh dicabuli oleh mana-mana golongan pun, terutama di saat-saat kita berusaha hendak menyempitkan jurang polarisasi kaum dengan tujuan membina Malaysia sebuah negara yang benar-benar bersatupadu. Maka

dengan ini, pelampau-pelampau kaum dan agama hendaklah ditentang dengan sehabis-habisnya.

Tuan Yang di-Pertua, Peristiwa Keganasan di Batu Pahat pada tahun 1980, Peristiwa Berdarah di Kampung Memali pada hujung tahun lalu telah jelas menunjukkan pelampau-pelampau agama telah menggunakan kekerasan serta mencabar kedaulatan undang-undang semata-mata ingin memenuhi niat politik.

Tuan Yang di-Pertua, Skandal BMF telah mengakibatkan negara kehilangan \$2.5 billion. Mengikut Laporan Akhir BMF, jelas kelihatan skandal ini adalah disebabkan oleh kelemahan pengurusan, misalnya tipu-menipu, menyeleweng, bersubahat, akaun tidak "check and balance", dengan izin. Manusia yang sepanjang masa itu kita harapkan pagar, tetapi pagar makan padi. Perbuatan segelintir manusia itu patut dikutuk dan dianggap sebagai pengkhianat. Pengkhianat negara hendaklah diheret ke mahkamah, bukan sahaja dihukumkannya dengan seberat-beratnya, bahkan tuntutan balik sebahagian wang \$2.5 billion itu. Cuma

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup, boleh sambung esok.

Oleh sebab ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, saya akan membenarkan beberapa orang lagi berucap esok dan haraplah jangan panjang-panjang sangat. Jikalau sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat menghadkan kepada 10 minit, saya rasa kesemua boleh mempunyai peluang untuk berucap.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.